A Maal Hijrah Talk presented by Ustaz Ann Wang Seng, Secretary General of the Malaysian Chinese Muslim Association. He explained the spreading of Islam in China.



22 Disember / December

KEMPEN DERMA DARAH

BLOOD DONATION CAMPAIGN

Dewan Jubli Agro, Tingkat 3, Ibu Pejabat Agrobank Kuala Lumpur
Agro Jubilee Hall, Level 3, Agrobank Head Office Kuala Lumpur

Kelab Agrobank sekali lagi telah menganjurkan program Kempen Derma Darah. Kempen ini terbuka kepada orang luar.

Agrobank Club once again held a Blood Donation Campaign. The campaign was opened to the public.

46 22 & 23 Disember / December

PERSIDANGAN PENGURUS-PENGURUS

MANAGERS CONFERENCE

Pearl International Hotel, Kuala Lumpur

Persidangan Pengurus-Pengurus Bil. 1/2010 telah bersidang secara rasminya pada 22 dan 23 Disember 2010 di Pearl International Hotel, Kuala Lumpur.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari itu turut menampilkan keunikannya buat pertama kali di mana, semua negeri tampil dengan *battle cry* masing-masing dalam matlamat untuk mencapai sasaran peningkatan pinjaman dan juga deposit.

The First Managers Conference of 2010 was held on 22 and 23 December 2010 at Pearl International Hotel, Kuala Lumpur.

The two day conference introduced each state's battle cry as they strived to achieve their target to increase loans and deposits.



47 27 Disember / December

AGROBANK BERSAMA PESAWAH

AGROBANK WITH FARMERS

Kampung Melele Kodiang, Kedah

Agrobank telah menyampaikan bantuan berbentuk jentera pertanian sebanyak 14 unit kepada mangsa banjir. Di samping itu penyampaian surat tawaran pinjaman kepada pelanggan Agrobank juga telah diadakan.

Pada majlis yang sama, Y.Bhg. Datuk Ahmad Said, Pengarah Urusan Agrobank telah turun ke sawah untuk membantu pesawah-pesawah menabur baju.

Agrobank provided aid in the form of 14 units of agricultural machinery for flood victims. In addition, a loan offer letter for Agrobank customers was also presented.

Y.Bhg. Datuk Ahmad Said, Managing Director, also went to the padi fields to help the farmers fertilize their fields.



Mengambil jalan selamat adalah pilihan yang paling tidak selamat di dunia. Anda tidak boleh berpeluk tubuh. Anda harus mara.

*Playing safe is probably the most unsafe thing in the world.
You cannot stand still.
You must go forward.*

Robert Collier



2010

Agrobank telah terpilih untuk menerima anugerah berprestij "Emerging Bank of the Year" pada malam majlis Malaysia Business Leadership Awards 2010 yang berlangsung pada 22 Mei 2010 lalu, bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur.

Emerging Bank of the Year



Agrobank was named "Emerging Bank of the Year" at the Malaysia Business Leadership Awards 2010 held on 22 May 2010, at Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur.

2009


National Service Challenge 2009



Anugerah Pohon Pengidup




Lawn Ball 2009



Amanah Raya Berhad









cawangan tg. karang,
selangor

TG. KARANG BRANCH, SELANGOR



knowledge centre,
ibu pejabat agrobank
kuala lumpur

KNOWLEDGE CENTRE, AGROBANK HEAD OFFICE, KL

Bank Pertanian Malaysia

Agrobank yang dahulunya dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia (BPM) ditubuhkan pada 1 September 1969 di bawah Akta Parlimen Bank Pertanian Malaysia Bil.9/69. BPM telah beroperasi sebagai sebuah badan berkanun bermula tahun 1970.

Penubuhan BPM adalah akibat daripada langkah Kerajaan untuk melaksanakan projek pengairan bagi menampung tanaman padi dua kali setahun untuk seluruh kawasan tanaman padi negeri-negeri Kedah dan Perlis. Projek yang menjadi tumpuan utama adalah di kawasan pengairan Muda yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Hasil daripada pembukaan dua buah cawangan pertamanya di Alor Setar, Kedah pada tahun 1969 dan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1970, maka bermulalah peranan dan perkembangan BPM dalam usaha menyediakan khidmat bantuan kredit kepada para petani.

Sebagaimana tercatat di dalam Akta BPM 1969, objektif BPM pada masa itu adalah seperti berikut:

- Menggalakkan kemajuan sempurna dalam sektor pertanian di Malaysia atau mana-mana bahagiannya;
- Menyelaraskan dan menyelia bantuan kredit daripada kumpulan wang awam untuk maksud-maksud pertanian bagi kegunaan pelbagai jenis orang atau kumpulan, samada diperbadankan atau sebaliknya;

Bank Pertanian Malaysia

Agrobank, formerly known as Bank Pertanian Malaysia (BPM), was established in 1969 under the Act of the Parliament of Malaysia No.9/69. BPM commenced operations as a statutory body in 1970.

In order to support the biannual planting of padi for the states of Kedah and Perlis, the government took several measures to implement an irrigation project, which resulted in the establishment of BPM. The Muda irrigation project, managed by Muda Agricultural Development Authority (MADA), became the main focus.

The launching of its two maiden branches in Alor Setar, Kedah (1969) and Kota Bharu, Kelantan (1970) marked the beginning and development of BPM in its pursuit to provide credit assistance services to farmers.

The objectives as stipulated under the BPM Act 1969 are:

- To promote sound agricultural development in Malaysia or any part thereof;
- To coordinate and supervise the grant of credit from public funds for agricultural purposes by various persons or bodies of persons whether corporate or otherwise;

- Mengadakan kemudahan-kemudahan pinjaman, pendahuluan dan kredit untuk kemajuan pertanian termasuklah penghasilan dan pemasaran;
- Menyelenggara wang simpanan khususnya dalam bidang pertanian dan bagi mencapai tujuan ini, menerima wang simpanan dan deposit masa.

Agrobank

Kini, setelah lebih 40 tahun menerajui sektor perbankan pertanian negara, akhirnya BPM dikenali sebagai Agrobank susulan pengkorporatannya pada 1 April 2008.

Usaha-usaha pengkorporatan ini bermula setelah Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) diluluskan dalam Mesyuarat Mingguan Kabinet pada 12 September 2007. Kemudiannya, Rang Undang-Undang BPM Berhad 2007 telah diluluskan di Dewan Negara pada 19 Disember 2007. Tan Sri Dato' Seri Hj. Muhyiddin Hj. Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada masa itu telah bersetuju dengan tarikh kuatkuasa pengkorporatan pada 1 April 2008.

Melangkah ke era pengkorporatan, Bank bertukar wajah dengan imej dan identiti korporat yang baru.

Agrobank kini adalah sebuah Bank milik Kerajaan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan, dengan objektif yang lebih luas seperti berikut:

- Menyediakan perkhidmatan kewangan dan perbankan dengan fokus kepada sektor pertanian
- Meningkat dan menggalakkan pembiayaan pertanian oleh sektor perbankan komersil
- Menjadi salah satu agen bagi program pembangunan Kerajaan
- Menjadi pusat kepakaran pertanian
- Menyediakan penarafan kredit pertanian

- To provide loans, advances and other credit facilities for the development of agriculture, including production and marketing;
- To mobilize savings with particular regards to the agricultural sector and in furtherance of this objective, to accept savings and time deposits.

Agrobank

With more than 40 years of experience leading the nation's agricultural banking sector, BPM subsequently known as Agrobank after its corporatization on 1 April 2008.

Efforts to corporatize the Bank began once the Bank Pertanian Malaysia Berhad Act (BPMB) was approved in the Weekly Cabinet Meeting on 12 September 2007. The House of Senate then approved the BPM Berhad Bill of Law 2007 on 19 December 2007. Subsequently, Minister of Agriculture and Agro-based Industries, Tan Sri Dato' Seri Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin, agreed to the effective date of its corporatization on 1 April 2008.

To step into an era of corporatization, the bank emerged with a new corporate image and identity.

Agrobank is a Government owned Bank under the Minister of Finance Incorporated, with the following broad objectives:

- Provides financial and banking services with a focus on the agricultural sector
- Upgrades and encourages agricultural financing by the commercial banking sector
- One of the agents for the Government's development programme
- The centre of agricultural expertise
- Provides credit rating for agriculture



Tinjauan Ekonomi

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 7.2% pada tahun 2010. Paket rangsangan kerajaan, polisi kewangan yang menggalakkan dan kebangkitan eksport telah menolong memulihkan ekonomi dari penguncutan sebanyak 1.7% pada tahun 2009. Dengan keadaan ekonomi semakin baik dan suasana perniagaan bertambah cergas, kadar pengangguran telah menurun kepada 3.2% pada 2010, dari 3.7% pada 2009. Untuk mengukuhkan sektor domestik berikutan ekonomi global yang masih tidak menentu, kerajaan telah mengadakan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) bagi menentukan halatuju ekonomi Malaysia.

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 5% hingga 6% pada 2011, dipacu terutamanya oleh aktiviti domestik yang kukuh berikutan keadaan ekonomi global yang agak lembab. Pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan inisiatif-inisiatif ETP yang diterajui sektor swasta berjalan lancar dan memberi kesan gandaan. Permintaan domestik yang kukuh dan keyakinan pengguna dan peniaga yang agak stabil dijangka menyumbang ke arah pertumbuhan yang baik di dalam sektor perbankan pada 2011.

Tinjauan Sektor Perbankan

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada 2010 telah menggalakkan aktiviti pinjaman dalam sektor perbankan. Pertumbuhan pinjaman meningkat daripada 7.8% pada tahun 2009 kepada 12.7% pada tahun 2010. Pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat 9.4%, manakala kepada isirumah meningkat 13.5% pada 2010. Kualiti aset pinjaman kekal pada tahap yang baik, dengan nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (NPLs) pada tahap yang masih rendah iaitu 2.3% pada 2010, walaupun meningkat sedikit daripada 1.8% pada 2009. Walau bagaimanapun, pertumbuhan deposit menurun daripada 9.3% pada 2009 kepada 7.3% pada 2010. Persaingan dari pelaburan yang menawarkan pulangan lebih tinggi telah membawa kepada penurunan dalam pertumbuhan deposit.

Economic Outlook


The Malaysian economy registered a 7.2% growth in 2010. The government's stimulus package, stimulative monetary policy, and the rebound in exports had helped revive the economy from a 1.7% contraction in 2009. Thanks to the improving economy and a more upbeat business climate, the unemployment rate was reduced to 3.2% in 2010, from 3.7% in 2009. To strengthen the domestic sector amid an uncertain global environment, the government initiated the Economic Transformation Programme (ETP) to chart the future course of the Malaysian economy.

The Malaysian economy is expected to grow between 5% to 6% in 2011, to be driven mainly by strong domestic activities as the global economy remains uninspiring. Efforts have been taken by the government to ensure that the ETP initiatives being led by the private sector proceed as planned and generate multiplier effects on the ground. Continued expansion in domestic demand and a fairly stable consumer and business confidence are expected to contribute towards a sound growth in the banking sector in 2011.

Banking Sector Outlook

The strong economic growth in 2010 had spurred lending activities in the banking sector. Loans growth in the banking system accelerated from 7.8% in 2009 to 12.7% in 2010. Loans to business enterprises grew 9.4%, while households rose at a strong rate of 13.5% in 2010. The quality of loan assets remained favourable, with the net non-performing loans (NPLs) ratio at a low level of 2.3% in 2010, though up slightly from 1.8% in 2009. However, deposits growth declined from 9.3% in 2009 to 7.3% in 2010. The competition with other investment opportunities that offer higher returns had partly led to the reduction in deposit growth.

Sistem Perbankan: Pertumbuhan Jumlah Pinjaman
Banking System: Total Loans Growth



Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada bulan Mac, Mei dan Julai 2010 dengan peningkatan 0.25% bagi setiap kenaikan, seterusnya meningkatkan OPR dari 2.00% pada Februari 2010 kepada 2.75% pada Julai 2010. Dengan kadar inflasi yang rendah pada 2010 (1.7%), OPR dijangka hanya akan dinaikkan pada 2011 apabila paras harga menjadi lebih membimbangkan. Bagi membendung peningkatan tahap kecairan dalam sistem perbankan, Keperluan Rizab Berkanan (SRR) akan dinaikkan secara beransur-ansur. Dengan pelaksanaan program ETP semakin rancak pada 2011, pertumbuhan pinjaman dalam sektor perbankan dijangka kekal kukuh dan mungkin melebihi 10%.

Bank Negara Malaysia (BNM) raised the Overnight Policy Rate (OPR) in March, May and July 2010 with an increase of 0.25% each time, lifting it from 2.00% in Feb 2010 to 2.75% in July 2010. With inflation at a mild rate in 2010 (1.7%), the OPR is only expected to be raised in 2011 when the price level becomes a greater concern. To contain the rise of liquidity in the banking system, the Statutory Reserve Requirement (SRR) ratio could be raised gradually. As the implementation of the ETP is stepped up in 2011, loans growth in the banking system is expected to remain strong, possibly at more than 10%.

Halatuju Tahun 2011-2012 / Moving Forward 2011-2012

HALATUJU AGROBANK ADALAH BERTEMAKAN KE ARAH PENINGKATAN PERTUMBUHAN KEUNTUNGAN YANG MAMPAH DAN DIPEROLEHI MELALUI PELBAGAI SUMBER PENDAPATAN DENGAN MEMBERIKAN FOKUS DALAM BIDANG PERTANIAN.

THE BANK'S THEME FOR MOVING FORWARD WILL BE TOWARDS CONTINUOUS GROWTH IN PROFITS THROUGH MULTIPLE AND SUSTAINABLE REVENUE SOURCES WITH A FOCUS ON AGRICULTURE.

Tema tersebut akan mengukuhkan lagi kedudukan Agrobank dalam melaksanakan mandatnya sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan yang khusus dalam bidang pertanian dan seterusnya menjadikan Agrobank sebagai sebuah Bank yang lebih kukuh.

Untuk memacu perniagaan dan operasi Agrobank bagi tahun 2011-2012, enam pemacu utama untuk merangsang pertumbuhan telah dikenalpasti dan akan dilaksanakan bagi memberikan fokus dan arah sasaran Bank. Bagi mencapai hasrat ini, peruntukan yang bersesuaian akan disediakan bagi membangunkan infrastruktur yang lengkap dan untuk meningkatkan keupayaan modal insan melalui penyediaan program-program insentif dan ganjaran yang lebih baik dan memberikan motivasi serta latihan kepada kakitangan.

Bank ini juga akan terus mendokong mandatnya sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan yang memberi tumpuan dalam pembiayaan pertanian serta meningkatkan sektor pertanian negara ke tahap yang lebih tinggi.

KPI Korporat akan ditetapkan supaya Bank dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dan ianya akan merangkumi nilai-nilai Pembangunan, Kewangan, Pelanggan dan Kakitangan. Nilai-nilai Pembangunan dan Kewangan diberikan penekanan yang lebih tinggi.

Adalah dijangkakan Agrobank akan terus mencapai prestasi yang baik dalam tahun 2011.

The theme reinforces the Bank's mandated role as a developmental financial institution (DFI) focusing in agricultural financing, whilst transforming the bank towards sustainability.

To drive the business of Agrobank in the year 2011-2012, six strategic drivers as prime enablers have been identified to provide focus and clarity on the business targets. The business will also be driven by the necessary support and financial allocations for infrastructure development and improvements in staff competencies through incentives, motivational and training programmes.

The bank will continue its mandated role as a developmental financial institution focusing in agricultural financing whilst rebalancing its agriculture portfolio to a higher level.

Corporate KPIs are established to ensure focus in the attainment of the Business Plan targets covering Developmental, Financial, Customer and Employee values. The Developmental and Financial value is given emphasis in 2011.

Barring unforeseen circumstances, Agrobank is expected to maintain its earnings momentum and continue to record a satisfactory performance for the year 2011.

A red vertical bar on the left side of the image features abstract white line drawings. At the top, a large triangle is partially visible. Below it, several thin, wavy lines radiate from a central point. A small circle is located at the bottom right.

Kemajuan adalah aktiviti hari ini
dan jaminan untuk masa hadapan.

*Progress is the activity of today
and the assurance of tomorrow.*

Ralph Waldo Emerson



**Lembaga Pengarah
Board of Directors**

Nama-nama Lembaga Pengarah Bank pada tarikh laporan yang terakhir dan sehingga tarikh laporan ini adalah:-
The members of the Board of Directors from the previous to the current report are:-



1. TAN SRI FAIZAH MOHD TAHIR
 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Chairman
 (Dilantik mulai 5 Ogos 2010
 Appointed effective 5 August 2010)



2. DATO' MOHAMED SALLEH BAJURI
 Pengurus Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Chairman
 (Berkhidmat sehingga 19 Jun 2010
 In service until 19 June 2010)

3. ENCIK WAN MOHD FADZMI WAN OTHMAN FADZILAH
 Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
President/Chief Executive Officer
 (Dilantik mulai 1 Julai 2011/Appointed effective 1 July 2011)

5. DATUK DR. SAHARAN HAJI ANANG
 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/*Independent Non-Executive Director*

7. DATUK JOHAR CHE MAT
 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director
 (Dilantik mulai 1 Julai 2010/Appointed effective 1 July 2010)

9. DATIN RUZAINA WAN HANIFF
 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director
 (Dilantik mulai 1 Mac 2011/Appointed effective 1 March 2011)

11. DATO' CHE MOHD HASHIM ABDULLAH
 Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non-Independent Non-Executive Director
 (Dilantik mulai 2 Mei 2011/Appointed effective 2 May 2011)

13. DATUK DR. ELIAS KADIR
 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director
 (Berkhidmat sehingga 2 Jun 2010/*In service until 2 June 2010*)

15. DATUK DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF
 Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non-Independent Non-Executive Director
 (Berkhidmat sehingga 6 Mei 2010/*In service until 6 May 2010*)



4. DATUK AHMAD SAID
 Pengarah Urusan/*Managing Director*
 (Berkhidmat sehingga 30 Jun 2010/*In service until 30 June 2010*)



6. PUAN RASHIDAH MOHD SIES
 Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non-Independent Non-Executive Director
 (Dilantik mulai 8 Jun 2010/Appointed effective 8 June 2010)

8. ENCIK NG CHIH KAYE
 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/*Independent Non-Executive Director*
 (Dilantik mulai 8 Februari 2011/Appointed effective 8 February 2011)

10. ENCIK MD HILMI DATUK HAJI MD NOOR
 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/*Independent Non-Executive Director*
 (Dilantik mulai 1 Mac 2011/Appointed effective 1 March 2011)



12. DATO' MOHD HANIF SHER MOHAMED
 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/*Independent Non-Executive Director*
 (Berkhidmat sehingga 2 Jun 2010/*In service until 2 June 2010*)



Profil Pengarah
Directors' Profile



1

**TAN SRI FAIZAH
MOHD TAHIR**

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Chairman

Tan Sri Faizah Mohd Tahir telah dilantik sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif Agrobank berkuatkuasa pada 5 Ogos 2010. Tan Sri Faizah memiliki Ijazah Sarjana (Pembangunan Ekonomi) dari Williams College, Amerika dan Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) dari Universiti Malaya.

Tan Sri Faizah telah memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam Malaysia sejak tahun 1973 sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Beliau pernah memegang beberapa jawatan utama antaranya Ketua Penolong Pengarah Seksyen Pembangunan Ternakan, Perikanan dan Penternakan EPU dan Seksyen Pembahagian sehingga tahun 1994. Beliau seterusnya dilantik sebagai Pengarah Seksyen Sumber Tenaga Manusia dan Seksyen Industri dan Perdagangan di EPU. Beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sehingga beliau bersara wajib dari perkhidmatan Kerajaan pada bulan Disember 2009.

Tan Sri Faizah adalah juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Goodyear Malaysia Berhad, Goodyear Marketing and Sales Sdn. Bhd. dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Tan Sri Faizah Mohd Tahir was appointed as Agrobank's Independent Non-Executive Chairman effective 5 August 2010. Tan Sri Faizah holds a Master's Degree (Economic Development) from Williams College, United States of America and a Bachelor's Degree (Economics) from Universiti Malaya.

Tan Sri Faizah began her career in the Malaysian government service as an Assistant Director at the Economics Planning Unit (EPU), Prime Minister's Department in 1973. She has held several key positions such as the Principal Assistant Director of the Fishing and Livestock Development, EPU and Distribution Section until 1994. She was later promoted as Director at the Human Resources Section and the Industry and Commerce Section in the EPU. Prior to her retirement from government service in December 2009, she was Chief Secretary in the Ministry of Women, Family and Community Development.

Tan Sri Faizah also sits on the Board of Goodyear Malaysia Berhad, Goodyear Marketing and Sales Sdn Bhd and Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Dato' Mohamed Salleh Bajuri adalah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif Agrobank mulai dari 20 Jun 2008 hingga 19 Jun 2010.

Dato' Mohamed Salleh merupakan seorang akauntan bertauliah dan ahli Institute of Chartered Accountant di Ireland. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan pengurusan termasuk Pengarah Urusan JB Securities Sdn. Bhd., Pengarah Eksekutif Kumpulan CRSC Holdings Sdn. Bhd., Juruaudit Kanan Peat Marwick & Co., Pengurus Besar Mayban Finance Berhad dan juga Pengurus Besar Malayan Banking Berhad. Beliau juga adalah bekas Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Jawatankuasa Perhubungan Awam bagi Pertubuhan Syarikat-Syarikat Kewangan Malaysia (AFCM).

Dato' Mohamed Salleh Bajuri was Agrobank's Independent Non-Executive Chairman from 20 June 2008 until 19 June 2010.

Dato' Mohamed Salleh is a Chartered Accountant as well as a member of the Institute of Chartered Accountant of Ireland. He has held several key positions including Managing Director of JB Securities Sdn. Bhd., Executive Director of CRSC Holdings Group Sdn. Bhd., Senior Auditor of Peat Marwick & Co., General Manager of Mayban Finance Berhad and Malayan Banking Berhad. He was also the former Chairman of the Education and Public Relations Committees for the Association of Finance Companies (AFCM).



2

**DATO' MOHAMED
SALLEH BAJURI**

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Chairman



3

**WAN MOHD. FADZMI
BIN WAN OTHMAN**

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
President/Chief Executive Officer

Wan Mohd. Fadzmi merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Binaan dari Royal Melbourne Institute of Technology, Australia.

Beliau menyertai Kumpulan RHB Banking pada 15 Julai 2010 sebagai Pengarah Perbankan Kewangan Global dan melapor kepada Pengarah Urusan Kumpulan. Tugas utama beliau adalah mengetuai dan menguruskan rangkaian operasi antarabangsa Kumpulan.

Sebelum menyertai Kumpulan RHB Banking, beliau pernah berkhidmat dengan Maybank selama 22 tahun, bermula sebagai Pegawai Pemasaran pada tahun 1989. Pada tahun 1999, Wan Mohd Fadzmi memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan termasuk mengetuai cawangan Maybank di London, New York dan Hong Kong. Beliau juga merupakan Ketua Operasi Luar Negara, Antarabangsa di mana beliau bertanggungjawab ke atas aspek operasi rangkaian antarabangsa Maybank yang merangkumi 12 pejabat di luar negara.

Berkatuksa 1 Julai 2011, Wan Mohd Fadzmi bin Wan Othman telah dilantik sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank.

Wan Mohd. Fadzmi holds a Bachelor of Construction Economics from the Royal Melbourne Institute of Technology, Australia.

He joined RHB Banking Group on 15 July 2010 as Director of Global Financial Banking, reporting to the Group Managing Director. His primary area of responsibilities was to lead and manage the Group's international operations network.

Prior to joining the RHB Banking Group, he was attached to the Maybank Group for 22 years. He started his career with Maybank as a Marketing Officer in 1989. From 1999 onwards, Wan Mohd Fadzmi held several senior management positions including heading Maybank's branches in London, New York and Hong Kong. He also served in the capacity of the Head of Overseas Operations, International, where he was responsible for the operations aspects of Maybank's international network, covering 12 overseas offices.

With effect from July 1, 2011, Agrobank has appointed Wan Mohd Fadzmi Wan Othman as its new President/Chief Executive Officer.

Datuk Ahmad Said adalah merupakan Pengarah Urusan dan Ahli Lembaga Pengaruh Agrobank berkuatkuasa pada 1 Jun 2009 sehingga 30 Jun 2011. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (dengan Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa dan Diploma Pertanian dari Universiti Pertanian Malaysia (sekarang dikenali dengan Universiti Putra Malaysia).

Beliau mempunyai pengalaman selama 33 tahun dalam sektor perbankan. Beliau memulakan kerjaya dengan Bank Pertanian Malaysia (BPM) pada tahun 1976 sebagai Pegawai Kredit serta Pegawai Undang-Undang. Pada tahun 1991, beliau telah dilantik sebagai Pengurus, Bahagian Urusetia dan Guaman. Mulai tahun 1997, beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Kanan Cawangan dan kemudiannya telah dilantik semula menerajui Bahagian Urusetia dan Guaman selama lebih kurang tiga tahun. Beliau seterusnya telah dilantik sebagai Timbalan Pengurus Besar Sokongan Perniagaan. Selepas pengkorporatan BPM pada 1 April 2008, beliau telah memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden Kanan, Penyeliaan Kredit, Operasi Cawangan dan Sumber Am selama enam bulan dan memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Operasi sehingga 31 Mei 2009 sebelum dilantik sebagai Pengarah Urusan Agrobank.

Beliau kini menjadi Ahli Lembaga Pengarah Board of Studies CELPAD, Universiti Islam Antarabangsa, Board of Investment (JKIP) Universiti Putra Malaysia, Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan UPM Holdings. Beliau juga telah dilantik sebagai Adjunct Professor di Universiti Islam Antarabangsa.

Datuk Ahmad Said is Agrobank's Managing Director and Board Member effective 1 June 2009 until 30 June 2011. He holds a Bachelor's Degree in Law (Hons) from the International Islamic University and a Diploma in Agriculture from Universiti Pertanian Malaysia (now known as Universiti Putra Malaysia).

He has 33 years experience in the banking sector and began his career in Bank Pertanian Malaysia (BPM) in 1976 as a Credit Officer and Legal Officer. He was appointed as Manager, Secretariat and Legal Division in 1991. In 1997, he was Senior Branch Manager before being reappointed to head the Secretariat and Legal Division for about three years. He was subsequently appointed as Deputy General Manager of Business Support. After BPM was corporatized on 1 April 2008, he was appointed as Senior Vice President, Credit Supervision, Branch Operations and General Resources for six months. He became Chief Operating Officer until May 31, 2009 before being appointed as Managing Director of Agrobank.

He is currently a Board Member for Board of Studies CELPAD, International Islamic University, Board of Investment (JKIP) Universiti Putra Malaysia, Kemubu Agricultural Development Authority (KADA), the Farmers Organisation Authority (FOA), UPM Holdings. He was also appointed as Adjunct Professor at the International Islamic University.



4

DATUK AHMAD SAID

Pengarah Urusan/Managing Director



5

DATUK DR. SAHARAN HAJI ANANG

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

Datuk Dr. Saharan Haji Anang telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Agrobank berkuatkuasa pada 9 Jun 2008. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran (PhD) dari University Of London, England dalam bidang 'Weed Science', Ijazah Sarjana Sains Pertanian dari State Agriculture Development University, Ghent, Belgium dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dari Universiti Malaya.

Beliau pernah memegang pelbagai jawatan penting antaranya Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Persidangan dan Pameran Florikultur 98 serta Ahli Majlis Penyelidikan & Kemajuan Sains Negara. Beliau juga adalah bekas Presiden Institut Pertanian Malaysia (AIM).

Datuk Dr. Saharan adalah merupakan Felo Akademik Sains Malaysia (FA.Sc) semenjak tahun 2001. Beliau kini adalah Pengerusi Paddytech Resources Sdn. Bhd. dan Mscape Management Sdn. Bhd. serta Ahli Lembaga Pengarah Marditec Corporation Sdn. Bhd. Beliau pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Koko Malaysia, Pesticides Board of Malaysia, Malaysian Herbal Corporation Sdn. Bhd., Chemical Company Malaysia Berhad dan Chemical Company Malaysia Fertilizer Berhad.

Datuk Dr. Saharan Haji Anang was appointed as Agrobank's Independent Non-Executive Director effective 9 June 2008. He holds a PhD from the University of London, England in 'Weed Science', Master in Agricultural Science from the State Agriculture Development University, Ghent, Belgium and Bachelor of Agricultural Science from Universiti Malaya.

He has held several key positions such as Director General of the Malaysian Research and Development Institute (MARDI), Chairman of the Technical Conference and Floriculture Exhibition 1998 and Member of the National Science Research & Development Council. He is also the former president of the Agriculture Institute of Malaysia (AIM).

Datuk Dr. Saharan is also a Fellow of the Academy of Sciences Malaysia (FA.Sc) since 2001. He is currently the Chairman of Paddytech Resources Sdn. Bhd. and Mscape Management Sdn. Bhd. He was previously the Board Member of Federal Agriculture Marketing Authority (FAMA), the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA), Malaysian Cocoa Board, Pesticides Board of Malaysia, Malaysian Herbal Corporation Sdn. Bhd., Chemical Company Malaysia Berhad and Chemical Company Malaysia Fertilizer Berhad.

Puan Rashidah Mohd Sies telah dilantik menjadi Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Agrobank berkuatkuasa pada 8 Jun 2010. Pada masa kini, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pelaburan MKD dan Penswastaan, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari US International University, California, Amerika Syarikat, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Idaho State University, Amerika Syarikat dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Sepanjang perkhidmatan beliau dalam sektor awam, Puan Rashidah telah mengendali dan menyelaraskan projek-projek penswastaan termasuk pembangunan Putrajaya, ERL, PTP, Matrade Centre dan bangunan baru MITI. Beliau juga turut menguruskan perkara-perkara berkaitan isu korporat syarikat kerajaan dari pelbagai sektor dan terlibat secara terus dalam urusan rasionalisasi dan penstrukturkan semula fungsi dan peranan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Bank Industri Malaysia.

Puan Rashidah Mohd Sies was appointed as Agrobank's Non-Independent Non-Executive Director effective 8 June 2010. Currently, she serves as Principal Assistant Secretary in the MKD Investment and Privatization Division, Ministry of Finance (MOF).

She holds an MBA from US International University, California, USA, and a Bachelor of Science in Business Administration (Finance) from Idaho State University, USA as well as a Diploma in Public Administration from the Institute of Public Administration (INTAN).


During her tenure in the public sector, she has organized and coordinated privatization projects, including the development of Putrajaya, ERL, PTP, Matrade Centre and the new MITI building. She also manages matters relating to corporate issues from various government sectors and is directly involved in the rationalization and restructuring of business functions and the role of the Development and Infrastructure Bank Malaysia Berhad and Industry Bank Malaysia.



6

PUAN RASHIDAH MOHD SIES

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non-Independent Non-Executive Director



DATUK JOHAR CHE MAT

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

Datuk Johar Che Mat telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Agrobank berkuatkuasa pada 1 Julai 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi).

Datuk Johar mempunyai pengalaman yang luas selama 34 tahun di dalam bidang perbankan dan pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Mayban Trustee Berhad, Maybank Islamic Berhad, Mayban Life Assurance Berhad, Maybank Takaful Berhad, Mayfin Bhd (Mayban Finance Bhd), Aseamlease Berhad, Aseam Credit Sdn. Bhd. dan Mayban Allied Credit & Leasing Bhd. Datuk Johar merupakan mantan Ketua Pegawai Operasi Maybank Berhad.

Datuk Johar kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Proton Holdings Berhad dan Amanah Raya Berhad.

Datuk Johar Che Mat was appointed as Agrobank's Independent Non-Executive Director effective 1 July 2010. He holds a Bachelor's Degree in Economics.

He has 34 years of vast experience in the banking industry and was a Board Member of Mayban Trustee Berhad, Maybank Islamic Berhad, Mayban Life Assurance Berhad, Maybank Takaful Berhad, Mayfin Bhd (Mayban Finance Bhd), Aseamlease Berhad, ASEAM Credit Sdn. Bhd. and Mayban Allied Credit & Leasing Bhd. Datuk Johar is the former Chief Operating Officer of Maybank Berhad.

Datuk Johar is currently a Board Member of Proton Holdings Berhad and Amanah Raya Berhad.

Encik Ng Chih Kaye telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Agrobank berkuatkuasa pada 8 Februari 2011. Beliau merupakan seorang Felo Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Akauntan Berdaftar, Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga adalah ahli jawatankuasa Amalan Insolvensi di Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Encik Ng Chih Kaye memulakan kerjaya beliau sebagai Juru Audit Kanan di Blinkhorn, Lyon & Golding, Chartered Accountants, London dan Juru Audit Kanan di KPMG Malaysia, Kuala Lumpur. Beliau seterusnya berkhidmat dengan Maybank selama 25 tahun dengan jawatan terakhirnya sebagai Eksekutif Naib Presiden dan beliau adalah seorang Ahli Lembaga Pengarah Mayban Allied Credit & Leasing Bhd.

Mr. Ng Chih Kaye was appointed as Agrobank's Independent Non-Executive Director effective 8 February 2011. He is a Fellow of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) and a Chartered Accountant of the Malaysian Institute of Accountants (MIA). He is also a committee member of the Insolvency Practice Committees of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) and Malaysian Institute of Accountants (MIA).

Mr. Ng Chih Kaye began his career as a Senior Auditor at Blinkhorn, Lyon & Golding, Chartered Accountants, London and a Senior Auditor at KPMG Malaysia, Kuala Lumpur. He then served in Maybank for 25 years with his last position as Executive Vice President and he was a Board Member of Mayban Allied Credit & Leasing Bhd.



ENCIK NG CHIH KAYE

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director



9

DATIN RUZAINA WAN HANIFF

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

Datin Ruzaina Wan Haniff telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Agrobank berkuatkuasa pada 1 Mac 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Perhubungan Antarabangsa (Undang-Undang Antarabangsa) dari Universiti Waseda Tokyo, Jepun dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Beliau memulakan kerjaya beliau dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Semasa berkhidmat dengan Kerajaan, Datin Ruzaina pernah menyandang jawatan Penolong Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pertahanan, Timbalan Peguam Cara Perbendaharaan Malaysia, Timbalan Pendakwa Raya (Unit Jenayah Perdagangan), Penasihat Undang-Undang, Kementerian Penerangan dan Kementerian Pertanian serta Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen/Ketua Unit Bahagian Gubalan di Jabatan Peguam Negara.

Datin Ruzaina Wan Haniff was appointed as Agrobank's Independent Non-Executive Director effective 1 March 2011. She holds a Degree in International Relations (International Law) from Waseda University, Tokyo, Japan and a Degree in Law (Hons) from University of Malaya, Kuala Lumpur.

She began her career in the Judicial and Legal Services. Whilst working for the government, Datin Ruzaina held several positions such as Assistant Legal Advisor, Defense Ministry; Deputy Solicitor, Malaysia; Deputy Public Prosecutor (Commercial Crime Unit), Legal Advisor, Ministry of Information and Ministry of Agriculture and Senior Assistant Parliamentary Draftsman/Head of the Drafting Division of the Attorney General office.

Encik Md Hilmi Datuk Haji Md Noor telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Agrobank berkuatkuasa pada 1 Mac 2011. Beliau merupakan seorang Felo Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Akauntan Berdaftar, Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Encik Md Hilmi pernah menjawat jawatan Pengurus Besar, Korporat & Kewangan, WCT Engineering Berhad, Ketua Akauntan Kumpulan, Ibex Corporation Group, Pengawal Kewangan di Percon Corporation Group dan Ketua Akauntan, Pernas Edar Sdn. Bhd. dan Ruby Quest Berhad, syarikat yang tersenarai di papan utama BSKL.

Kini Encik Md Hilmi merupakan seorang penasihat korporat bagi sebuah firma pembinaan dan dagangan di Bahrain dan juga merupakan Koordinator Kewangan kepada sebuah konsortium pembinaan di Malaysia yang terlibat dalam penswastaan Projek Lebuhraya di India.

Encik Md Hilmi Datuk Haji Md Noor was appointed as Agrobank's Independent Non-Executive Director effective 1 March 2011. He is a Fellow of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) and a Chartered Accountant of the Malaysian Institute of Accountants (MIA).

Encik Md Hilmi has held several positions such as General Manager, Corporate & Finance, WCT Engineering Berhad, Group Chief Accountant, Ibex Corporation Group, Financial Controller at Percon Corporation Group and Head Accountant, Pernas Edar Sdn. Bhd. and Ruby Quest Berhad, a KLSE mainboard listed company.

Encik Md Hilmi is currently the corporate advisor of a construction and commercial firm in Bahrain as well as Financial Coordinator to a construction consortium in Malaysia that is involved with the Highway Project privatization in India.



10

ENCIK MD HILMI DATUK HAJI MD NOOR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director



11

DATO' CHE MOHD HASHIM ABDULLAH

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non-Independent Non-Executive Director

Dato' Che Mohd Hashim Abdullah telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Agrobank berkuatkuasa pada 2 Mei 2011. Beliau berkelulusan Sarjana Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pengajian Asia Tenggara dari Universiti Malaya dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Dato' Che Mohd Hashim memulakan kerjaya beliau dalam bidang perkhidmatan awam pada tahun 1980 dan antara jawatan yang pernah disandang ialah sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Belia dan Sukan dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perancangan & Penilaian dan Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Usahawan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Beliau kini memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dato' Che Mohd Hashim kini merupakan Ahli Lembaga Amanah Tekun Malaysia (TEKUN), Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Ahli Majlis Penasihat Peladang, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Ahli Lembaga Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Dato' Che Mohd Hashim Abdullah was appointed as Agrobank's Non-Independent Non-Executive Director effective 2 May 2011. He holds a Master's Degree in Political Science from Universiti Kebangsaan Malaysia, a Bachelor's Degree (with Honors) in South East Asia Studies from University of Malaya and a Diploma in Public Administration from National Institute of Public Administration (INTAN).

Dato' Che Mohd Hashim began his career in public service in 1980. Among the positions he has held are Senior Private Secretary to the Minister of Youth and Sports and Minister of Rural Development, Principal Assistant Secretary in the Planning and Valuation Division and Secretary of the Business Development Division in the Ministry of Entrepreneur and Cooperatives Development and Deputy Secretary General in the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry. He is currently the Secretary General in the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry.

Dato' Che Mohd Hashim is also a Trustee Board Member of Tekun Malaysia (TEKUN), Board Member of the Fisheries Development Authority of Malaysia, Member of the Farmers' Advisory Council, Farmers' Organization Authority (LPP) and Board Member of Malaysian Cooperative Commission (SKM).

Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Agrobank dari 9 Jun 2009 hingga 2 Jun 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari United Kingdom. Beliau juga adalah ahli Australian Management College, British Institute of Management dan Institute of Credit Management, United Kingdom.

Dato' Mohd Hanif telah melibatkan diri di dalam industri perbankan melebihi 30 tahun dan jawatan terakhir yang dipegang oleh beliau adalah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Credit Corporation Malaysia Berhad.

Beliau kini merupakan Pengurus ERF Sdn. Bhd. dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Bank Negara Malaysia. Beliau juga memegang jawatan sebagai Pengarah bagi Credit Guarantee Corporation (CGC), Danajamin Nasional Berhad dan Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT).

Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed was appointed as Agrobank's Independent Non-Executive Director from 9 June, 2009 until 2 June 2010. He holds a Master in Business Administration from the United Kingdom. He is also a member of the Australian Management College, British Institute of Management and the Institute of Credit Management, United Kingdom.

Dato' Mohd Hanif has been involved in the banking industry for more than 30 years and has experience in banking, strategic planning and corporate restructuring. His last post was as Chief Executive Officer of Credit Corporation Malaysia Berhad.

He is currently the Chairman of ERF Sdn. Bhd. and the Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Bank Negara Malaysia. He also served as Director of the Credit Guarantee Corporation (CGC), Danajamin Nasional Berhad and Abandoned Housing Project Fund (TPPT).



12

DATO' MOHD HANIF SHER MOHAMED

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director



13

DATUK DR. ELIAS KADIR

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non-Executive Director

Datuk Dr. Elias Kadir dilantik menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Agrobank dari 9 Jun 2008 hingga 2 Jun 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dalam bidang Pengurusan Perniagaan dari Irish International University. Beliau adalah Fellow Persatuan Pengurusan Perniagaan, United Kingdom (FBMA), Fellow Institut Bertauliah Logistik dan Pengangkutan, United Kingdom (FCILT) dan juga Ahli International Institute of Business Management, Dublin, Ireland.

Datuk Dr. Elias kini adalah Pengarah Eksekutif Kanan di FELDA Holdings Berhad. Sebelum perlantikan beliau di FELDA Holdings Berhad, beliau adalah Pengarah Urusan di Kontena Nasional Berhad dari tahun 1987 dan pada tahun 1992, beliau telah dipinjamkan ke Kelang Port Management (kini dikenali sebagai Northport Berhad) sebagai Pengarah Urusan.

Datuk Dr. Elias pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan BIMB Holding Berhad (mewakili Lembaga Tabung Haji).

Datuk Dr. Elias Kadir was Agrobank's Independent Non-Executive Director from 9 June 2008 until 2 June 2010. He holds a PhD in Business Management from the Irish International University. He is also a Fellow of the Business Management Association UK (FBMA), Fellow of the Chartered Institute of Logistics and Transport UK (FCILT) and a member of the International Institute of Business Management, Dublin, Ireland.

Datuk Dr. Elias is currently Senior Executive Director of FELDA Holdings Berhad. Prior to this, he was the Managing Director at Kontena Nasional Berhad from 1987 and in 1992, was seconded to the Klang Port Management (now known as Northport Berhad) as Managing Director.

Datuk Dr. Elias was also previously the Board Member of Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) and BIMB Holdings Berhad (representing Lembaga Tabung Haji).

Dato' Mohd Mokhtar Ismail adalah merupakan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Agrobank dari 4 Februari 2009 hingga 11 November 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Sastera (Ekonomi) dari University Western Michigan, USA dan Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) dari Universiti Malaya.

Dato' Mohd Mokhtar mempunyai pengalaman lebih dari 33 tahun dalam perkhidmatan awam dan jawatan terakhir beliau dalam perkhidmatan awam adalah sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau ialah Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar, Kementerian Pertanian dan Ketua Penolong Pengarah Seksyen Makro, Unit Perancang Ekonomi (EPU). Sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada tahun 2006, Dato' Mohd Mokhtar pernah berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Program dan Projek, Kementerian Pembangunan Usahawan.

Dato' Mohd Mokhtar pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Beras Nasional (BERNAS), Perbadanan Produktiviti Negara (MPC), Pihak Berkuastra Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Pembangunan Tioman, Bank Pertanian Malaysia, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Malaysia International Tuna Port (MITP) serta Pengurus Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Dato' Mohd Mokhtar Ismail was Agrobank's Non-Independent Non-Executive Director from 4 February until 11 November 2010. He holds a Master of Arts (Economics) Degree from Western Michigan University, USA and a Bachelor of Arts (Economics) Degree from Universiti Malaya.

He has over 33 years experience in the government sector. His last position in the government sector was as Chief Secretary at the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industries. He has also served as Principal Assistant Director of the Planning and Policy Division, Ministry of Agriculture and as the Macro Section Principal Assistant, Economic Planning Unit (EPU). Prior to his appointment as Deputy Secretary (Development) Ministry of Agriculture and Agro-Based Industries in 2006, Dato' Mohd Mokhtar was also the Principal Assistant Director of Employment Services Division, Human Resource Department, Ministry of Human Resources and Division Secretary for the Programmes and Projects Division, Ministry of Entrepreneur Development.


Dato' Mohd Mokhtar was a Board Member of Padiberas Nasional Berhad (Bernas), the Malaysia Productivity Corporation (MPC), the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA), Tioman Development Authority, Bank Pertanian Malaysia, Muda Agricultural Development Authority (MADA), Federal Agriculture Marketing Authority (FAMA), Malaysian International Tuna Port (MITP) and Chairman of the Malaysian Research and Development Institute (MARDI).



14

DATO' MOHD MOKHTAR ISMAIL

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non-Independent Non-Executive Director



15

DATUK DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non-Independent Non-Executive Director

Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Agrobank dari 4 Februari 2009 hingga 6 Mei 2010. Beliau berkelulusan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (dengan Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia, Ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, USA dan Ijazah Kedoktoran dari Australian National University.

Datuk Dr. Rahamat Bivi memulakan kerjayanya di Kementerian Kewangan sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai). Datuk Dr. Rahamat Bivi pernah menyandang beberapa jawatan di Unit Perancang Ekonomi iaitu sebagai Penolong Pengarah Seksyen Ekonomi Mikro, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Industri dan Perkhidmatan dan Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro selain menjadi Pengarah Jabatan Pembangunan Industri, Suruhanjaya Tenaga. Beliau kini memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem & Kawal), Kementerian Kewangan Malaysia.

Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff was Agrobank's Non-Independent Non-Executive Director from 14 February 2009 until 6 May 2010. She holds a Diploma in Public Administration from the Institute of Public Administration (INTAN), a Bachelor's Degree in Social Science (Economics) (Hons) from University Sains Malaysia, a Master's Degree in Economics from the University of Western Michigan, USA and a PhD from the Australian National University.

Disbursement and Collection

Total disbursement for Agrobanking products was RM1,727.4 million. Meanwhile, in terms of collection, the entire collection was RM394.88 million. The breakdown for each product is shown in the chart below.



Rancangan Tahun 2011

Agrobanking sebagai Jabatan utama telah menggariskan pelan perniagaan dan strategi yang akan dilaksanakan pada tahun 2011. Terdapat 6 pemacu strategi dan pelan perniagaan 2011 yang dirancangkan di bawah Chief Commercial Officer dan hanya 2 pemacu strategi di bawah Jabatan Agrobanking iaitu:

Pemacu Strategik Strategic Driver	SD1 • Pakatan strategik dengan FAMA, PPK/LPP, National Feedlot Centre, ECER dan BERNAS <i>Strategic alliance with FAMA, PPK/LPP, National Feedlot Centre, ECER and BERNAS</i>
	SD 2 • Kawasan pembangunan baru untuk tanaman padi, herba dan ikan hiasan - Pahang (Pekan dan Rompin) - Sabah (Kota Marudu, Kota Belud dan Beaufort) - Sarawak (Sri Aman) • New development areas for rice, herbs and ornamental fish - Pahang (Pekan and Rompin) - Sabah (Kota Marudu, Kota Belud and Beaufort) - Sarawak (Sri Aman)

Berikut adalah rancangan tahun 2011 bagi Jabatan Agrobanking secara terperinci:

Plans For 2011

Agrobanking as the primary Department has outlined the business plan and strategies which will be implemented in 2011. Six strategic drivers and the 2011 business plan will be under the Chief Commercial Officer and only two strategic drivers will be under the Agrobanking Department, namely:

Bil. No.	Produk Product	Kelulusan 2011 2011 Approval (RM Juta/Million)	Strategi Strategy
1	Paddy-i & Paddy Cash-i	50.0	<ul style="list-style-type: none"> Pakatan Strategik dengan PPK dan BERNAS <i>Strategic alliance with PPK and BERNAS</i> Kawasan Baru Pahang (Pekan & Rompin), Sabah (Kota Marudu, Kota Belud dan Beaufort), Sarawak (Sri Aman) <i>New Areas of Pahang (Pekan & Rompin), Sabah (Kota Marudu, Kota Belud and Beaufort), Sarawak (Sri Aman)</i>
2	Tabung Untuk Makanan (3F) Fund For Food (3F)	369.0	<ul style="list-style-type: none"> 'Customer Retention Programme' <i>Contract Farming</i> melalui Pakatan Strategik dengan <i>Contract Farming via Strategic Alliances with:</i> <ul style="list-style-type: none"> a. PPK b. FAMA c. National Feedlot Centre
3	Dana Pinjaman Untuk Pertanian (DPUP) Loan Fund for Agriculture	20.0	<ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian (Sebarang Lebihan Dana di bawah DPUP) <i>Financing under MOA jurisdiction (Any Excess Fund under DPUP)</i>
4	Projek (Pengeluaran) Project (Production)	750.0	<ul style="list-style-type: none"> Beli Tanah & Pembangunan/Kelapa Sawit/Herba/Pertanian Bersepadu/Burung Walit/Ikan Hiasan <i>Land Purchase & Development/Palm Oil/Herbs/Integrated Agriculture/Swifts/Ornamental Fish</i>
Jumlah/Total		1,189.0	

DEPOSIT

Pada tahun 2010, Bank telah melakarkan kejayaan menggembung deposit sebanyak RM6,452.7 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu RM5,967.4 juta. Ini menunjukkan peningkatan yang positif sebanyak RM485.3 juta atau 8.1%.

In 2010, the Bank successfully collected deposits amounting to RM6,452.7 million compared to the previous year of RM5,967.4 million. This shows a positive increase of RM485.3 million or 8.1%.

Deposit konvensional menyumbang sebanyak RM3,475.6 juta iaitu 54.0%, manakala deposit perbankan Islam menyumbang sebanyak 46.0% iaitu RM2,977.1 juta. Selain berjaya meningkatkan jumlah deposit, Bank juga telah berjaya menambahkan bilangan pendeposit dari 2,227,596 pada tahun 2009 kepada 2,295,430 pada tahun 2010.

Program promosi seperti Kempen ‘Simpan... Dapat Kereta!’ telah diadakan bagi menarik minat dan menggalakkan aktiviti menyimpan di kalangan pelanggan sedia ada dan baru. Kempen tersebut yang dilaksanakan sepanjang tahun 2010 dengan menawarkan (4) buah kereta telah berjaya membantu menambah pelanggan baru.

Selain itu, program yang dijalankan bagi meningkatkan jumlah pendeposit di kalangan warga mas dengan menawarkan kadar faedah yang tinggi dan tambahan kadar insentif telah turut membantu peningkatan deposit.

Bagi meningkatkan pendeposit di kalangan pelajar sekolah pula, Bank telah secara aktifnya menggiatkan Program Sekolah Angkat dengan menawarkan insentif kepada sekolah termasuk tadika. Insentif diberikan kepada sekolah/tadika berdasarkan bilangan penyimpan dan nilai simpanan pelajar sekolah/tadika mahupun kakitangan sekolah.

Conventional deposits accounted for RM3,475.6 million or 54.0%, while the Islamic banking deposits contributed 46.0% or RM2,977.1 million. In addition to successfully increasing the deposit amount, the Bank had also managed to increase the number of depositors from 2,227,596 in 2009 to 2,295,430 in 2010.

Promotion programs such as ‘Save... Get A Car’ Campaign was held to attract and encourage savings among existing and new customers. The campaign which was implemented throughout 2010 offering (4) cars, has helped to add new customers.

In addition, programs to increase the number of senior citizen depositors by offering high interest rates and additional incentives rates have also helped to increase deposits.

In order to increase the number of student depositors, the Bank has been actively promoting the School Adoption Program by offering incentives to schools, including kindergartens. Incentives given to schools/kindergartens were based on the number of depositors and the deposit value of the school/kindergarten's students and school staff.

Perkhidmatan Berasaskan Fi

Bank turut menawarkan perkhidmatan berasaskan fi melalui perkhidmatan tambahan dalam usaha menyediakan perkhidmatan kewangan yang komprehensif kepada pelanggan.

Pada tahun 2010, pendapatan yang diperolehi daripada perkhidmatan berasaskan fi adalah sebanyak RM82.3 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu RM58.5 juta. Ini menunjukkan peningkatan yang positif sebanyak RM23.8 juta atau 40.68%. Pendapatan daripada aktiviti pinjaman ialah sebanyak RM49.2 juta manakala sebanyak RM33.1 juta daripada aktiviti perbankan. Bank telah mengambil pelbagai pendekatan untuk meningkatkan pendapatan fi iaitu mempakejkan produk pinjaman dengan produk berdasarkan insuran/takaful serta menggalakkan jualan bersilang (*cross selling*) dan ‘product bundling’.

Rancangan 2011

Selari dengan matlamat Bank ke arah Perbankan Islam sepenuhnya menjelang tahun 2015, mulai tahun 2011 bank akan menawarkan kepelbagaiannya dalam produk deposit berkonseptan syariah yang lebih kompetitif dan menarik. Bagi menambah bilangan pendeposit baru dan mengekalkan pendeposit sedia ada, Bank juga meneruskan program melalui kempen deposit khusus untuk meningkatkan dana Perbankan Islam yang dijangka akan dilancarkan pada suku tahun kedua tahun 2011. Selain itu, Bank juga akan menubuhkan kelab khusus untuk pendeposit muda berumur bawah 12 tahun yang dinamakan Kelab Agrokids.

Bank juga akan terus meningkatkan sistem penyampaian (*delivery system*) seperti pelaksanaan perkhidmatan Internet Banking serta E-Debit bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

Fee Based Services

The Bank also offers fee-based services through additional services in an effort to provide comprehensive financial services to customers.

In 2010, income from fee-based services was RM82.3 million compared to RM58.5 million the previous year. This shows a positive increase of RM23.8 million or 40.68%. Income from loans amounted to RM49.2 million while a total of RM33.1 million were from banking activities. The Bank has taken various measures to improve the fee income by packaging loan products with insurance/takaful-based products as well as promoting cross-selling and product bundling.

Plans For 2011

In line with the Bank’s vision of becoming a full fledged Islamic Bank by 2015, beginning 2011 the bank will offer a variety of shariah based deposit products which are more competitive and attractive. In order to increase the number of new depositors and maintain the existing depositors, the Bank also continued a specific deposit campaign to raise funds of Islamic Banking which is expected to be launched in 2011. In addition, the Bank will also establish a special club for young depositors under 12 years old named the Agrokids Club.

The Bank will also continue to improve its delivery system such as the implementation of Internet Banking services and E-Debit to meet the needs of customers.

PELABURAN

Pelaburan di dalam pasaran kewangan merupakan aktiviti penting bagi menyokong perniagaan Agrobank menerusi pengurusan lebihan kecairan dan portfolio pelaburan bagi menjana pendapatan yang optimum. Oleh yang demikian, pelaburan kekal penyumbang kedua terbesar kepada Bank selepas portfolio pinjaman.

Tahun 2010 telah memperlihatkan kesan pakej rangsangan ekonomi yang dijalankan oleh Kerajaan. Berikutan prestasi ekonomi yang semakin pulih dan seiring dengan prestasi baik dalam pasaran modal, aktiviti pelaburan juga mencatatkan peningkatan pendapatan, terutama disebabkan oleh persekitaran kadar faedah yang lebih baik dan transaksi urusniaga pasaran dari kegiatan urusniaga sekuriti serta peningkatan dalam nilai aset.

Pada tahun tersebut juga, piawai perakaunan yang baru (FRS 139) telah digunakan. Ekoran daripada itu, nilai aset pelaburan 2010 telah meningkat dengan begitu ketara.

Tahun 2011 dijangkakan ekonomi akan semakin kukuh dan stabil. Ekonomi pada tahun 2011 akan memperlihatkan kesan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan oleh Kerajaan. Mengambil kira faktor ini, strategi pelaburan tahun 2011 akan terus memberi penekanan kepada pelaburan dalam sekuriti yang berkualiti dan sekuriti berjangka sederhana bagi menjana pertumbuhan hasil bagi aktiviti ini.


INVESTMENT

Investment in financial markets is vital to support Agrobank's business activities through the management of excess liquidity and investment portfolio to generate optimum income. Therefore, investment remains as the second largest contributor to the Bank after the loan portfolio.

In 2010, the effects of the economic stimulus package initiated by the Government could be seen. With an improving economic performance in line with good capital market performance, investment activities has reported an increase in revenue primarily due to a better interest rate environment and market business transactions from securities trading activities and an increase in asset value.

The new accounting standard (FRS 139) was also adopted this year. Subsequently, the value of investment assets had increased significantly in 2010.

The economy is expected to be stronger and more stable in 2011. The Economic Transformation Program (ETP) initiated by the Government will have its effects on the economy in 2011. Taking these into account, the investment strategy in 2011 will continue to emphasize investment in quality and medium term securities to generate revenue growth.



AGROkasih-i

Skim Perlindungan Khas Pelanggan

Perlindungan ini ditanggung risiko oleh
/ Underwritten by:
MAA Takaful

Serendah
14 sen
Sehari



Skim Perlindungan Takaful Penyimpan



Serendah
3 sen
Sehari

Perlindungan ini ditanggung risiko oleh
/ Underwritten by:
TAKAFULmalaysia

Senior AgroCare

SKIM PERLINDUNGAN WARGAMAS

- Perlindungan 24 Jam Serata Dunia
- Umur 50 hingga 75 tahun

Perlindungan ini ditanggung risiko oleh
/ Underwritten by:
MCIS ZURICH INSURANCE

www.agrobank.com.my

 **AGRO
BANK**

TADBIR URUS KORPORAT

Bank Pertanian Malaysia Berhad (Bank) komited untuk terus mengamalkan amalan terbaik tadbir urus korporat menurut garis panduan Bank Negara Malaysia mengenai Standard Tadbir Urus Korporat Bagi Pengarah Institusi Kewangan Pembangunan (BNM/DFI/GP4) serta Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008.

Kenyataan di bawah menerangkan bagaimana Bank menerima pakai peruntukan-peruntukan tadbir urus korporat dan tahap pematuhan peruntukan-peruntukan tersebut.

Tugas Dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab pengawasan secara bebas ke atas pengurusan Bank bagi memastikan pematuhan dan pelaksanaan undang-undang, dasar dan peraturan yang ditetapkan. Tugas dan tanggungjawab ini termasuk:-

- Memastikan bahawa tumpuan strategik Bank ditakrifkan dengan jelas dan seiring dengan peranan serta mandat Bank untuk menjadi Bank peneraju dengan fokus terhadap pertanian dan perniagaan berdasarkan pertanian.
- Menyelia hal ehwal dan perniagaan Bank serta mengambil tanggungjawab sepenuhnya akan keadaan serta dasar pengurusan Bank bagi memastikan Bank diuruskan dengan sewajarnya.
- Mengenalpasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang bersesuaian bagi menguruskan risiko-risiko tersebut.
- Mewujudkan suatu pelan pengantian, termasuk melantik dan menggantikan para eksekutif dan pengurusan kanan yang berkelayakan serta cekap bagi mentadbir hal ehwal Bank secara bijak dan berkesan.
- Mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalam Bank serta sistem maklumat pengurusan, termasuk sistem bagi pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, arahan serta panduan yang boleh digunakan.
- Melaksanakan pelbagai fungsi serta tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari masa ke semasa.

Keahlian Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah Bank sehingga 31 Disember 2010 terdiri daripada lima (5) orang ahli yang tidak mempunyai kuasa eksekutif (termasuk Pengerusi) kecuali Pengarah Urusan.

CORPORATE GOVERNANCE

Bank Pertanian Malaysia Berhad (Bank) remain committed to ensuring that good corporate governance continues to be implemented in accordance with Bank Negara Malaysia's guideline on Corporate Governance Standards On Directorship For Development Financial Institutions (BNM/DFI/GP4) as well as the Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 Act.

The statement below explains how the Bank adopts the corporate governance provisions and the compliance levels of those provisions.

Board of Directors Tasks And Responsibilities

The Board of Directors is to discharge its oversight responsibilities independently over the Bank management to ensure compliance and implementation of laws, policies and procedures. Duties and responsibilities include:-

- Ensure that the strategic focus of the Bank is clearly defined and in line with its mandated role, which is to become a leading bank with focus on agriculture.
- Supervise the affairs and business of the Bank and taking full responsibility of the conditions and policies of the Bank to ensure that the Bank is appropriately managed.
- Identify the principal risks and ensure the implementation of a suitable system to manage those risks.
- Create a succession plan, which includes appointing and replacing qualified and capable executives and senior management to govern the Bank's affairs wisely and effectively.
- Review the adequacy and integrity of the Bank's internal controls and management information systems, including a system for compliance with laws, regulations, directives and guidelines that can be applied.
- Implement various functions and responsibilities as set in the guideline and directives issued by Bank Negara Malaysia from time to time.

Board of Directors Membership

As of 31 December 2010, the Board of Directors consisted of five (5) non-executive members (including the Chairman) with the exception of the Managing Director.

Selepas bulan Februari 2011, 4 orang lagi Ahli Lembaga Pengarah telah dilantik iaitu 3 orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif yang mewakili Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Lembaga Pengarah terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai kemahiran dan pengalaman luas dalam pelbagai bidang seperti perniagaan, kewangan, perakaunan, ekonomi dan pertanian. Satu (1) daripada Ahli Lembaga Pengarah mewakili Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian boleh dirumuskan bahawa Lembaga Pengarah Bank terdiri daripada anggota yang mewakili pelbagai kepentingan dan secara bersama-sama dapat mempertingkatkan prestasi Bank di samping berupaya untuk membuat pertimbangan dan keputusan berhubung isu-isu yang melibatkan strategi, pelaksanaan dan prestasi Bank dengan baik.

After February 2011, 4 more members were appointed to the Board, consisting of 3 Independent Non-Executive Directors and 1 Non-Independent Non-Executive Director representing the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry. The Board consists of skilled members with vast experiences in various fields such as business, finance, accounting, economics and agriculture. One (1) of the Board members represents the Ministry of Finance. Sufficient to say that the Board of Directors consists of members that represent various interests and jointly work to improve the Bank's performance with the ability to make sound judgements and decisions on issues involving the Bank's strategy, implementation and performance.

Keahlian Lembaga Pengarah Bank adalah terdiri daripada:- The Board of Directors Members are:

Ahli Lembaga Pengarah/Board Members	Jawatan/Position
Tan Sri Faizah Mohd Tahir (Dilantik sebagai Pengerusi mulai 5 Ogos 2010/ Appointed as Chairman effective 5 August 2010)	Pengerusi/Chairman
Dato' Mohamed Salleh Bajuri (Berkhidmat sehingga 19 Jun 2010/In service until 19 June 2010)	Pengerusi/Chairman
Encik Wan Mohd Fadzmi Wan Othman Fadzilah (Dilantik mulai 1 Julai 2011/Appointed effective 1 July 2011)	Ahli/Member
Datuk Ahmad Said (Berkhidmat sehingga 30 Jun 2011/In service until 30 June 2011)	Ahli/Member
Datuk Dr. Saharan Haji Anang	Ahli/Member
Puan Rashidah Mohd Sies (Dilantik mulai 8 Jun 2010/Appointed effective 8 June 2010)	Ahli/Member
Datuk Johar Che Mat (Dilantik mulai 1 Julai 2010/Appointed effective 1 July 2010)	Ahli/Member
Encik Ng Chih Kaye (Dilantik mulai 8 Februari 2011/Appointed effective 8 February 2011)	Ahli/Member
Datin Ruzaina Wan Haniff (Dilantik mulai 1 Mac 2011/Appointed effective 1 March 2011)	Ahli/Member
Encik Md Hilmi Datuk Haji Md Noor (Dilantik mulai 1 Mac 2011/Appointed effective 1 March 2011)	Ahli/Member
Dato' Che Mohd Hashim Abdullah (Dilantik mulai 2 Mei 2011/Appointed effective 2 May 2011)	Ahli/Member
Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed (Berkhidmat sehingga 2 Jun 2010/In service until 2 June 2010)	Ahli/Member
Datuk Dr. Elias Kadir (Berkhidmat sehingga 2 Jun 2010/In service until 2 June 2010)	Ahli/Member
Dato' Mohd Mokhtar Ismail (Berkhidmat sehingga 11 November/In service until 11 November 2010)	Ahli/Member
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff (Berkhidmat sehingga 6 Mei 2010/In service until 6 May 2010)	Ahli/Member

Pelantikan Lembaga Pengarah

Setiap pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Bank adalah tertakluk kepada Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 dan Tataurus Pertubuhan Syarikat serta verifikasi Bank Negara Malaysia seputar yang ditetapkan di bawah subseksyen 6 (1), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Dan Pembekalan Maklumat Kepada Lembaga Pengarah

Dalam tahun 2010, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak sembilan (9) kali. Manakala untuk mesyuarat khas, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali.

Kehadiran Ahli-Ahli Lembaga Pengarah pada tahun 2010 adalah seperti berikut:- *Board of Directors' Attendance in 2010 is as follows:-*

Ahli Lembaga Pengarah/Board Members	Kehadiran*/Attendance*
Tan Sri Faizah Mohd Tahir	8/8
Dato' Mohamed Salleh Bajuri	6/6
Datuk Ahmad Said	11/14
Datuk Dr. Saharan Haji Anang	15/15
Puan Rashidah Mohd Sies	6/9
Datuk Johar Che Mat	9/9
Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed	5/6
Datuk Dr. Elias Kadir	6/6
Dato' Mohd Mokhtar Ismail	7/13
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff	4/4

*Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang Pengarah berkenaan memegang jawatan.

*Reflects the number of meetings held during the time the Directors held office.

Pengurusan bertanggungjawab untuk membekalkan Lembaga Pengarah dengan laporan lengkap, kertas cadangan dan dokumen sokongan sebelum mesyuarat. Ini membolehkan Lembaga Pengarah meneliti dan mengkaji perkara-perkara yang akan dibincangkan di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan seterusnya membolehkan mereka membuat pertimbangan dan keputusan yang tepat.

Appointment of Board of Directors

Appointment of each Member of the Board of Directors is subject to the Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 Act and the Company's Articles of Association as well as verification from Bank Negara Malaysia and prescribed under subsection 6 (1), Development Financial Institutions Act 2002.

Board Meetings and Supply of Information to the Board of Directors

In 2010, the Board of Directors met nine (9) times. As for special meetings, the Board met six (6) times.

Lembaga Pengarah diberi notis mesyuarat sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Lembaga Pengarah mempunyai agenda tetap untuk perbincangan antaranya ialah, perkara-perkara berkaitan polisi dan dasar, kewangan, perbankan, pinjaman, arahan dan strategik Bank. Lembaga Pengarah juga berperanan memantau pencapaian prestasi Bank dan secara keseluruhan memberi panduan dan memastikan kawalan dalaman Bank adalah memuaskan. Agenda serta kertas mesyuarat akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan.

Semua Pengarah mempunyai akses kepada semua maklumat dan rekod Bank dan juga kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat yang juga menjadi setiausaha kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah seperti berikut telah diwujudkan mengikut keperluan garis panduan Bank Negara Malaysia mengenai Standard Tadbir Urus Korporat Bagi Pengarah Institusi Kewangan Pembangunan (GP4) bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawab secara lebih efisien dan berkesan.

- Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan*

*Nota: Gabungan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan

Bagi memantau Jawatankuasa-jawatankuasa ini, semua minit mesyuarat Jawatankuasa dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk makluman dan tindakan lanjut sekiranya perlu.

The Board is given prior notice of the Board meetings, with a fixed agenda for discussion among others are matters of policy, finance, banking, lending, and the Bank's strategic direction. The Board is also responsible for monitoring the performance of the Bank and provide overall guidance and ensure the Bank's internal controls are satisfactory. The agenda and meeting papers are forwarded to the Board of Directors at least three (3) days before the Board of Directors Meetings are held.

All Directors have access to all information and records of the Bank as well as the advice and services of the Company Secretary, who is also the secretary to the Board Committees.

Board of Directors' Committee

The following Board of Directors Committees were established in line with Bank Negara Malaysia's guideline of Corporate Governance Standards On Directorship For Development Financial Institutions (GP4) to assist the Board of Directors in carrying out its duties and responsibilities efficiently and effectively.

- Audit & Examination Committee
- Risk Management Committee
- Nomination & Remuneration Committee*

**Note: The combination of two committees, namely, the Nomination and Remuneration Committee*

To monitor these committees, all minutes of meetings are presented to the Board for notification and further action, if necessary.

Management is responsible in providing the Board with detailed reports, proposals and supporting documents before the meetings. This enables the Board to examine and review the matters to be discussed at the Board meetings and enable them to make sound judgements and decisions.

JAWATANKUASA AUDIT & PEMERIKSAAN (AEC)/AUDIT AND EXAMINATION COMMITTEE (AEC)

Keahlian/Members

Keahlian Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan pada tahun 2010 adalah terdiri daripada:-
The members of the Audit & Examination Committee in 2010 are:-

Ahli Jawatankuasa/Committee Members	Jawatan/Position
Datuk Dr. Saharan Haji Anang (Dilantik sebagai Pengurus mulai 11 Oktober 2010/ Appointed as Chairman effective 11 October 2010)	Ahli/Pengerusi Member/Chairman
Datuk Dr. Elias Kadir (Sehingga 2 Jun 2010/Until 2 June 2010)	Pengerusi/Chairman
Puan Rashidah Mohd Sies (Dilantik mulai 11 Oktober 2010/Appointed effective 11 October 2010)	Ahli/Member
Datuk Johar Che Mat (Dilantik mulai 11 Oktober 2010/Appointed effective 11 October 2010)	Ahli/Member
Dato' Mohamed Salleh Bajuri (Sehingga 19 Jun 2010/Until 19 June 2010)	Ahli/Member
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff (Sehingga 6 Mei 2010/Until 6 May 2010)	Ahli/Member

Fungsi & Tanggungjawab Audit

1. Pelaporan Kewangan

- a) Memantau kewibawaan penyata kewangan Bank, termasuk laporan tahunan dan interim, pengumuman keputusan awal serta apa-apa pengumuman rasmi yang berkaitan dengan prestasi kewangannya, mengkaji isu dan penghakiman pelaporan kewangan yang signifikan yang terkandung di dalamnya. AEC mengkaji ringkasan penyata kewangan; pelaporan kewangan yang signifikan kepada pihak berkuasa dan apa-apa maklumat kewangan yang terkandung dalam dokumen lain yang berkaitan.
- b) Di mana perlu, mengkaji dan mencabar:
 - Ketekalan terhadap, dan apa-apa perubahan kepada, dasar perakaunan;
 - Kaedah yang digunakan dalam mengambil kira urus niaga yang signifikan atau luar biasa di mana pendekatan yang berbeza adalah berkemungkinan;
 - Sama ada Bank telah mengikuti standard perakaunan yang wajar dan membuat anggaran serta pertimbangan yang sesuai, dengan mengambil kira pandangan juruaudit luar; dan
 - Kejelasan pendedahan di dalam laporan penyata kewangan Bank serta konteks dalam mana kenyataan itu dibuat.

Audit Functions & Responsibilities

1. Financial Reporting

- a) Shall monitor integrity of the Bank's financial statements, including annual and interim reports, preliminary results announcements and any formal announcements relating to its financial performance, review the issues and judgement of significant financial reporting contained therein. AEC should review summary of financial statements, significant financial reporting to the regulators and any financial information contained in other related documents.
- b) Where appropriate, the AEC will analyze and challenge:
 - Consistency to, and any changes to accounting policies;
 - Methods used to account for significant or unusual transactions where a different approach is probable;
 - Whether the company has adhered to the appropriate accounting standards and made appropriate estimates and judgment, taking into account the view of the external auditors; and
 - Clarity of disclosures in the company's financial statements and the context within which the statement is made.

- c) Memastikan bahwa akaun disediakan mengikut masa dan dalam bentuk yang tepat dengan semakan yang kerap berkaitan kecukupan peruntukan berbanding kontingenzi serta hutang lapuk dan hutang rugi. AEC bertanggungjawab mengkaji penyata kewangan untuk diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan memastikan penerbitan akaun tahunan tepat pada masanya.
- d) Mengkaji kunci kira-kira dan penyata untung rugi untuk diserahkan kepada Lembaga dan memastikan penerbitan akaun tahunan yang tepat pada masanya.
- e) Mengkaji kawalan dalaman, termasuk skop ke atas program audit dalaman dan penemuan yang dibangkitkan, serta mcadangkan tindakan pembetulan yang perlu diambil oleh pihak Pengurusan. Laporan Ketua Juruaudit Dalaman dan AEC hendaklah tidak tertakluk kepada kelulusan Pengarah Urusan atau Pengarah Eksekutif.

2. Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko

- a) Memantau semakan ke atas keberkesanan kawalan dalaman dan pengurusan risiko syarikat; dan
- b) Mengkaji dan meluluskan penyata yang disertakan dalam laporan tahunan berkaitan kawalan dalaman dan pengurusan risiko.

3. Memberi Maklumat

Mengkaji aturan syarikat terhadap kakitangannya untuk mengenangkan kebimbangan, secara sulit, tentang kemungkinan salah laku dalam pelaporan kewangan atau perkara lain. AEC hendaklah memastikan bahawa aturan ini membolehkan penyiasatan yang teliti dan bebas tentang perkara tersebut serta tindakan susulan yang sewajarnya.

4. Audit Dalaman

- a) Memantau dan mengkaji keberkesanan fungsi audit dalaman Bank dalam konteks keseluruhan sistem pengurusan risiko syarikat;
- b) Mengkaji, menilai dan meluluskan skop pelan audit, program audit, proses dan pelan tahunan audit dalaman;
- c) Menimbang dan meluluskan bidang kuasa fungsi audit dalaman dan memastikan ia mempunyai sumber teknikal yang kompeten dan mencukupi serta akses yang sewajarnya kepada maklumat bagi membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan menurut standard profesional yang relevan;

- c) Ensuring that the accounts are prepared timely and in a proper form with a regular review regarding adequacy of provisions against the contingency as well as bad and doubtful debts. The AEC is responsible for analyzing the financial statements for presentation to Board of Directors and ensuring valid and timely published annual accounts.

- d) Review the balance sheet and profit and loss statement for submission to the Board and ensure timely publication of the annual accounts.

- e) Reviewing internal controls, including the scope of internal audit programs and the findings highlighted, and recommending the required remedial actions for the Management. Reports of the Chief Internal Auditor and the AEC are not subject to the approval of the President/ Managing Director or Executive Director.

2. Internal Control and Risk Management

- a) Monitor and review the effectiveness of the company's internal controls and risk management; and
- b) Review and approve the statements contained in the annual report on the internal controls and risk management.

3. Providing Information

Review the company's regulations relating to its employees in highlighting concerns, with confidentiality, on the possible misconduct of financial reporting or other matters. The AEC shall ensure that this arrangement provides an appropriate examination, transparent and independent on such matter as well as the appropriate follow-up actions.

4. Internal Audit

- a) Monitor and analyse the effectiveness of the Bank's internal audit within the overall context of the company's risk management system;
- b) Analyse, evaluate and approve the scope of the audit plan, audit programs, processes and the annual internal audit plan;
- c) Consider and approve the authority of the internal audit functions and ensure that it has competent and adequate technical resources and the appropriate access to information which enables performance of its functions effectively and in accordance to the relevant professional standards;

- d) Mengkaji keberkesanan prasarana untuk memastikan pematuhan Syariah;
- e) Mengkaji aktiviti audit dalaman, penemuan dan cadangan, serta memantau maklumbalas dan memastikan tindakan telah diambil oleh pihak Pengurusan ke atas penemuan dan cadangan juruaudit dalaman;
- f) Meluluskan pelantikan, penilaian dan penyingkiran Ketua Juruaudit Dalaman. AEC hendaklah menilai prestasi dan memutuskan tentang pakej imbuhan bagi juruaudit dalaman;
- g) Mengkaji secara tetap prosedur bagi mengesan dan mencegah penipuan; dan
- h) Memastikan fungsi audit dalaman mampu dan boleh menjalankan siasatan bagi pihak AEC.

5. Juruaudit Luar

- a) Menimbang dan membuat saranan kepada Lembaga untuk dikemukakan kepada para pemegang saham untuk kelulusan dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) berkenaan perlantikan, pelantikan semula dan penyingkiran juruaudit luaran bank;
- b) Mengawasi proses pemilihan juruaudit baru dan jika juruaudit meletak jawatan, AEC hendaklah menyiasat isu-isu yang membawa kapadanya dan menetapkan sama ada apa-apa tindakan diperlukan;
- c) Menyelia hubungan dengan juruaudit luar termasuk (tetapi tidak terhad kepada);
 - Kelulusan imbuhan mereka, sama ada fi untuk audit atau perkhidmatan bukan audit dan bahawa tahap fi adalah bersesuaian bagi membolehkan audit yang secukupnya dilaksanakan.
 - Kelulusan bagi terma penglibatan mereka, termasuk surat penglibatan yang dikeluarkan pada permulaan setiap audit dan skop audit.
 - Berpuashati bahawa tidak ada hubungan (seperti keluarga, pekerjaan, pelaburan, kewangan atau perniagaan) antara juruaudit dan syarikat (selain daripada urusan perjalanan biasa perniagaan).
- d) Bertemu secara kerap dengan juruaudit luar, termasuk sekali di tahap perancangan sebelum proses pengauditan dan sekali semasa di tahap pelaporan. AEC hendaklah bertemu juruaudit luar sekurang-kurangnya setahun sekali, tanpa kehadiran pihak Pengurusan, untuk membincangkan bayaran dan apa-apa isu yang timbul daripada audit;

- d) *Review the effectiveness of the infrastructure to ensure compliance with Shariah;*
- e) *Analyse internal audit activities, findings and recommendations, as well as monitor the response and ensure actions have been taken by the Management on the audit findings and recommendations;*
- f) *Approve the appointment, assessment and dismissal of the Chief Internal Auditor. AEC shall assess the performance and decide on the remuneration package for the internal auditor;*
- g) *Regularly analyse the procedures to detect and prevent fraud; and*
- h) *Ensure that the internal audit function is capable of conducting examinations for the AEC.*

5. External Auditors

- a) *Evaluate and make recommendations to the Board for presentation to the shareholders for the approval of the AGM on the appointment, reappointment and removal of the external auditors of the Bank;*
- b) *Oversee the process of hiring new auditors and when an auditor resigns. The AEC should investigate the issues leading to it and determine on whether any action is required;*
- c) *Coordinate the relationship with the external auditors, including (but not limited to);

 - Approval of the remuneration, either fees for audit or non-audit services and that the level of fee is appropriate enabling an adequate audit to be performed.
 - Approval of the terms of the engagement, including the engagement letter issued at the commencement of each audit and the audit scope.
 - Satisfy itself that there is no relationship (such as family, employment, investment, financial or business) between auditors and companies (other than the ordinary course of business dealings).*
- d) *Meet regularly with the external auditors, including once at the planning stage prior to the audit process and once during the reporting stages. AEC shall meet the external auditors at least once in a year, in the absence of the management, to discuss fees and any issues arising from the audit;*

- e) Mengkaji dan meluluskan pelan audit tahunan dan memastikan bahawa ia konsisten dengan skop keterlibatan audit; dan
- f) Mengkaji penemuan audit dengan juruaudit luar. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada :-
 - Perbincangan tentang apa-apa isu besar yang timbul sewaktu audit.
 - Apa-apa penghakiman perakaunan dan audit.
 - Tahap kesilapan yang dikenal pasti sewaktu audit.
- e) *Review and approve the annual audit plan and ensure that it is consistent with the scope of the audit engagement; and*
- f) *Review audit findings with the external auditors. This includes but not limited to:

 - Discussion on any major issues arising during the audit.
 - Any accounting and auditing judgments.
 - The level of error identified during the audit.*

Kehadiran Mesyuarat/Meeting Attendance

Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan telah bermesyuarat sebanyak 5 kali pada tahun 2010 dengan kehadiran ahli adalah seperti mana berikut:-

The Audit & Examiners Committee have had 5 meetings in 2010 with the following attendance:

Ahli Jawatankuasa/Committee Members	Kehadiran*/Attendance*
Datuk Dr. Saharan Hj Anang	5/5
Datuk Dr. Elias Kadir	3/3
Puan Rashidah Mohd Sies	1/2
Datuk Johar Che Mat	2/2
Dato' Mohamed Salleh Bajuri	3/3
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff	2/2

*Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang Pengarah berkenaan memegang jawatan.
*Reflects the number of meetings held during the time the Directors held office.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO/RISK MANAGEMENT COMMITTEE

Keahlian/Membership

Keahlian Jawatankuasa Pengurusan Risiko pada tahun 2010 terdiri daripada:-
The Members of the Risk Management Committee in 2010 are:

Ahli Jawatankuasa/Committee Members	Jawatan/Position
Datuk Dr. Saharan Haji Anang	Pengerusi/Chairman
Datuk Johar Che Mat (Dilantik mulai 11 Oktober 2010/Appointed effective 11 October 2010)	Ahli/Member
Datuk Dr. Elias Kadir (Sehingga 2 Jun 2010/Until 2 June 2010)	Ahli/Member
Dato' Mohd Mokhtar Ismail (Sehingga 11 November 2010/Until 11 November 2010)	Ahli/Member
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff (Sehingga 6 Mei 2010/Until 6 May 2010)	Ahli/Member

Fungsi & Tanggungjawab

- Merumus strategi untuk menguruskan keseluruhan risiko yang berkaitan dengan aktiviti Bank.
- Mencadangkan dasar pengurusan risiko, prosedur dan proses yang bersesuaian dari aspek risiko utama seperti risiko pasaran, risiko kredit, risiko 'underwriting', risiko pelaburan dan risiko operasi.
- Mengkaji kecukupan dasar dan sistem pengurusan risiko serta tahap keberkesanan pengendaliannya.
- Menggalakkan pendekatan yang bersepudu bagi menilai dan memantau risiko yang saling berkaitan.
- Memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem sudah tersedia untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko.
- Mengkaji maklumat berkala pihak Pengurusan tentang pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko.
- Merumus Pelan Kesinambungan Perniagaan.
- Memastikan pelaporan dan pengukuran risiko yang proaktif, lengkap dan tepat.
- Meluluskan pengecualian terhadap perubahan dasar dan mendapatkan pengesahan Lembaga.
- Melaporkan dan memberikan nasihat yang proaktif kepada Lembaga Pengarah berkenaan isu serta inisiatif risiko yang signifikan.
- Memastikan supaya taksiran pengurusan risiko yang bebas dijalankan untuk pinjaman besar pada kadar jumlah yang minima untuk ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Function & Responsibilities

- To formulate strategies to manage the overall risk associated with the activities of the Bank.
- Propose appropriate risk management policies, procedures and processes in terms of major risks such as market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk and operational risk.
- Review the adequacy of risk management policies and systems as well as the effectiveness of the operation.
- Promote an integrated approach to assessing and monitoring risks that are related.
- Ensure that the infrastructure, resources and systems are already in place to identify, measure, monitor and control risk.
- Review periodically information from the Management on risk exposure and risk management activities.
- Formulate the Business Continuity Plan.
- Proactively ensure a complete and accurate risk reporting and measurement.
- Approve exceptions to policy changes and seek approval by the Board.
- To report and provide proactive advice to the Board on issues and initiatives that pose significant risks.
- Ensure that an independent risk assessment is undertaken for large loans at a minimum amount to be determined by the Board from time to time.

Kehadiran Mesyuarat/Meeting Attendance

Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah bermesyuarat sebanyak sekali pada tahun 2010 dan kehadiran ahli adalah seperti mana berikut:-
The Risk Management Committee had one meeting in 2010 and the attendance is as follows:

Ahli Jawatankuasa/Committee Members	Kehadiran*/Attendance*
Datuk Dr. Saharan Haji Anang	1/1
Datuk Dr. Elias Kadir	1/1
Dato' Mohd Mokhtar Ismail	0/1
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff	0/1

*Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang Pengarah berkenaan memegang jawatan.
*Reflects the number of meetings held during the time the Directors held office.

JAWATANKUASA PENCALONAN & IMBUHAN/NOMINATION & REMUNERATION COMMITTEE

Keahlian/Membership

Keahlian Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan pada tahun 2010 terdiri daripada:-
The members of the Nomination & Remuneration Board in 2010 are:

Ahli Jawatankuasa/Committee Members	Jawatan/Position
Tan Sri Faizah Mohd Tahir (Dilantik sebagai Pengerusi mulai 11 Oktober 2010/ Appointed Chairman effective 11 October 2010)	Pengerusi/Chairman
Dato' Mohamed Salleh Bajuri (Sehingga 19 Jun 2010/Until 19 June 2010)	Pengerusi/Chairman
Datuk Dr. Saharan Haji Anang	Ahli/Member
Puan Rashidah Mohd Sies	Ahli/Member
Datuk Johar Che Mat (Dilantik mulai 11 Oktober 2010/Appointed effective 11 October 2010)	Ahli/Member
Datuk Dr. Elias Kadir (Sehingga 2 Jun 2010/Until 2 June 2010)	Ahli/Member
Dato' Mohd Mokhtar Ismail (Sehingga 11 November 2010/Until 11 November 2010)	Ahli/Member
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff (Sehingga 6 Mei 2010/Until 6 May 2010)	Ahli/Member

Fungsi & Tanggungjawab

- Mewujudkan keperluan kepakaran minimum untuk Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Ia juga bertanggungjawab untuk menyelia gubahan keseluruhan Lembaga, dalam aspek kemahiran bersesuaian, keseimbangan antara pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan pengarah bebas serta campuran kemahiran dan kecekapan utama lain yang dikehendaki, melalui tinjauan tahunan.
- Mencadangkan dan menilai calon-calon untuk para Pengarah bagi Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah serta calon-calon untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif.
- Mewujudkan mekanisme penilaian rasmi dan menilai keberkesanan keseluruhan Lembaga, sumbangan setiap Lembaga, sumbangan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, Jawatankuasa Syariah dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif.
- Mencadangkan kepada Lembaga tindakan yang berpatutan ke atas Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif seandainya beliau tidak efektif, salah laku atau cuai dalam melaksanakan tanggungjawabnya.
- Memastikan bahawa semua Pengarah melalui program induksi yang sepatutnya serta menerima latihan berterusan.
- Mengawasi pelantikan, pemindahan, kenaikan pangkat, pelan penggantian pengurusan dan penilaian prestasi pegawai-pegawai kanan, serta mencadangkan kepada Lembaga penyingkiran pegawai-pegawai kanan utama yang tidak efektif, salah laku atau cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
- Mencadangkan rangka kerja bagi imbuhan Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama. Dasar imbuhan seharusnya;
 - Didokumentasikan dan diluluskan sepenuhnya oleh Lembaga dan sebarang perubahan tambahan adalah tertakluk kepada pengesahan sepenuhnya oleh Lembaga;
 - Menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah individu, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama;
 - Mencukupi bagi menarik dan mengekalkan Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama yang berkualiti bagi menguruskan Institusi Kewangan Pembangunan dengan jayanya; dan
 - Mengimbangkan keperluan bagi memastikan bahawa dana Institusi Kewangan Pembangunan tidak digunakan untuk mengsubsidikan imbuhan berlebihan.
- Mencadangkan pakej imbuhan khusus bagi Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama. Dasar imbuhan seharusnya;
 - Berdasarkan pertimbangan objektif, dan diluluskan sepenuhnya oleh Lembaga;
 - Mempertimbangkan penilaian bagi Jawatankuasa Pencalonan tentang keberkesanan dan sumbangan Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama yang berkenaan;

Function & Responsibilities

- Establish minimum requirements for the expertise of the Board and Chief Executive Officer in discharging its responsibilities effectively. It is also responsible for overseeing the overall composition of the Board, the appropriate skills, the balance between executive, non executive and independent directors and the mix of skills and other core competencies that are required, through the annual review.*
- Propose and review the Directorial candidates for the Board of Directors Committee, Shariah Committee as well as candidates for the position of Chief Executive Officer.*
- Create an official evaluation mechanism and evaluate the effectiveness of the entire Board, contribution of all the Boards, Board Committees, Shariah Committee and the Chief Executive Officer's performance.*
- To recommend to the Board appropriate action on the Director/Chief Executive Officer if he/she is ineffective, errant and negligent in discharging his/her responsibilities.*
- Ensure that every Director receive continuous training through relevant induction programmes.*
- To oversee the appointment, transfer, promotion, management succession planning and performance evaluation of senior officers, and recommend the removal of key senior officials who are ineffective, commits misconduct or negligent in carrying out their responsibilities.*
- Propose a framework for the remuneration of Directors, Chief Executive Officer and key senior officers. The remuneration policy should be;*
 - Documented and fully approved by the Board and any additional changes are subject to full confirmation by the Board;*
 - Reflect the experience and level of responsibility undertaken by individual Directors, the Chief Executive Officer and key senior officers;*
 - Sufficient to attract and retain Directors, Chief Executive Officer and key senior officers of the calibre to manage successfully the Development Financial Institution; and*
 - Balancing the need to ensure that the Development Financial Institutions fund is not used to subsidize excessive remuneration.*
- Propose specific remuneration packages for Directors, Chief Executive Officer and key senior officers. Remuneration policy should be;*
 - Based on the objective, and fully approved by the Board;*
 - Consider the assessment from the Nominating Committee on the effectiveness and the contribution of Directors, Chief Executive Officer and key senior officers concerned;*

- Tidak diputuskan melalui pertimbangan tunggal mengenai satu-satu individu atau individu-individu kumpulan tertentu; dan
- Kompetitif dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Institusi Kewangan Pembangunan.

- Do not be decided by single consideration of any one individual or specific group of individuals; and*
- Competitive and in line with the culture, objectives and strategies of the Development Financial Institution.*

Kehadiran Mesyuarat/Meeting Attendance

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan telah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali pada tahun 2010 dan kehadiran ahli adalah seperti berikut:-
Nomination & Remuneration Committee had six (6) meetings on 2010 and the following is the attendance list:

Ahli Jawatankuasa/Committee Members	Kehadiran*/Attendance*
Dato' Mohamed Salleh Bajuri	5/5
Datuk Dr. Saharan Haji Anang	6/6
Puan Rashidah Mohd Sies	1/1
Datuk Johar Che Mat	1/1
Datuk Dr. Elias Kadir	5/5
Dato' Mohd Mokhtar Ismail	2/5
Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff	3/3

*Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang Pengarah berkenaan memegang jawatan.

*Reflects the number of meetings held during the time the Directors held office.

Sebagai tambahan kepada Jawatankuasa-jawatankuasa di atas, Lembaga Pengarah juga menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga yang lain mengikut keperluan untuk melaksanakan fungsi spesifik mengikut terma rujukan masing-masing, iaitu:-

- Jawatankuasa Kredit Dan Pinjaman
- Jawatankuasa Pelaburan
- Jawatankuasa Tugas-Tugas Am
- Jawatankuasa IT Lembaga

Keperluan Latihan/Kursus

Ahli Lembaga Pengarah yang baru dilantik akan dibekalkan dengan dokumen-dokumen/material berkenaan Bank dan prestasi kewangan Bank seperti penyata pendapatan, lembaran imbalan dan penyata aliran tunai untuk membolehkan mereka memahami operasi dan latarbelakang Bank.

Ahli Lembaga Pengarah yang baru dilantik diwajibkan juga untuk menghadiri program latihan yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia iaitu Corporate Directors Training Programme dalam tempoh enam (6) bulan selepas pelantikan. Dari masa ke semasa Ahli-ahli Lembaga Pengarah digalakkan untuk menghadiri mana-mana seminar/persidangan/kursus yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak luar bagi menambahkan pengetahuan mereka di dalam industri perbankan secara khusus dan untuk mengetahui perkembangan terkini dunia perniagaan.

In addition to the above Committees, the Board also established other Board Committees based on the necessity to perform specific functions in accordance with their respective terms of reference, namely:-

- Credit and Loan Committee
- Investment Committee
- General Purpose Committee
- Board IT Committee

Requirement for Training/Courses

Newly appointed Board members will be supplied with the respective Bank documents/materials including the Bank's financial performance, such as income statements, balance sheets and cash flow statements to understand the operations and background of the Bank.

The newly appointed Board Members are also required to attend the Corporate Directors Training Programme organized by the Companies Commission of Malaysia, within six (6) months after the appointment. From time to time, Board Members are encouraged to attend any seminars/conferences/courses organized by the Bank Negara Malaysia or any other outside parties to increase their knowledge of the banking industry in particular, and to know the latest developments in the business.

KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab ke atas sistem kawalan dalaman Bank termasuk penubuhan rangka kerja persekitaran kawalan dalaman yang bersesuaian serta menyemak kecukupan dan integriti sistem tersebut. Sistem kawalan dalaman ini mengemukakan keperluan bagi operasi perniagaan yang efisyen dan efektif, pelaporan kewangan dan prosedur kawalan yang lengkap serta mematuhi undang-undang dan peraturan berkanan yang berkaitan dengan operasi bank. Sistem tersebut juga direka bentuk bagi mengurus risiko Bank di dalam profil risiko boleh-terima dan bukan untuk menghapuskan risiko kegagalan dalam memenuhi dasar dan objektif perniagaan Bank. Sistem kawalan dalaman Bank juga memberi jaminan yang munasabah bagi mengekang terhadap salah penyataan dan salah pengurusan yang signifikan.

Proses Kawalan Dalam Utama

Jabatan Audit Dalam

Jabatan Audit Dalam (IAD) bertanggungjawab ke atas entiti audit di dalam Bank berdasarkan Pelan Audit tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (AEC). Pelan Audit berkenaan yang menggunakan pendekatan berdasarkan risiko untuk tujuan pengauditan merangkumi penilaian ke atas kecukupan pengurusan risiko dan kawalan dalaman operasi, pematuhan ke atas undang-undang dan peraturan, kualiti aset serta kecekapan pengurusan. Audit dalaman menggunakan kerangka kerja COSO sebagai kaedah untuk menilai keberkesanannya risiko dan kawalan ke atas entiti yang diaudit dan menekankan juga kelemahan proses serta memberi cadangan penambahbaikan kepada pihak Pengurusan.

Kuasa IAD diperjelaskan dalam Piagam Audit yang menerangkan peranan, tugas dan tanggungjawab IAD serta hubungannya dengan Lembaga Pengarah, AEC, Pengurusan, audit luar dan pihak berkuasa.

IAD komited untuk memantapkan proses audit dengan menggunakan teknik audit berdasarkan risiko, meningkatkan kompetensi pegawai audit dan ditanda aras bagi membolehkan setanding dengan amalan terbaik industri dalam pengauditan dalaman. Pada keseluruhannya, IAD membantu Bank dalam mengekalkan persekitaran kawalan dalaman yang mantap serta menggalakkan budaya pematuhan dan risiko di dalam Bank.

INTERNAL CONTROL

The Board is responsible for the Bank's internal control systems, including the establishment of a framework of appropriate internal control environment and review of the adequacy and integrity of the system. The internal control system accommodates the need for an efficient and effective business operations, financial reporting and comprehensive control procedures which comply with the regulatory and statutory requirements relating to banking operations. The system is also designed to contain the Bank's risks within the tolerable risk profile and not to eliminate the risk of failure in fulfilling the Bank's policy and business objectives. The Bank's internal control system also provides reasonable assurance of deterring misstatements and significant mismanagement.

Main Internal Control Process

Internal Audit Department

The Internal Audit Department (IAD) is responsible for audit entities in the Bank based on the annual Audit Plan approved by the Audit and Examination Committee (AEC). The Audit Plan adopts a risk-based approach for auditing purposes which includes the assessment of the adequacy of risk management and internal operational controls, compliance with the laws and regulations, asset quality and management efficiency. Internal audit adopts the COSO framework as a means to assess materiality of the risks and the controls over the audit entity and also highlights the weaknesses in the process and provides recommendations for improvement to the Management.

IAD's jurisdiction is articulated in its Audit Charter, which describes the roles, duties and responsibilities of IAD and its relationship with the Board of Directors, AEC, Management, external audit and the regulators.

IAD is committed to strengthening the audit process by adopting risk-based audit techniques, enhance the competency of audit officers and benchmarked against best industry practices in internal auditing. In overall, IAD facilitates the Bank in preserving a sound internal control environment and promotes a compliance culture and risk within the Bank.

Memberi Maklumat

Polisi Pengurusan Penyelewengan dan Whistle Blowing telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebagai langkah pencegahan, pembetulan dan pengesanan awal terhadap ketidakpatuhan dan pelanggaran polisi serta prosedur operasi. Dengan adanya polisi ini, wargakerja dan pelanggan mempunyai rangkaian untuk menyalurkan isu-isu berkaitan ketidakpatuhan, salahlaku atau pelanggaran polisi serta prosedur secara langsung kepada Ketua Juruaudit Dalaman tanpa melalui karenah atau tapisan birokrasi. Hasil siasatan akan dibentangkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman dalam mesyuarat AEC untuk keputusan selanjutnya.

Providing Information

The Managing Fraud and Whistle Blowing Policy was approved by Board of Directors as a measure for prevention, rectification and early detection on the misconduct and breach of policy and operational procedures. By this policy, the employees and customers have an avenue to escalate issues relating to non-compliance, misconduct or violation against the policies and procedures directly to Chief Internal Auditor without going through an elaborate process. Outcome of the investigation is to be presented by Chief Internal Auditor in the AEC meetings for subsequent decisions.



PEMATUHAN

Misi Dan Skop Pematuhan

Sebagai entiti bisnes korporat, harapan pihak yang berkepentingan adalah supaya Agrobank bukan hanya memastikan prestasi kewangan adalah baik tetapi juga menjadi warga korporat yang terbaik dengan mengamalkan integriti yang tinggi.

Misi utama pematuhan adalah untuk;

- Mempertingkat;
- Memantau; dan
- Memelihara integriti Agrobank.

Integriti termasuk penghayatan dan pengamalan kepada prinsip moral, etika serta perlakuan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Sebagai disiplin pengurusan risiko, pematuhan bertanggungjawab menangani risiko pematuhan atau integriti. Risiko pematuhan atau integriti adalah risiko perundungan atau regulatori, sekatan, kerugian kewangan atau kehilangan reputasi berpunca dari ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan, kod etika dan piawaian perlakuan yang relevan kepada operasi perbankan Agrobank. Fokus risiko integriti adalah kepada:

- Pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan
- Pengendalian kepentingan pelanggan (maklumat pelanggan, aduan pelanggan, hubungan pelanggan, percanggahan kepentingan dan tanggungjawab)
- Prinsip dan amalan perniagaan yang adil dan saksama (telus dan keterbukaan)
- Pengambilan kakitangan yang berintegriti

Pematuhan berkomited untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan meletakkan posisinya sebagai barisan pertahanan kedua yang dipercayai dan utuh dalam menangani risiko integriti Agrobank.

Inisiatif Pematuhan 2010

Inisiatif 2010 memberi fokus kepada penambahbaikan fungsi pematuhan sebagaimana yang dicadangkan oleh konsultan Rabobank pada tahun 2009 sebagai salah satu agenda mentransformasikan Agrobank:

- Menstrukturkan semula Jabatan Pematuhan dengan menubuhkan 3 unit pengkhususan iaitu Regulatori, Anti-Money Laundering/Counter Terrorism Financing/Integriti dan Operasi. Bagi Unit Operasi, fungsi *Regional Compliance Officer* telah diadakan untuk memantau aktiviti pemantauan peringkat serantau.
- Menubuhkan Jawatankuasa Audit, Pematuhan dan Risiko di peringkat pengurusan bagi menyediakan wadah bagi fungsi audit, pematuhan dan risiko untuk berkongsi maklumat dan bekerjasama menilai profil keseluruhan risiko Agrobank serta memastikan tindakan susulan diambil ke atas isu-isu yang berkaitan. Beberapa mesyuarat telah diadakan dan terma rujukan telah dibangunkan untuk jawatankuasa tersebut.

COMPLIANCE

Compliance Mission and Scope

As a corporate entity, stakeholders not only expect good financial performance from Agrobank but also for it to become a good corporate citizen with a high level of integrity.

Compliance's main mission is to;

- Enhance;
- Monitor; and
- Safeguard the integrity of Agrobank.

Integrity includes the appreciation and adherence to moral and ethical principles, and standards of behaviour.

As a discipline of risk management, compliance is responsible for managing compliance or integrity risks. The compliance or integrity risk is the legal or regulatory risks, sanctions, financial losses or loss of reputation that Bank may suffer as a result of its failure to comply with laws, regulations, ethical code and the code of conduct relevant to the banking operations of Agrobank. The integrity risks focuses on:

- Money laundering and terrorism financing
- Handling the customers' best interests (customer information, complaints, relations, conflict of interests and responsibility)
- Conduct of business based on fair and just principles (transparency and openness)
- Hiring staff with integrity

Compliance is committed to carrying out its responsibilities by placing itself as a credible and integral second-line of defense in managing Agrobank's integrity risk.

Compliance Initiatives for 2010

2010 initiatives were focused on improving the compliance function as proposed by Rabobank consultants in 2009, as per the agenda to transform Agrobank:

- Restructure the Compliance Department by forming 3 specialised units; Regulatory, Anti-Money Laundering/Counter Terrorism Financing/Integrity and Operations. For the Operations Unit, the function of the Regional Compliance Officer was created to monitor compliance activities at regional level.
- Form an Audit, Compliance and Risk Committee at management level so as to create a platform for audit, compliance and risk functions to share information and work together to assess overall risk profile for Agrobank as well as ensure remedial action is taken on related issues. Several meetings have been conducted and the terms of reference have been developed to form this committee.

- Melantik Wakil Pematuhan di setiap lokasi bisnes termasuk di peringkat Bahagian, di ibu pejabat bagi menjalankan tugas membantu pengurusan mengawal aktiviti pematuhan di lokasi masing-masing. Dengan pelantikan ini, pematuhan menjadi sebahagian dari aktiviti perniagaan namun di samping itu elemen kebebasan masih dikekalkan. Beberapa program telah disediakan termasuk memberi kesedaran dan latihan kepada Wakil Pematuhan.

- Memperluaskan skop pematuhan bukan hanya terhad kepada pematuhan regulatori dan Anti-Money Laundering/Counter Terrorism Financing tetapi meliputi integriti secara khusus. Fokus integriti termasuk percanggahan kepentingan dan tanggungjawab, rasuah, hadiah dan keraian, pengasingan tugas, pendedahan maklumat pelanggan dan perlakuan profesional (kemahiran, ketelitian dan ketekunan).
- Membangunkan Piawaian Pematuhan Lembaga Pengarah bagi memperkuatkannya integriti pengurusan Agrobank.
- Merangka penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Penyeleweng (Fraud Management Committee) bertujuan memastikan kes-kes penyeleweng ditangani dengan cepat dan betul. Proses pelaporan kes-kes penyeleweng ke Bank Negara Malaysia melalui sistem online telah disediakan bagi mempercepatkan penghantaran maklumat dan tindakan.
- Merangka dan melaksanakan kaedah penilaian risiko pematuhan.
- Membangunkan Pelan Perniagaan Jabatan Pematuhan dengan merangka strategi yang sealiran dengan strategi korporat Agrobank. Pelan ini mengenal pasti dengan terperinci skop dan fokus semakan pematuhan termasuk mengambil kira isu-isu yang dibangkitkan oleh Bank Negara Malaysia dan Jabatan Audit Dalam 2009. Di bawah pelan ini, program pematuhan telah dirangka dan dilaksanakan seperti mengadakan program latihan dan kesedaran, ujian pematuhan secara online, penilaian sendiri kawalan, lawatan ke lokasi perniagaan, kajian dan pemantauan serta penilaian ke atas persekitaran regulatori. Prestasi pelaksanaan program diukur dengan Key Performance Indicators (KPIs) yang telah diluluskan oleh pengurusan.

Cabar Tahun 2011

Cabaran pematuhan untuk tahun 2011 adalah untuk memperkuatkannya dan memelihara integriti dengan mewujudkan persekitaran dan sikap yang profesional di kalangan kakitangan Agrobank. Pematuhan juga perlu memastikan ia dapat memberi sumbangan yang bermakna sealiran dengan strategi dan matlamat Agrobank 2011-2012. Selaras dengan strategi Agrobank 2011-2012, tumpuan dan cabaran pematuhan adalah untuk memperkuatkannya nilai pelanggan (customer value) dan nilai kakitangan (employee value) Agrobank.

- Appoint a Compliance Representative at each business location including at Department level, at the Head Office to support the managing of compliance activities at their respective locations. Compliance will be embedded in the business activities whilst maintaining an element of independence. Several programmes have been prepared to raise awareness and provide training for the Compliance Representatives.
- Widen the compliance scope beyond regulatory scope and Anti-Money Laundering/Counter Terrorism Financing but to cover integrity as a whole. The focus on integrity would include conflict of interest and responsibility, corruption, gifts and entertainment, segregation of duties, disclosure of customer information and professional conduct (skills, care and diligence).
- Develop a Compliance Standard for the Board of Directors to strengthen Agrobank's business integrity at the highest level.
- Outline the formation of a Fraud Management Committee with the purpose of ensuring that fraud cases are handled swiftly and properly. An online system to report fraud cases to Bank Negara Malaysia was created in order to accelerate the delivery of information and action.
- Develop and implement compliance risk assessment methods.
- Develop a Department Business Compliance Plan by outlining strategies that align to Agrobank's corporate strategy. This plan will identify in detail the scope and focus of the compliance review and will also include issues raised by Bank Negara Malaysia and the Internal Audit Department for 2009. Under this plan, the compliance programme is developed and implemented such as providing training and awareness programmes, online compliance tests, control self assessment, site visit to business locations, reviewing, monitoring and evaluation of the regulatory environment. The programme's performance will be measured by the Key Performance Indicators (KPIs) approved by management.

Challenges for 2011

Compliance's challenges for 2011 is to strengthen and safeguard Agrobank's integrity by creating a professional working environment and behavior amongst the staff. Compliance will also have to ensure that it gives meaningful contribution that is align to Agrobank's strategies and targets for 2011-2012 to fortify its customer and employee value.

PENGURUSAN RISIKO

Agrobank, sebagai sebuah institusi kewangan, terdedah kepada risiko-risiko utama seperti risiko kredit, risiko pasaran dan kecairan dan risiko operasi. Risiko-risiko lain termasuk risiko perundungan dan reputasi. Visi Agrobank dalam pengurusan risiko di peringkat organisasi adalah untuk mewujudkan "keadaan tanpa kejutan" dengan misi yang berikut:

- Melindungi kestabilan kewangan Agrobank;
- Melindungi reputasi Agrobank;
- Mewujudkan ketelusan risiko dengan mengenalpasti semua risiko signifikan;
- Berfungsi dan diuruskan secara bebas dari sektor-sektor perniagaan.

Di bawah falsafah pengurusan risiko Agrobank, tanggungjawab pengurusan risiko terletak di bawah Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah sentiasa mengkaji semula Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bank (RMF) dengan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (EMT) untuk meningkatkan amalan pengurusan risiko Bank yang sedia ada.

RMF Bank merangkumi semua jenis risiko yang meliputi risiko kredit, pasaran dan kecairan serta operasi. Antara objektif-objektif RMF ialah:

- Untuk mengenalpasti, memantau dan mengurus semua risiko yang dihadapi;
- Memaklumkan kepada Pihak Pengurusan Atasan dan Lembaga Pengarah berkenaan gambaran dan kesan risiko kepada Bank secara menyeluruh;
- Untuk menyediakan gambaran secara menyeluruh perhubungan antara setiap jenis risiko Bank kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah;
- Menyediakan cara bagi mengenalpasti jenis pengurusan risiko dan kawalan inisiatif yang lebih penting.

Lembaga Pengarah bergantung kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk mengawasi keberkesanannya fungsi pengurusan risiko kredit, kecairan, pasaran dan operasi.

Fungsi utama Jawatankuasa Pengurusan Risiko ialah:

- Merumuskan strategi untuk menguruskan keseluruhan risiko yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Bank;
- Menyemak kecukupan polisi-polisi dan sistem-sistem pengurusan risiko serta tahap ia beroperasi dengan efektif;

RISK MANAGEMENT

As a financial institution, the Bank is exposed to credit risks, market and liquidity risk, and operational risks which form the major risks faced by the Bank. Other risks include legal risk and reputational risk. Agrobank's vision in risk management at an enterprise level is to create a 'no-surprise environment' with the following key mission:

- Protect Agrobank's financial soundness;
- Protect Agrobank's reputation;
- Create risk transparency by proper identification of all significant risks;
- Functionally and organisationally independent of the business sectors.

Under Agrobank's risk management philosophy, the responsibility for risk management is ultimately with the Board of Directors. The Board regularly reviews the Bank's Risk Management Framework (RMF) with the Executive Management Team (EMT) to enhance the existing Bank's risk management practices.

The Bank's RMF covers all risk types which encompasses credit, market and liquidity and operational risk. The objectives of the RMF amongst others are:

- To identify, monitor and adequately manage all risks;
- To inform the senior management and the Board of the view and risk impacts to the Bank as a whole;
- To provide Management and the Board with bank-wide view of inter-relationships between risks;
- To provide for a means of prioritizing the myriad of risk management and control initiatives.

The Board leverages on the Risk Management Committee to oversee the effectiveness of credit, liquidity, market and operational risk management function.

Among the functions of the Risk Management Committee (RMC) are:

- Formulating strategies to manage the overall risk associated with the Bank's activities;
- Reviewing the adequacy of risk management policies and systems and the extent to which these are operating effectively;

- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem-sistem bersedia untuk mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- Menilai maklumat secara berkala dari pihak pengurusan mengenai pendedahan kepada risiko dan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko;
- Melaporkan dan menasihatkan Lembaga Pengarah secara proaktif mengenai isu-isu risiko dan inisiatif-inisiatif yang ketara.

Konsep pengurusan risiko Agrobank ialah "Tiga barisan pertahanan" seperti diuraikan dalam jadual berikut:

Pengurusan Risiko dan Tiga Barisan Pertahanan/Risk Management and Three Lines Of Defence

Pendekatan/ Approach	Tanggungjawab/ Responsibility	Unit Organisasi/ Organisational Units
Barisan Pertahanan Pertama/ 1st Line of Defence	Unit Pengambilan Risiko/ Risk Taking Unit	Unit Perniagaan dan Sokongan/ Business and Support Units
Barisan Pertahanan Ke-2/ 2nd Line of Defence	Unit Pengawalan Risiko/ Risk Control Unit	Bahagian Pengurusan Risiko/ Risk Management Division
Barisan Pertahanan Ke-3/ 3rd Line of Defence	Asurans/ Assurance	Audit Dalaman/ Internal Audit

Sebagai unit kawalan, Bahagian Pengurusan Risiko (RMD) telah mewujudkan proses-proses untuk menilai, mengurus dan melapor secara berterusan risiko-risiko signifikan yang dihadapi Bank sepanjang tahun kewangan 2010. Pengurusan Atasan dan Lembaga Pengarah menerima laporan risiko daripada Bahagian Pengurusan Risiko untuk semakan dan sebagai asas membuat keputusan.

Bahagian Pengurusan Risiko merumuskan dan menyemak semula penyediaan polisi-polisi dan model-model risiko kredit, kecairan, pasaran dan operasi. RMD juga memantau dan melapor pematuhan had risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

- Ensuring that the infrastructure, resources and systems are in place to identify, measure, monitor and control risks;
- Reviewing management's periodic information on risk exposure and risk management activities;
- Reporting and providing proactive advice to the Board of Directors with respect to significant risk issues and initiatives.

Agrobank's risk management is conceptualised by "The three lines of defence" as illustrated in the table below:

Risk Management Division (RMD) as a control unit has put in place an on-going process for evaluating, managing and reporting on the significant risk faced by the Bank throughout the financial year under review. Risk reports are submitted to the Senior Management and the Board for review and decision making.

Risk Management Division formulates and reviews the establishment of policies and models on credit, liquidity, market and operational risk. RMD also monitors and reports on the compliance to the set risk limits approved by the Board.

Pengurusan Risiko Kredit


Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada Bank jika pelanggan atau rakan niaga sesuatu instrumen kewangan gagal untuk memenuhi kewajipan kontrak, dan timbul terutamanya dari pinjaman dan pendahuluan Bank kepada pelanggan, dan pelaburan sekuriti hutang.

Untuk tujuan pelaporan pengurusan risiko, Bank mempertimbangkan dan menggabungkan semua elemen pendedahan risiko kredit seperti risiko kemungkinan peminjam dan risiko portfolio mengikut segmen dan sektor.

Pihak Pengurusan Bank, RMC dan Lembaga Pengaruh dimaklumkan secara berterusan tentang prestasi portfolio pinjaman, status profil risiko kredit dan tindakan penambahbaikan yang diambil.

Aliran proses risiko kredit yang diamalkan dalam pengurusan risiko kredit adalah seperti dalam gambarajah berikut:

Proses Risiko Kredit/Credit Risk Process:



Credit Risk Management

Credit risk is the risk of financial loss to the Bank if a customer or counterparty to a financial instrument fails to meet its contractual obligations, and arises principally from the Bank's loan and advances to customers and investment in debt securities.


For risk management reporting purposes the Bank considers and consolidates all elements of credit risk exposure such as individual obligor default risk, portfolio risk by segment and sector.

The Bank's Management, RMC and the Board are regularly kept informed on the performance of the loan portfolio, status of the credit risk profile and mitigating measures taken.

In managing credit risk, the following credit risk process flow, as depicted in the diagram below, is practised:

Program-program yang dijalankan oleh RMD di bawah Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit untuk mengurangkan risiko kredit dalam tahun 2010 adalah seperti dalam gambarajah berikut:

Programmes carried out by RMD under the Credit Risk Management Framework to mitigate credit risk in the year 2010 are depicted in the diagram below:



- Pembangunan “Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit” menyediakan garis panduan kasar untuk aktiviti pengambilan risiko yang berkaitan kredit. Di dalam rangka kerja berkenaan, “Model Pengurusan Kredit” telah dibangunkan untuk mengukuhkan pengurusan risiko kredit melalui sistem pemantauan pinjaman yang efektif, semakan pinjaman pada waktu-waktu yang ditetapkan, strategi kutipan dan kawalan yang efektif termasuk penyediaan penanda aras sumber manusia yang bersesuaian;
- Penambahbaikan “Instrumen Penarafan dan Pemarkahan Kredit” untuk penilaian dan pemantauan risiko kredit;
- Membangunkan polisi-polisi risiko seperti tumpuan sektor dalam portfolio pinjaman dan pelaburan, “Had Pelanggan Individu” untuk memastikan polisi pengurusan risiko yang kukuh dan semakan berterusan untuk menambahbaik polisi risiko yang sedia ada;
- Penambahbaikan templat penilaian bebas risiko kredit untuk mengenalpasti dan mengurangkan risiko-risiko seperti risiko industri, risiko pasaran dan perniagaan, risiko pengurusan dan pemegang saham, risiko regulatori, risiko alihan dana, risiko struktur kredit dan risiko yang berkaitan dengan realisasi sekuriti;
- Development of the “Credit Risk Management Framework” which provides broad guidelines on credit related risk taking activities. Within the framework, the “Credit Management Model” was developed to strengthen credit risk management through an effective loan monitoring system, timely loan review, effective collection strategies and controls including establishing an appropriate human resource benchmark;
- Enhancement of the “Credit Scoring and Rating Tool” for credit risk assessment and monitoring purposes;
- Development of risk policies such as sector concentration in the loan portfolio and investments, “Single Customer Limit” to ensure sound risk management policies are in place and ongoing review of existing risk policies for enhancement;
- Enhancement of the template for independent credit risk assessment to identify and mitigate risks such as industry risk, market and business risk, management and shareholders risk, regulatory risk, fund diversion risk, credit structure risk and risk associated with realisation of security;

- Menganalisa dan melapor pendedahan risiko kredit dalam sektor-sektor ekonomi, dengan memberi penekanan kepada sektor ekonomi yang berpotensi serta berisiko tinggi;
- Menganalisa dan melapor prestasi portfolio pinjaman Bank serta memantau prestasi pinjaman yang dijadualkan semula, senarai pinjaman yang dipantau, pinjaman tertunggak dan pinjaman tidak berbayar;
- Pemantauan berterusan akaun pembiayaan komersil untuk memastikan pengecaman awal risiko berpotensi pada tahap awal;
- Memantau had kredit dipatuhi bagi pelbagai jenis produk, campuran produk, pelanggan individu dan pinjaman-pinjaman besar;
- Merombak proses penilaian risiko untuk produk baru dan penambahbaikan produk dan perkhidmatan sedia ada yang berkaitan dengan penyampaian pinjaman, operasi pelaburan dan perbankan;
- Melaksanakan Laporan Penilaian Kualiti Kredit untuk mengukuhkan kualiti penilaian risiko secara keseluruhan dalam laporan penilaian kredit;
- Penilaian risiko kredit bagi semua pelaburan yang dilakukan oleh Jabatan Perpendaraan;
- Menjalankan ujian tekanan ke atas portfolio pinjaman dan pelaburan Bank untuk menentukan tahap risiko kredit bank dan kesannya ke atas keuntungan Bank dan menggunakan sebagai alat pengurusan strategik;
- Mempertingkatkan pengetahuan dan kepakaran melalui Program Pensijilan Dalam Kredit secara berterusan;
- Menyemak Manual Operasi Kredit bersama unit-unit perniagaan yang lain untuk menambahbaik polisi-polisi, prosedur dan proses kredit.

Pengurusan Risiko Operasi

Risiko Operasi ialah risiko kerugian akibat kekurangan atau kegagalan dalam proses-proses dalaman, tenaga kerja dan sistem ataupun peristiwa luaran.

Menurut Jawatankuasa Basel, risiko operasi termasuk risiko perundungan tetapi tidak termasuk risiko reputasi dan strategik.

Bagi mengawal risiko operasi, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi Agrobank (ORMF) dibangunkan dalam tahun 2010 untuk menyediakan proses yang berstruktur dan berdisiplin dan mengikut garis panduan yang disediakan oleh Bank of International Settlements (BIS) Basel Accords, Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM) dan amalan terbaik industri.

- Analyse and report credit risk exposure for economic sectors, with emphasis on the potential and high risk economic sectors;
- Analyse and report the performance of the Bank's loan portfolio as well as monitoring the performance of the rescheduled loans, watch list loans, delinquent loans and impaired loans;
- Continuous monitoring of commercial financing accounts to ensure early identification of any potential risk at the early stage;
- Monitoring the credit limits to enable detection of any breaches for product mix, single customer and large loans;
- Remodel the risk assessment process for new and enhancement of existing products and services related to loan, investment and banking operations delivery;
- Implementing the Credit Quality Assessment Report to strengthen the overall quality of risk assessments in the credit appraisal reports;
- Credit risk assessments on all investments carried out by the Treasury Department;
- Perform stress testing on the Bank's loan portfolio and investments to determine the bank's credit risk level and its impact on the Bank's profitability and using it as a strategic management tool;
- Ongoing course for Internal Certified Credit Professional to enhance credit knowledge and skills;
- Reviewing the Credit Operation Manual with other business units to strengthen credit policies, procedures and processes.


Operational Risk Management

Operational Risk is the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people, systems or from external events.

Operational risk includes legal risk but, as defined by the Basel Committee, excludes reputational and strategic risks.

Towards containing operational risks, Agrobank's Operational Risk Management Framework (ORMF) was developed in 2010 to provide a structured and disciplined process defined and guided by the regulatory guidelines set by Bank of International Settlements (BIS) Basel Accords, the Bank Negara Malaysia's (BNM) Guidelines and industry best practices.

Aliran Proses Operasi Pengurusan Risiko/Operational Risk Management Process Flow:



Polisi Anti Penyelewengan yang mengambil kira Polisi Pemberi Maklumat telah diwujudkan untuk meningkatkan kesedaran kakitangan untuk mempertahankan dan menggalakkan prinsip etika seperti kejujuran dan integriti bagi meminima dan mengurangkan kejadian penyelewengan. Manual Pengurusan Penyelewengan telah disediakan untuk mengenalpasti punca kerugian akibat penyelewengan atau kekurangan kawalan dalaman serta mengambil langkah-langkah pemulihan untuk mengelakkan kejadian tersebut.

Proses dan prosedur turut diperbaiki agar ia mengikuti perkembangan polisi semasa dan pembangunan sistem di Bank. Projek Penilaian Risiko Maklumat Teknologi (IT)/Sistem Maklumat (IS) dalam operasi IT dan sistem bank dibangunkan dan Penilaian Pengurusan Risiko IT turut dijalankan untuk menilai risiko dan pendedahan IT dengan penekanan kepada Arkitektur dan Infrastruktur IT dan Maklumat.

RMD telah membangunkan templat penilaian risiko untuk produk-produk yang baru/ditambahbaik untuk memastikan produk-produk tersebut melalui proses penilaian risiko yang intensif dan proses-proses pengesahan di mana risiko yang berkaitan dikenalpasti dan dinilai oleh jabatan yang membangunkan produk dan dinilai semula oleh pihak bebas. Templat tersebut meliputi risiko kredit, pasaran, kecairan, perundungan dan reputasi.

In creating staff awareness to uphold and promote ethical principles of honesty and integrity, the Anti Fraud Policy, incorporating the Whistle Blowing Policy was formalised to minimize and mitigate fraud incidents. The manual on Fraud Management was also developed to identify causes of losses from fraud or lack of internal controls and taking remedial actions to prevent such occurrences.

Processes and procedures were also revised to keep abreast with current policies and development in the system of the Bank. The Information Technology (IT)/IS (Information System) Risk Assessment Project on IT operations and bank's system was developed and IT Risk Management Assessment was done to assess the IT risks and exposure, with emphasis on IT Architecture and Infrastructure and Information.

RMD developed a risk assessment template for the introduction of new or enhanced products to ensure products developed go through a rigorous risk review and sign-off processes where relevant risks are identified and assessed by the department developing the product and re-assessed by an independent party. The template covered credit risk, market risk, liquidity risk, legal risk and reputational risk.

Unit Pengurusan Kesinambungan Perniagaan telah menjalankan latihan kebakaran, latihan Call Tree, Ujian Rancangan Pemulihan Bencana serta Matriks Level of Disruption (LoD) untuk memastikan kesinambungan fungsi kritikal Bank.


Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan

Risiko Pasaran ialah potensi kerugian akibat perubahan dalam kadar faedah, kadar pertukaran asing, sebaran kredit, harga ekuiti dan harga komoditi. Perubahan ini boleh mempengaruhi nilai instrumen kewangan dan juga mempengaruhi aliran pendapatan pelanggan dan pendapatan perdagangan proprietari.

Risiko Kecairan ialah kebarangkalian menghadapi rintangan untuk menjana dana yang diperlukan untuk penyelesaian disebabkan oleh ketidaksesuaian penggunaan dan perolehan dana atau aliran keluar dana yang tidak dijangka, atau terpaksa meminjam pada kadar faedah yang lebih tinggi dari biasa.

Objektif pengurusan risiko pasaran dan kecairan ialah untuk memastikan bahawa risiko pasaran dan kecairan dikenalpasti, diukur, dikawal, diurus dan dilaporkan. Gambar rajah yang berikut menunjukkan aliran proses pengurusan risiko pasaran:

Aliran Proses Pasaran dan Kecairan/Market and Liquidity Risk Process Flow:



To ensure continuity of the Bank's critical functions, the Business Continuity Management Unit conducted fire drill exercise, call tree exercise, Disaster Recovery Plan Testing as well as development of Emergency Response Procedures and Level of Disruption Matrix.

Market and Liquidity Risk Management

Market Risk is defined as the potential loss arising from changes in interest rate, foreign exchange rates, credit spreads, equity prices and commodity prices. These changes can affect the value of financial instruments and may also affect customer flow related revenues and proprietary trading revenues.

Liquidity risk is the possibility of encountering an obstacle to raise the funds required for settlement due either to mismatch between the use and procurement of funds or unexpected outflow of funds, or being forced to borrow at higher interest rates than usual.

The bank's market and liquidity risk management objective is to ensure that market and liquidity risk is appropriately identified, measured, controlled, managed and reported. The diagram below depicts the process flow in managing market risks:

“Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran dan Kecairan” telah disediakan untuk mengurus dan mengawal risiko pasaran dan kecairan sekaligus memaksimumkan kadar pulangan pelarasans risiko Agrobank dengan mengekalkan pendedahan risiko dalam had yang boleh diterima.

Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan untuk mengurus risiko pasaran termasuk:

- Memantau kedudukan kecairan harian Bank melalui sistem Rangka Kerja Kecairan Baru (NLF);
- Memantau dalam masa sebenar transaksi perbendaharaan dan pendedahan risiko yang melebihi had;
- Menganalisa dan memberi cadangan dalam Laporan Risiko Pasaran, Laporan Ujian Tekanan dan Laporan Risiko Kecairan;
- Menjalankan ujian tekanan atas pelaburan;
- Menjalankan ujian tekanan atas kecairan menggunakan pelbagai senario negatif seperti krisis kejutan pasaran, hakisan modal dan publisiti negatif;
- Memberi laporan secara tetap kepada Pihak Pengurusan Bank, ALCO dan RMC tentang kedudukan dan profil risiko pasaran;
- Menyemak dan menambahbaik polisi-polisi untuk menangani risiko pasaran.

Program-program yang dijalankan dalam tahun 2010 bertujuan untuk memupuk budaya kesedaran risiko korporat sebagai elemen penting untuk Pengurusan Risiko Enterprise secara menyeluruh. Sasaran RMD dalam tahun 2011 dan selanjutnya adalah untuk memastikan semua lapisan kakitangan memberi penekanan dalam amalan pengurusan risiko melalui perubahan minda, polisi, sistem dan proses serta komitmen dan usaha yang berterusan.

The “Market and Liquidity Risk Management Framework” was developed to manage and control market and liquidity risks with the goal of maximising Agrobank’s risk-adjusted rate of return by maintaining its risk exposure within acceptable limits.

Other activities carried out to manage market risks include:

- Daily monitoring of Bank's liquidity position via New Liquidity Framework (NLF) system;
- Real time monitoring of treasury transactions and over the risk exposure on limits;
- Analysing and making recommendations on the Market Risk Report, Stress Test Report and Liquidity Risk Report;
- Performing stress tests on investments;
- Performing stress tests on liquidity using various adverse scenarios such as market crisis shock, capital erosion and negative publicity;
- Informing regularly the Bank's Management, ALCO and RMC of its market risk profile and position;
- Reviewing and enhancing policies to manage market risks.

The programmes carried out in 2010 were aimed at cultivating a corporate risk awareness culture as one of the key elements in realizing an Enterprise Wide Risk Management. Making risk “everyone's business” as a significant shift in mindset, policies, systems and processes, and long-term commitment and investment shall be the goal of RMD in moving forward to 2011 and beyond.

**Jawatankuasa Syariah
Shariah Committee**



1. PROF. MADYA DATIN DR. PAIZAH HJ. ISMAIL
(Pengerusi/Chairman)
2. PROF. MADYA DATO' DR. HAILANI MUJI TAHIR
(Ahli/Member)
3. PROF. MADYA DR. ATIKULLAH HJ. ABDULLAH
(Ahli/Member)
4. PROF. DR. SAIFUL AZHAR ROSLY
(Ahli/Member)
5. ENCIK MOHAD NASIR MUDA
(Setiausaha/Secretary)

Laporan Majlis Syariah

Kami, Prof. Madya Datin Dr. Paizah Hj. Ismail, Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir, Prof. Madya Dr. Atikullah Hj. Abdullah dan Prof. Dr. Saiful Azhar Rosly merupakan Ahli Majlis Syariah bagi Bank Pertanian Malaysia Berhad bagi sesi 2010-2012, dengan ini mengesahkan bagi pihak ahli Majlis Syariah, bahawa dari pandangan kami, operasi Bank bagi tahun kewangan berakhir 2010 telah dijalankan menurut prinsip-prinsip Syariah.

Bagi pihak Ahli Majlis Syariah

(Prof. Madya Datin Dr. Paizah Hj. Ismail)
Pengerusi/Chairman

(Prof. Dr. Atikullah Hj. Abdullah)
Ahli Majlis/Council Member

Shariah Council Report

We, Prof. Madya Datin Dr. Paizah Hj. Ismail, Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir, Prof. Madya Dr. Atikullah Hj. Abdullah and Prof. Dr. Saiful Azhar Rosly, members of the Shariah Council of Bank Pertanian Malaysia Berhad for the 2010-2012 session, validate on behalf of the Shariah Council, that in our opinion, the Banking operations for the financial year ended in 2010 was in accordance with Shariah principles.

On behalf of the Shariah Committee Members

(Prof. Dr. Saiful Azhar Rosly)
Ahli Majlis/Council Member

(Prof. Dr. Atikullah Hj. Abdullah)
Ahli Majlis/Council Member

Ahli Majlis Syariah

Ahli Majlis Syariah (AMS) dibentuk untuk memantau dan memastikan operasi perniagaan Bank dijalankan selaras dengan perundangan Syariah dan arahan Bank Negara Malaysia (BNM) dari semasa ke semasa.

AMS telah bermesyuarat sebanyak lapan (8) kali sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2010.

Berikut ialah senarai AMS bagi sesi 2010-2012 berkuatkuasa 1 April 2010:

- **Prof. Madya Datin Dr. Paizah Hj. Ismail**
(Pengerusi)
- **Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir**
(Ahli)
- **Prof. Madya Dr. Atikullah Hj. Abdullah**
(Ahli)
- **Prof. Dr. Saiful Azhar Rosly**
(Ahli)
(Berkuatkuasa 1hb. Ogos 2010)

Tanggungjawab-tanggungjawab AMS, antara lain, merangkumi perkara-perkara berikut:

- Memberi panduan dan nasihat kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam hal-hal mengenai undang-undang dan polisi-polisi Perbankan Islam.
- Menjalankan penyelidikan dan analisa berkaitan isu-isu ‘muamalat’ yang dikemukakan oleh jabatan-jabatan di Bank.
- Mewakili Bank dalam urusan rasmi berkaitan hal ehwal agama dengan orang ramai dan jabatan atau organisasi peringkat kerajaan pusat, negeri dan nasional.

Pelantikan Ahli-Ahli Majlis Syariah

Berdasarkan garis panduan **BNM/RH/GL_012_3 Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions**, semua lantikan AMS hendaklah diluluskan dan diperakui oleh Ahli Lembaga Pengarah sebelum mendapat kelulusan BNM. Setiap lantikan adalah untuk tempoh tidak melebihi **dua (2)** tahun dan layak untuk lantikan semula.

Kehadiran Mesyuarat/Meeting Attendance

AMS telah bermesyuarat sebanyak **LAPAN (8)** kali sepanjang tahun 2010 dan melibatkan kehadiran penuh setiap AMS.

Kehadiran AMS adalah seperti berikut:

The SC has met **EIGHT (8)** times during year 2010 and involves the presence of each SC with the following attendance:

Ahli Jawatankuasa/Committee Members

Prof. Madya Datin Dr. Paizah Hj. Ismail
Dr. Atikullah Hj. Abdullah
Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir
Prof. Dr. Saiful Azhar Rosly

Kehadiran*/Attendance*

8/8
8/8
6/6
4/4

*Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang AMS berkenan memegang jawatan.
*Reflects the number of meetings held during the time SC held the post.

Shariah Committee

Shariah Committee (SC) was formed to monitor and ensure that the Bank's business operations are conducted according to the Shariah Laws and regulations imposed by Bank Negara Malaysia (BNM).

The SC has met eight (8) times during the financial year ended 31 December 2010.

The followings are the list of Members of the SC for session 2010-2012 effective 1st April 2010:

- **Prof. Madya Datin Dr. Paizah Hj. Ismail**
(Chairman)
- **Prof. Madya Dato' Dr. Hailani Muji Tahir**
(Member)
- **Prof. Madya Dr. Atikullah Hj. Abdullah**
(Member)
- **Prof. Dr. Saiful Azhar Rosly**
(Member)
(Effective 1st. August 2010)

Responsibilities of the SC among others include the following subjects:

- Provides guidelines and advice to the Board and Management on subject of laws and policies of Islamic Banking.
- Conducts research and analysis on muamalat related issues brought up by the various departments within the Bank.
- Represents the Bank in official religious related business matters with the public and departments or organizations at state and national levels.

Appointment of Shariah Committee

Based on **BNM/RH/GL_012_3 Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions**, all members of the SC appointment are to be approved and verified by the Board of Directors before forwarded to BNM for approval. Each appointment is not more than **two (2)** years and eligible for re-election.

Tugas dan Tanggungjawab Ahli Majlis Syariah (AMS)

Semua AMS dikehendaki mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan isu-isu Syariah yang dikemukakan kepada mereka.

Tugas dan tanggungjawab utama AMS adalah seperti berikut:

- Menasihati Lembaga Pengarah berhubung hal-hal Syariah dalam operasi perniagaannya. Ahli Majlis Syariah akan menasihati Lembaga Pengarah berhubung hal-hal Syariah bagi memastikan supaya operasi perniagaan yang dijalankan oleh Bank mematuhi prinsip-prinsip Syariah sepanjang masa.
- Meluluskan Manual Pematuhan Syariah. Bank perlu memiliki sebuah Manual Pematuhan Syariah. Manual tersebut hendaklah menerangkan cara untuk mengemukakan atau meminta nasihat daripada AMS, tatacara mesyuarat Syariah dan cara pematuhan terhadap keputusan Syariah. Manual tersebut akan diluluskan oleh Ahli Majlis Syariah.
- Melulus dan mengesahkan dokumen-dokumen berkaitan bagi memastikan supaya produk-produk Bank mematuhi prinsip-prinsip Syariah dalam semua aspek.
- AMS perlu meluluskan perkara-perkara berikut:
 - Terma dan syarat yang terkandung di dalam borang cadangan, kontrak, perjanjian atau dokumen undang-undang lain yang digunakan dalam pelaksanaan urusniaga; dan
 - Manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk memberi penerangan berkaitan produk.
 - Membantu menasihati pihak berkaitan berhubung hal-hal Syariah apabila diminta pihak-pihak berkaitan dengan Bank seperti penasihat undang-undang, juru audit dan juru perunding boleh meminta nasihat daripada Jawatankuasa Syariah berhubung hal-hal Syariah. Jawatankuasa Syariah dikehendaki memberi bantuan kepada pihak tersebut agar pematuhan dengan prinsip-prinsip Syariah terjamin sepenuhnya.
 - Menasihati berhubung hal-hal yang dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM.

Duties and Responsibilities of Shariah Committee (SC)

All SC members are expected to participate and engage themselves actively in deliberating Shariah issues put before them.

The main duties and responsibilities of the SC are as follows:

- To advise the Board on Shariah matters in its business operations. The SC shall advise the Board on Shariah matters in order to ensure that the business operations of the Bank comply with Shariah principles at all times.
- To approve Shariah Compliance Manuals. The Bank shall have a Shariah Compliance Manual. The manual must specify the manner in which a submission or request for advice be made to the SC, the conduct of the SC's meeting and the manner of compliance with any Shariah decision. The manual shall be approved by the SC.
- To approve and validate relevant documentations. To ensure that the products of the Bank comply with Shariah principles in all aspects.
- The SC must endorse the following:
 - The terms and conditions contained in the proposal form, contract, agreement or other legal documentation used in executing the transactions; and
 - The product manual, marketing advertisements, sales illustrations and brochures used to describe the product.
 - To assist related parties on Shariah matters for advice upon request. The related parties of the Bank such as its legal counsel, auditor or consultant may seek advice on Shariah matters from the Shariah Committee. The Shariah Committee is expected to provide assistance to them so that compliance with Shariah principles can be assured completely.
 - To advise on matters to be referred to the SAC of BNM.

- AMS mesti menasihati Bank agar merujuk kepada MPS berhubung sebarang hal Syariah yang tidak dapat diselesaikan atau diluluskan oleh MPS.
- Menyediakan pandangan Syariah secara bertulis. AMS dikehendaki merekod sebarang pendapat yang diberikan. Mereka juga akan menyediakan pendapat Syariah secara bertulis, khususnya dalam keadaan berikut:
 - Apabila Bank merujuk kepada AMS untuk mendapatkan nasihat; atau
 - Apabila Bank mengemukakan permohonan kepada Bank Negara Malaysia bagi kelulusan produk baru. AMS perlu menyediakan kelulusan dan keputusan berhubung pematuhan Syariah berkaitan konsep dan mekanisme serta struktur bagi setiap produk baru, rujukan fiqh yang berkaitan, bukti dan penerangan sokongan. Kertas cadangan tersebut akan dikemukakan kepada MPS.
- Membantu MPS berhubung rujukan yang diterima untuk nasihat. AMS hendaklah menerangkan isu-isu Syariah yang terlibat dan mengesyorkan keputusan yang mereka cadangkan. Ia hendaklah disokong oleh risalah undang-undang Syariah yang berkaitan daripada sumber-sumber yang jelas.
- AMS juga dikehendaki membantu MPS dalam sebarang perkara yang dirujuk oleh Bank. Apabila sebarang nasihat diperoleh daripada MPS, AMS akan memastikan supaya semua keputusan MPS dilaksanakan dengan sewajarnya oleh Bank.

- The SC must advise the Bank to consult the SAC on any Shariah matters which have not been resolved or endorsed by the SAC.*
- To provide written Shariah opinion. The SC is required to record any opinion given. In particular, the Committee shall prepare written Shariah opinions in the following circumstances:*
 - When the Bank make reference to the SC for advice; or*
 - When the Bank submits applications to Bank Negara Malaysia for new product approval. The SC should provide the endorsement and decision with regard to the Shariah compliance on the concept and the mechanism and structure of every new product, furnishing the relevant fiqh literature, as well as supporting evidence and reasoning. The Shariah paper will then be presented to the SAC.*
- To assist the SAC on reference for advice. The SC must explain the Shariah issues involved and the recommendations for decision. It must be supported by relevant Shariah jurisprudential literature from the established sources.*
- The SC is also expected to assist the SAC's on any matters referred by the Bank. Upon obtaining any advice from the SAC, the SC shall ensure that all SAC's decisions are properly implemented by the Bank.*

Tugas dan Tanggungjawab Bank Sebagai Institusi Kewangan Islam

Bagi memastikan kelancaran pengendalian AMS, Agrobank:

- Merujuk semua isu Syariah kepada AMS. Bank hendaklah merujuk semua isu Syariah dalam operasi perniagaannya kepada AMS untuk mendapatkan nasihat. Sebarang permohonan untuk mendapatkan nasihat atau sesuatu keputusan hendaklah dibuat secara lengkap bagi memastikan pertimbangan yang berkesan dapat dijalankan oleh AMS. Ini meliputi penerangan berkenaan proses yang terlibat, dokumen yang perlu digunakan dan maklumat-maklumat lain yang diperlukan.
- Menerima nasihat AMS. Pihak Bank dikehendaki menerima dan mengambil langkah-langkah perlu untuk melaksanakan nasihat AMS.
- Memastikan supaya dokumen-dokumen produk disahkan Bank hendaklah mendapatkan pengesahan AMS berkaitan isu-isu Syariah dalam semua dokumentasi produk.
- Memiliki sebuah Manual Pematuhan Syariah. Bank akan memastikan supaya Manual Pematuhan Syariah yang dirujuk telah disahkan oleh Ahli Majlis Syariah.
- Memberi akses kepada dokumen-dokumen berkaitan. Bank hendaklah memberikan bantuan yang berkaitan kepada AMS. AMS hendaklah diberi akses kepada rekod-rekod, urusniaga, manual atau lain-lain maklumat berkaitan, sebagaimana yang diperlukan oleh AMS untuk menjalankan tugas mereka. Untuk tujuan ini, AMS diberi pengecualian daripada peruntukan di bawah undang-undang yang berkenaan, khususnya bagi seksyen 119 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 tidak akan diterimakai kepada pendedahan maklumat atau dokumen pelanggaran Institusi Kewangan Pembangunan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Syariah menurut seksyen 120 (1) (k) Akta Institusi Kewangan Pembangunan.
- Menyediakan sumber yang mencukupi. Bank hendaklah menyediakan sumber yang mencukupi kepada AMS seperti peruntukan belanjawan, perundingan oleh pakar bebas, bahan-bahan rujukan dan latihan. Bank juga bertanggungjawab membiasakan AMS dengan operasi dan perniagaannya.
- Memberi imbuhan sewajarnya kepada AMS. Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Imbuhan, akan menentukan imbuhan AMS. Imbuhan tersebut akan memberi pampasan yang sewajarnya dan menggambarkan peranan dan fungsi AMS.

Duties and Responsibilities of Bank as an Islamic Financial Institution

To ensure the smooth running of the SC, Agrobank is responsible:

- To refer all Shariah issues to the SC. The Bank must refer all Shariah issues in its business operations to the SC for advice. The submission for an advice or a decision must be made in a comprehensive manner for effective deliberation by the SC. This will include explaining the process involved, documents to be used and other necessary information.*
- Interpretasi IC 19 Pembatalan Liabiliti Kewangan dengan Instrumen Ekuiti⁷

¹ Efektif untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010

² Efektif untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011

³ Efektif untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012

⁴ Efektif untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Mac 2010

⁵ Tarikh asal efektif dari 1 Julai 2009 ditunda ke 1 Januari 2012 melalui pindaan yang dikeluarkan oleh MASB pada 30 Ogos 2010

⁶ Prospektif bagi pemindahan aset daripada pelanggan diterima pada atau selepas 1 Januari 2011

⁷ Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2011

Para Pengarah menjangkakan bahawa Piawaian dan Interpretasi IC di atas akan diterima pakai dalam penyata kewangan tahunan Bank apabila ianya menjadi efektif dan penggunaan Piawaian dan Interpretasi IC tidak akan memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan Bank dalam tempoh penggunaan awal.

3. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan Bank telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah kecuali sebagaimana didekah dalam polisi perakaunan yang penting di bawah.

(b) Pengiktirafan Pendapatan

Pengiktirafan faedah dalam pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah dalam penyata pendapatan komprehensif bagi semua faedah instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai dipegang sehingga matang, tersedia untuk dijual atau pinjaman dan penerimaan menggunakan kaedah faedah efektif.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah pengiraan kos pelunasan bagi aset kewangan atau liabiliti (atau sekumpulan aset dan liabiliti) dan mengagihkan pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah sepanjang tempoh berkenaan. Kadar faedah efektif ialah kadar yang digunakan untuk diskain masa hadapan yang dijangka bagi bayaran dan penerimaan tunai, melalui jangka hayat instrumen kewangan, atau jumlah pembawa bersih instrumen untuk tempoh yang lebih singkat, mengikut kesesuaian. Penggunaan kaedah tersebut memberi kesan pada pendapatan diiktiraf yang diterima (atau pembayaran dibayar) ke atas instrumen mengikut kadar yang sama rata pada jumlah tertunggak sepanjang tempoh matang atau bayaran balik.

Dalam pengiraan faedah efektif, Bank menganggarkan aliran tunai (menggunakan unjuruan berdasarkan pengalaman tingkah laku pelanggan) mengambil kira semua terma kontrak instrumen kewangan tetapi tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan. Pendapatan yuran, termasuk penebusan awal, dimasukkan dalam pengiraan setakat yang boleh diikir dan dianggap sebagai sebahagian daripada kadar faedah efektif. Aliran tunai yang timbul daripada kos langsung dan kos tambahan instrumen kewangan juga diambil kira dalam pengiraan. Jika tidak pasti anggaran aliran tunai yang dijangka daripada instrumen kewangan, faedah efektif diikir dengan merujuk kepada bayaran atau penerimaan yang dinyatakan dalam kontrak dan tempoh kontrak penuh.

Pendapatan yuran dan komisen diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan kepada pelanggan, melainkan ianya termasuk dalam pengiraan faedah efektif.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran dikenal pasti. Dalam penyata kewangan ini, pendapatan dividen diiktiraf apabila ianya diterima atau pasti diterima.

Pendapatan sewaan diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran berkenaan matang mengikut perjanjian.

(c) Geran Kerajaan

Geran daripada Kerajaan Malaysia terdiri daripada geran belanja modal dan pembangunan dan geran pelancaran. Geran belanja modal dan pembangunan yang belum diserap ditunjukkan secara berasingan daripada dana Bank. Geran belanja modal dilunaskan ke penyata pendapatan komprehensif berdasarkan anggaran tempoh hayat bergunanya sesuatu aset tetap. Belanja pembangunan dikurangkan dari Geran pembangunan apabila digunakan.

Geran pelancaran yang diterima dan akan diterima untuk belanja modal dilunaskan ke penyata pendapatan komprehensif berdasarkan anggaran tempoh hayat bergunanya sesuatu aset tersebut manakala geran pelancaran untuk belanja pembangunan ditolak daripada geran pelancaran apabila digunakan.

(d) Aset dan Liabiliti Kewangan

1) Pengiktirafan awal dan Pengukuran berikutnya

Instrumen kewangan dikelaskan dalam kategori berikut - Pinjaman dan penerimaan, pelaburan kewangan yang dipegang sehingga matang dan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual.

Pihak Pengurusan menentukan klasifikasi instrumen kewangan pada pengiktirafan awal.

Bank mengklasifikasikan aset kewangan dalam kategori berikut: Pinjaman dan penerimaan, pelaburan dipegang sehingga matang dan aset kewangan tersedia untuk dijual. Pihak Pengurusan menentukan klasifikasi aset dan liabiliti kewangan pada pengiktirafan awal.

(i) Pinjaman dan penerimaan

Pinjaman dan penerimaan adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau pembayaran yang ditentukan dalam pasaran aktif tidak disebut harga. Aset kewangan yang dikelaskan dalam kategori ini meliputi tunai dan baki di bank dan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Aset-aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama, termasuk kos transaksi langsung dan tambahan, dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Pendapatan faedah atas pinjaman dan penerimaan diiktiraf sebagai "Pendapatan faedah" dalam untung atau rugi. Kerugian penjejasan ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai "Peruntukan penjejasan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan". Kebiasaannya, pengiktirafan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah direkodkan pada tarikh penyelesaian, apabila semua syarat di bawah kontrak pinjaman telah dipenuhi.

(ii) Dipegang sehingga matang

Pelaburan Kewangan dipegang sehingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau pembayaran yang ditentukan di mana pihak pengurusan berhasrat dan berupaya memegang sehingga matang. Aset-aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos transaksi langsung dan kos transaksi tambahan, dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif. Faedah ke atas pelaburan yang dipegang sehingga matang adalah termasuk dalam "Pendapatan faedah" dalam untung atau rugi. Kerugian penjejasan, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai "penjejasan pelaburan". Kebiasaannya, pembelian dan penjualan pelaburan kewangan dipegang sehingga matang adalah diiktiraf pada tarikh penyelesaian. Jika Bank menjual atau mengkelaskan semula pelaburan kewangan dipegang sehingga matang sebelum matang melebihi jumlah signifikan, semua kategori yang akan terlibat, akan dikelaskan semula sebagai tersedia untuk dijual. Bank tidak dibenarkan untuk mengklasifikasikan mana-mana aset kewangan sebagai dipegang sehingga matang untuk dua tahun berikutnya.

(iii) Tersedia untuk dijual

Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang ditetapkan sebagai tersedia untuk dijual dan tidak dikategorikan kepada mana-mana kategori lain di atas. Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual termasuk dalam aset kewangan yang bertujuan dipegang untuk tempoh yang tidak ditentukan masa, yang boleh dijual bagi memenuhi keperluan kecairan atau perubahan dalam keadaan pasaran. Aset-aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama termasuk kos transaksi langsung dan kos transaksi tambahan dan kemudiannya diukur pada nilai saksama.

Keuntungan dan kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif di bawah pendapatan komprehensif lain, kecuali untuk kerugian penjejasan, di mana ianya diiktiraf dalam untung atau rugi. Jika pelaburan tersedia untuk dijual terjejas, keuntungan atau kerugian terkumpul yang sebelumnya diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung atau rugi. Sepertimana penjejasan, keuntungan atau kerugian nilai saksama terkumpul dari penjualan pelaburan tersedia untuk dijual yang diiktiraf dalam ekuiti juga dipindahkan ke untung atau rugi. Pendapatan faedah pelaburan kewangan tersedia untuk dijual termasuk dalam "Pendapatan faedah" dan pendapatan dividen adalah diiktiraf sebagai "keuntungan dan kerugian bersih atas instrumen kewangan" dalam untung atau rugi. Kebiasaannya, pembelian dan penjualan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf pada tarikh penyelesaian. Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur, diukur pada kos. Pelaburan ini dinilai untuk penjejasan pada setiap tempoh pelaporan.

(iv) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama setelah penerimaan ditolak kos transaksi langsung. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada kos pelunasan. Liabiliti kewangan yang diukur pada kos pelunasan adalah termasuk deposit daripada pelanggan. Bagi dana skim pinjaman, liabiliti kewangan adalah diukur pada kos pelunasan berdasarkan rasional bahawa kadar faedah yang dikenakan ke atas Bank oleh pemberi pinjaman adalah sama dengan kadar faedah yang dikenakan ke atas dana yang sama yang diterima oleh lain-lain Institusi Kewangan Pembangunan ("DFI") di pasaran.

2) Penyahiktirafan

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai dari aset-aset ini tidak lagi wujud atau apabila hak untuk menerima aliran tunai terus daripada aset telah dipindahkan kepada pihak ketiga dan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset juga dipindahkan. Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila ia ditebus atau dihapuskan.

3) Penentuan Nilai Saksama

Untuk instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama, nilai saksama adalah ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran. Untuk instrumen kewangan dengan harga pasaran yang diniagakan dalam pasaran aktif, nilai saksama adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga atau sebut harga peniaga. Ini termasuk sekuriti ekuiti tersenarai dan penilaian broker dari Bloomberg dan Reuters.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut harga yang tidak boleh diukur, diukur pada kos dan dinilai untuk penjejasan pada setiap tempoh pelaporan.

4) Penjejasan aset kewangan

(i) Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ("pinjaman") Bank dikelaskan sebagai terjejas apabila memenuhi salah satu kriteria berikut:

- (1) pokok atau faedah atau kedua-duanya tertunggak selama tiga (3) bulan atau lebih;
- (2) di mana pinjaman yang tertunggak kurang daripada tiga (3) bulan, menunjukkan tanda-tanda kelemahan kredit; atau
- (3) di mana pinjaman terjejas telah dijadualkan semula atau disusun semula, pinjaman akan terus diklasifikasi dan terjejas sehingga bayaran balik berdasarkan semakan dan/atau disusun semula dan syarat-syarat telah dipatuhi secara berterusan bagi tempoh enam (6) bulan bagi pinjaman tidak runcit dan tiga (3) bulan untuk pinjaman runcit.

Bagi menentukan penjejasan pinjaman, Bank menilai pada setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pinjaman atau sekumpulan pinjaman adalah terjejas. Pinjaman atau sekumpulan pinjaman terjejas dan kerugian penjejasan diiktiraf hanya jika terdapat bukti objektif penjejasan hasil daripada satu atau lebih peristiwa yang telah berlaku selepas pengiktirafan awal sesuatu aset (contoh satu "kerugian peristiwa") mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan pinjaman atau kumpulan pinjaman yang boleh dianggarkan.

Kriteria Bank untuk menentukan bahawa terdapat bukti objektif penjejasan adalah termasuk:

- (1) sebarang kesukaran kewangan yang signifikan dialami penanggung;
- (2) pelanggaran kontrak, seperti lalai dalam pembayaran faedah atau bayaran pokok;
- (3) kebarangkalian tinggi kebankrapan atau penyusunan semula kewangan oleh penanggung;
- (4) kebimbangan mengenai daya maju operasi perniagaan penanggung dan kapasiti untuk keluar dari masalah kewangan serta menjana aliran tunai yang mencukupi untuk menangani obligasi hutangnya; dan
- (5) sebarang berita buruk atau perkembangan yang melibatkan keadaan ekonomi tempatan atau persekitaran perniagaan yang akan menjadikan keupayaan bayaran balik peminjam.

Bank akan menilai secara individu sama ada terdapat bukti objektif penjejasan yang wujud bagi pinjaman individu yang signifikan, atau secara kolektif untuk pinjaman terjejas tidak signifikan secara individu. Jika tiada bukti objektif penjejasan pinjaman yang dinilai secara individu, pinjaman seterusnya dimasukkan ke dalam kumpulan pinjaman dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan dinilai secara kolektif untuk penjejasan. Pinjaman terjejas yang dinilai secara individu yang mana kerugian penjejasan terus diiktiraf adalah tidak termasuk dalam penjejasan penilaian kolektif.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan telah berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara amaan pinjaman dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan. Nilai pembawa bagi pinjaman dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Jika perlu, pengiraan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan pinjaman bercagar mengakibatkan aliran tunai yang mungkin terhasil daripada lelongan ditolak kos untuk mendapatkan dan menjual cagar, sama ada atau tidak berlaku kebarangkalian lelongan.

Untuk penilaian kolektif, pinjaman tidak terjejas dan pinjaman yang terjejas yang mana tidak signifikan secara individu dikumpulkan berdasarkan ciri-ciri risiko seragam yang menunjukkan keupayaan untuk membayar semua jumlah tunggakan mengikut jangka masa kontrak peminjam. Penjejasan kolektif dikira dengan mendarab pendedahan *Probability of Default ("PD")* dan *Loss Given Default ("LGD")*. PD adalah berdasarkan kepada penghijrahan atau analisis regresi manakala LGD ditentukan dengan menggunakan kaedah penurunan nilai cagarans. Jika pinjaman tidak berjaya dikutip, pinjaman ini akan dihapuskira dari peruntukan penjejasan pinjaman. Pinjaman-pinjaman ini akan dihapuskira selepas mengikut prosedur ditetapkan dan jumlah kerugian telah ditentukan.

Jumlah pemulihan berikut yang dahulunya telah dihapuskira, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(ii) Pelaburan Kewangan Tersedia Untuk Dijual

Bank membuat penilaian pada setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan kewangan yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual adalah terjejas. Dalam kes pelaburan ekuiti disebut harga, penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos juga dipertimbangkan dalam menentukan sama ada wujud bukti objektif penjejasan. Sekiranya wujud, kerugian terkumpul (diukur sebagai perbezaan antara kos pembelian dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian penjejasan diiktiraf) dikeluarkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagi pelaburan ekuiti tidak disebut harga yang diukur pada kos, aman kerugian penjejasan diukur sebagai perbezaan antara nilai pembawa aset dan nilai semasa anggaran tunai masa hadapan yang dikurangkan pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa.

(iii) Pelaburan Kewangan Dipegang Sehingga Matang

Bank membuat penilaian pada setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif penjejasan pelaburan kewangan dipegang sehingga matang wujud hasil daripada satu atau lebih kerugian peristiwa dan kerugian peristiwa yang mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan pelaburan kewangan atau kumpulan pelaburan kewangan yang dapat dianggarkan. Jika terdapat bukti objektif penjejasan, kerugian penjejasan diiktiraf sebagai perbezaan antara kos pembelian dan nilai semasa anggaran tunai masa hadapan, ditolak sebarang kerugian penjejasan diiktiraf sebelum ini.

(iv) Penjadualan dan Penyusunan Semula Pinjaman

Jika pinjaman menunjukkan bukti kelemahan kredit, Bank boleh merundingkan semula pinjaman selain daripada mengambil alih hak milik cagaran. Ini mungkin melibatkan penambahan tempoh pembayaran melalui penjadualan semula atau rundingan semula terma dan syarat-syarat baru pinjaman melalui penyusunan semula. Pihak pengurusan memantau pinjaman rundingan semula untuk memastikan semua syarat yang dikaji semula dipenuhi dan pembayaran balik dibuat dengan segera bagi tempoh yang berterusan. Jika sesuatu pinjaman terjejas dirundingkan, peminjam perlu mematuhi syarat-syarat pembayaran balik yang disemak dan/atau disusun semula untuk tempoh berterusan selama enam bulan bagi pinjaman tidak runcit dan 3 bulan bagi pinjaman runcit sebelum pinjaman diklasifikasikan sebagai tidak terjejas. Pinjaman ini tertakluk kepada penilaian penjejasan individu atau kolektif .

(e) Mata Wang Asing

i. Mata Wang Fungsian

Butiran yang dimasukkan dalam penyata kewangan Bank diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana Bank beroperasi, iaitu mata wang fungsian. Penyata kewangan Bank dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Bank.

ii. Urusniaga dalam Mata Wang Asing

Dalam penyediaan penyata kewangan Bank, urusniaga dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian iaitu mata wang asing, ditukarkan ke dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang terdapat pada tarikh-tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti kewangan yang di denominasikan dalam mata wang asing ditukarkan kepada kadar pertukaran pada tarikh pelaporan apabila nilai ditentukan. Butiran bukan kewangan diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur pada kos sejarah dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar pertukaran semasa pada tarikh urusniaga permulaan.

Perbezaan pertukaran yang timbul dari butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama adalah termasuk dalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut, kecuali perbezaan yang timbul daripada butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada butiran bukan kewangan yang serupa juga diiktiraf terus dalam ekuiti.

(f) Cukai

Belanja Cukai pendapatan mewakili jumlah cukai perlu dibayar semasa dan cukai tertunda. Menteri Kewangan melalui Warta Kerajaan Malaysia P.U.(A) 95/2008 telah mengeluarkan perintah perletakkan segala harta, hak dan liabiliti BPM kepada Bank pada 1 April 2008 tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hakmilik. Berdasarkan kepada perintah di atas, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 25 Jun 2008 telah mengekalkan pengecualian cukai pendapatan Bank dari tahun taksiran 2002 sehingga tahun taksiran 2012 melainkan cukai ke atas pendapatan dividen dan memberi pelanjutan kebenaran membawa ke hadapan eluan modal dan kerugian terkumpul pada tempoh pengecualian tersebut.

Cukai semasa bagi tempoh semasa dan terdahulu adalah diiktiraf sebagai liabiliti (atau aset) sehingga mencapai tahap yang ianya menjadi tidak terbayar atau dipulihkan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah "liabiliti", ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai dan amaun pembawa bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara dan aset cukai diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan setakat tahap di mana keuntungan boleh cukai diramalkan boleh menyerap perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara berpunca daripada muhibah atau daripada permulaan pengambilalihan aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan kombinasi perniagaan dan dalam pada masa urusniaga itu, tidak mempengaruhi keuntungan perakaunan dan pendapatan bercukai.

Amaun pembawa bagi aset cukai sekiranya ada akan diukur pada setiap tarikh pelaporan dan akan berkurangan setakat tahap di mana keuntungan boleh cukai tidak boleh diramalkan untuk membolehkan keseluruhan atau sebahagian aset untuk dibaikpulih.

Cukai tertunda diukur dengan menggunakan kadar cukai yang dijangka digunakan dalam jangkamasa aset direalisasikan atau liabiliti telah dibuat bayaran. Cukai tertunda diiktiraf di dalam untung atau rugi, kecuali cukai itu wujud daripada urusniaga yang diiktiraf terus dalam ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dimansuhkan apabila terdapat arahan undang-undang yang sah untuk menghapuskan aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila ianya berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai di mana Bank berniat untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa berdasarkan asas bersih.

(g) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, pelbagai imbuhan tetap dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul terhad kepada maksimum 120 hari sepanjang tempoh perkhidmatan terbit dari cuti tahunan berbayar yang tidak habis digunakan dan dibenarkan dikumpulkan, diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan. Atas persetujuan dan kelulusan ketua jabatannya, pegawai boleh membawa ke hadapan cutinya untuk tempoh dua (2) tahun sahaja. Cuti ini akan dikira luput sekiranya tidak diambil pada tahun berkenaan dan tidak boleh digantikan dengan gantian tunai. Cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku atas sebab kesihatan.

(ii) Pelan caruman tertakrif

Bank dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat caruman bulanan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") mengikut status perkhidmatan kakitangan. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa di dalam penyata untung atau rugi apabila ianya berlaku.

(h) Penjejasan Aset

Amaun pembawa hartaanah, loji dan peralatan akan disemak bagi tujuan penjejasan nilai apabila terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin terjejas. Penjejasan nilai dikira dengan membandingkan amaun pembawa aset dengan amaun boleh pulih aset tersebut.

Jumlah pemulihan adalah nilai saksama melebihi kos jualan dan nilai terpakai. Dalam menilai nilai terpakai, anggaran aliran tunai masa hadapan telah didiskaun ke nilai semasa menggunakan kadar diskaun cukai terdahulu yang menunjukkan nilai pasaran semasa bagi nilai semasa wang dan risiko kepada aset yang belum diselaras anggaran aliran tunai masa hadapan.

Sekiranya jumlah pemulihan aset dianggar kurang daripada jumlah pembawa, jumlah pembawa aset dikurangkan ke jumlah pemulihan. Kerugian penjejasan akan diiktiraf ke penyata untung dan rugi.

Kenaikan seterusnya ke atas amaun boleh pulih aset tersebut akan diambilkira sebagai pembalikan terhadap penjejasan nilai sebelum ini dan diiktiraf setakat nilai pembawa aset tersebut telah ditentukan, bersih dari pelunasan dan susutnilai sebarang penjejasan nilai diiktirafkan. Pembalikan ini akan diiktiraf ke untung atau rugi dengan serta merta.

(i) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang penjejasan kerugian terkumpul, sekiranya ada.

Tanah milik bebas dan kerja dalam binaan tidak disusutnilaikan.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai pada kadar yang dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset-aset tersebut sepanjang anggaran tempoh hayat bergunanya. Kadar susutnilai tahunan utama yang dipakai adalah seperti berikut:

Bangunan milik bebas	2%
Bangunan pegang pajak	2%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	10%
Peralatan dan mesin pejabat	10%
Perkakasan komputer	20%
Perisian komputer	33.33%
Ubahsuai pejabat yang disewa	10%
Ubahsuai bangunan sendiri	10%

Sekiranya peralatan atau bahagian item-item harta, loji dan peralatan mempunyai jangka hayat guna berbeza, kos atau penilaian item-item tersebut diperuntukan berdasarkan asas yang munasabah di antara peralatan-peralatan dan setiap bahagian peralatan yang disusutnilai secara berasingan.

Pada setiap tarikh pelaporan, nilai sisa dan jangka hayat guna akan disemak semula. Sebarang kesan terhadap perubahan akan diiktiraf sebagai prospektif. Keuntungan atau kerugian atas jualan adalah ditentukan melalui perbandingan antara pendapatan dengan amaun pembawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira di dalam untung atau rugi.

Kesemua kos baik pulih dan penyelenggaraan dicajkan kepada untung atau rugi dalam tempoh di mana ianya dilibatkan.

(j) Pajakan

Pajakan terdiri daripada pajakan kewangan dan pajakan kendalian. Pajakan diklasifikasi sebagai pajakan kewangan sekiranya Bank memikul sebahagian besar risiko dan manfaat pemilikan aset. Aset di bawah pajakan kendalian adalah tidak diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan yang mana semua risiko dan manfaat pemilikan dikenakan oleh pemajak.

Sewa belum bayar, di bawah pajakan kendalian dicaj kepada untung atau rugi sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus. Insentif yang telah diterima dan belum diterima semasa pajakan kendalian dilaksanakan, juga diiktiraf sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis-lurus. Walaubagaimanapun, sewa kontigensi hasil daripada pajakan kendalian diiktiraf sebagai belanja selaras dengan asas yang mana telah ditetapkan.

(k) Pajakan Prabayar

Tanah pajakan biasanya mempunyai jangka hayat ekonomi tidak melebihi 99 tahun yang mana risiko dan ganjaran berkaitan dengan aset tersebut tidak dipindahkan kepada pemajak. Bayaran yang dibuat semasa perjanjian ditandatanganai atau pengambil alihan tanah pegangan pajak diambil kira sebagai bayaran pajakan prabayar pada tarikh pelaporan. Bagi pajakan tanah dan bangunan, bayaran pajakan prabayar adalah diperuntukkan, apabila perlu, antara elemen tanah dan elemen bangunan pajakan tersebut pada permulaan pajakan setara dengan nilai saksama relatifnya. Bayaran pajakan prabayar dilunaskan sepanjang tempoh pajakan mengikut faedah yang diperolehi.

(l) Hartanah Dihalang Tebus

Hartanah dihalang tebus adalah harta yang diperolehi bagi menyelesaikan hutang, dinyatakan pada kos dan nilai saksama, yang mana lebih rendah.

(m) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapatnya obligasi di bawah undang-undang atau obligasi konstruktif berikutnya peristiwa lepas, di mana kemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi, diperlukan untuk menyelesaikan obligasi masa kini dan anggaran yang boleh diyakini dapat dibuat mengenai amaun obligasi berkenaan.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan dan sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, peruntukan tersebut akan diterbalikkan.

Apabila kesan nilai mata wang adalah penting, peruntukan di diskau menggunakan kadar pracukai semasa yang menunjukkan risiko yang khusus kepada liabiliti tersebut, sekiranya wajar.

(n) Modal Saham

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti apabila tiada obligasi berkontrak untuk memindahkan wang tunai atau aset kewangan lain. Kos langsung daripada penerbitan saham ekuiti baru dibawa kepada ekuiti sebagai pengurangan daripada hasil.

(o) Penyata Aliran Tunai

Penyata aliran tunai disediakan mengikut kaedah tidak langsung.

(p) Tunai Dan Tunai Setara

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai terdiri daripada tunai di tangan dan deposit permintaan, manakala tunai setara terdiri daripada pelaburan berkecairan tinggi di mana ianya boleh tukar kepada nilai tunai dengan risiko tidak signifikan bagi perubahan dalam nilai dengan kematangan asal kurang daripada tiga bulan.

4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA BAGI KETIDAKPASTIAN DALAM ANGGARAN

Pertimbangan kritikal dalam mengamalkan polisi perakaunan Bank

Di dalam proses mengamalkan polisi perakaunan Bank, seperti mana yang telah diterangkan di dalam Nota 3, pihak pengurusan berpendapat bahawa sebarang keadaan yang timbul kesan dari menggunakan pertimbangan tidak mempunyai kesan signifikan terhadap jumlah yang diiktirafkan di dalam penyata kewangan.

Sumber-sumber utama bagi ketidakpastian dalam anggaran

Tiada sebarang andaian utama berhubung masa hadapan serta sumber-sumber utama bagi ketidakpastian dalam anggaran pada akhir tarikh pelaporan yang dianggap mempunyai risiko signifikan boleh mengakibatkan pelarasan material terhadap nilai pembawa bagi aset dan liabiliti bagi tahun kewangan berikutnya kecuali:

(a) Penjejasan bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Penerimaan pakai FRS 139 telah menyebabkan perubahan dalam dasar perakaunan yang berkaitan dengan penilaian penjejasan aset kewangan, terutamanya pinjaman dan pendahuluan. Sebelum FRS 139 diterima pakai, peruntukan bagi pinjaman dan pendahuluan terjejas (sebelum ini dirujuk sebagai pinjaman tidak berbayar) adalah dikira dengan menepati BNM/GP3 Garis Panduan Pengelasan Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan *Substandard*, Hutang Lapuk dan Ragu. Selepas FRS 139 diterima pakai, Bank menilai pada akhir setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pinjaman atau kumpulan pinjaman adalah terjejas.

Pinjaman atau kumpulan pinjaman dianggap terjejas jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif penjejasan kesan daripada satu atau lebih peristiwa yang telah berlaku selepas pengiktirafan awal pinjaman ('kerugian peristiwa') dan kerugian peristiwa memberi kesan kepada aliran tunai masa hadapan.

Bank menilai sama ada bukti objektif penjejasan wujud secara individu bagi pinjaman yang signifikan secara individu, dan secara kolektif untuk pinjaman tidak signifikan secara individu. Jika ditentukan bahawa tidak ada bukti objektif penjejasan pinjaman yang dinilai secara individu, pinjaman tersebut termasuk dalam kumpulan pinjaman dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk penjejasan. Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan berlaku, jumlah kerugian adalah diukur sebagai perbezaan antara nilai pembawa pinjaman dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan. Nilai pembawa pinjaman dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

(b) Penjejasan pelaburan kewangan tersedia untuk dijual

Bagi pelaburan ekuiti yang dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual, penjejasan diiktiraf apabila terdapat penurunan yang ketara dan berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos pelaburan. Pertimbangan pihak pengurusan diperlukan untuk menilai tempoh dan sejauh mana nilai saksama pelaburan ekuiti adalah di bawah kos. Dalam membuat pertimbangan ini, pihak pengurusan menimbangkan pergerakan harga sejarah pelaburan ekuiti individu, serta penunjuk penanda aras pasaran di mana ekuiti tersenarai.

(c) Pengiktirafan Pendapatan faedah

Sebelum FRS 139 diterima pakai, faedah diakru dan diiktiraf sebagai pendapatan sebelum tarikh pinjaman diklasifikasikan sebagai tidak berbayar dikeluarkan daripada pendapatan dan diimbangi dengan akaun faedah diterima dalam penyata kedudukan kewangan. Faedah atas pinjaman tidak berbayar diiktiraf sebagai pendapatan pada asas tunai. Selepas FRS 139 diterima pakai, pinjaman telah diturunkan nilainya kesan daripada kerugian penjejasan, pendapatan faedah diiktiraf selepas kadar faedah digunakan untuk diskau aliran tunai masa hadapan bagi tujuan mengukur kerugian penjejasan. Perubahan dalam dasar perakaunan membolehkan Bank menukar faedah tergantung kepada baki awal pendapatan tertahan.

5. PENDAPATAN FAEDAH

	2010 RM	2009 RM
Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	160,094,327	147,513,470
Sekuriti pelaburan:		
Dipegang sehingga matang (HTM)	5,149,237	7,236,318
Tersedia untuk dijual (AFS)	48,115,463	62,570,202
Deposit dengan institusi kewangan	14,941,764	9,091,637
	<hr/>	<hr/>
Pelunasan premium bersih	228,300,791	226,411,627
Faedah tergantung	-	(1,092,575)
	<hr/>	<hr/>
	228,300,791	213,278,832
	<hr/>	<hr/>
Di mana:		
Pendapatan faedah diperolehi daripada penjejasan pinjaman dan pendahuluan	18,063,384	-
	<hr/>	<hr/>

6. PERBELANJAAN FAEDAH

	2010 RM	2009 RM
Deposit simpanan dan Agro Perdana	44,180,733	44,976,219
Deposit tetap/khas	22,183,581	20,458,480
Pinjaman daripada Kerajaan dan OECF	2,741,586	2,521,374
Cukai pegangan	(3,768)	(61,735)
	<hr/>	<hr/>
	69,102,132	67,894,338
	<hr/>	<hr/>

7. PENDAPATAN BUKAN FAEDAH

	2010 RM	2009 RM
(a) Pendapatan Fi dan Lain-lain Operasi		
Pendapatan Fi		
Fi dan Caj Perkhidmatan	17,470,102	11,227,771
Fi pemprosesan pinjaman	4,769,275	10,976,183
	<hr/>	<hr/>
	22,239,377	22,203,954
Pendapatan pelaburan		
Keuntungan dari jualan sekuriti pelaburan	-	45,196,459
Dividen daripada sekuriti pelaburan	-	13,628,225
	<hr/>	<hr/>
	-	58,824,684
Pendapatan lain		
Pemulihan pinjaman telah dihapuskira	44,475,686	77,165,349
Imbuhan Skim Kredit Mikro	3,017,998	344,997
Pendapatan daripada pinjaman kakitangan	1,533,175	2,060,388
Keuntungan atas jualan hartaanah, loji dan peralatan	1,259,330	220,309
Peruntukan aset-aset lain yang tidak diperlukan (Nota 18)	1,000,000	-
Pendapatan sewa	327,942	359,525
Keuntungan atas jualan pajakan prabayar	8,667	-
(Pembalikan)/Imbuhan kos gapping (Nota 18)	(22,094,854)	42,000,000
Lain-lain	1,217,312	839,494
	<hr/>	<hr/>
	30,745,256	122,990,062
	<hr/>	<hr/>
	52,984,633	204,018,700
(b) Keuntungan dan Kerugian Bersih Instrumen Kewangan		
Keuntungan bersih dari pelaburan kewangan tersedia untuk dijual:		
Keuntungan bersih dari jualan	209,546,742	-
Pendapatan dividen	20,996,157	-
	<hr/>	<hr/>
	230,542,899	-
Keuntungan bersih dari pelaburan kewangan dipegang sehingga matang:		
Keuntungan bersih dari jualan	523,803	-
	<hr/>	<hr/>
	523,803	-
	<hr/>	<hr/>
	231,066,702	-
	<hr/>	<hr/>

8. PERBELANJAAN OVERHEAD

	2010 RM	2009 RM
Kos personel		
Gaji, elaua dan bonus	140,869,678	145,549,470
Caruman KWSP	13,463,828	13,087,327
Caruman PERKESO	1,426,087	1,390,010
Kebajikan kakitangan	7,420,720	7,027,858
Lain-lain	5,277,113	4,282,923
	168,457,426	171,337,588
Kos senggaraan		
Susutnilai hartaanah, loji dan peralatan (Nota 20)	33,364,472	21,532,529
Insuran	3,585,327	2,469,395
Sewa bangunan	6,462,431	6,097,529
Percetakan, peralatan dan bekalan pejabat	7,752,880	8,310,559
Bekalan air dan elektrik	6,505,859	6,296,810
Pelunasan pajakan prabayar (Nota 19)	76,767	74,634
Lain-lain	15,736,183	18,609,058
	73,483,919	63,390,514
Perbelanjaan pemasaran		
Pengiklanan dan promosi	4,774,272	3,580,492
Lain-lain	189,994	166,264
	4,964,266	3,746,756
Perbelanjaan pentadbiran dan am		
Perbelanjaan komunikasi	15,335,137	14,728,275
Geran pelancaran (Nota 9 dan 41)	2,928,736	6,459,027
Perbelanjaan pemulihan bencana	2,205,500	-
Lain-lain	21,193,142	24,878,130
	41,662,515	46,065,432
	288,568,126	284,540,290

Perbelanjaan di atas termasuk pendedahan berkanun seperti berikut:

Hapuskira hartaanah, loji dan peralatan	2,489,085	1,272,493
Fi pengarah	226,499	302,643
Elaun pengarah:		
- Gaji dan emolumen	482,862	366,711
- Caruman KWSP	70,170	40,496
Fi audit	350,000	250,000
Hapuskira pajakan prabayar	-	157,919

9. GERAN KERAJAAN

	2010 RM	2009 RM
Geran Pelancaran:		
Geran pentadbiran (Nota 41)	-	7,808,361
Belanja pembangunan (Nota 8 dan 41)	2,928,736	6,459,027
Pelunasan belanja modal	2,468,167	2,421,633
Geran Kerajaan – pelunasan belanja modal (Nota 40)	13,195,089	1,722,348
	18,591,992	18,411,369

10. CAJ PENJEJASAN PINJAMAN

	2010 RM	2009 RM
Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan:		
Kerugian penjejasan individu - bersih	84,704,338	-
Kerugian penjejasan kolektif	55,080,103	-
Peruntukan khusus	-	122,676,623
Peruntukan am	-	67,002,429
Lain-lain belum terima:		
Peruntukan khusus	-	382
	139,784,441	189,679,434

11. PENJEJASAN PELABURAN KEWANGAN

	2010 RM	2009 RM
Peruntukan penjejasan:		
Tersedia untuk dijual (AFS):		
Bon korporat	-	2,583,446
	-	2,583,446
Peruntukan penjejasan saham disebut harga tidak lagi diperlukan	-	(798,885)
	-	1,784,561

12. CUKAI

	2010 RM	2009 RM
Cukai semasa	372,088	2,704,724
Kurangan/(Lebihan) peruntukan cukai pada tahun lepas	245,380	(1,973,647)
Cukai	617,468	731,077

Anggaran peruntukan cukai semasa bagi tahun kewangan semasa disediakan untuk pendapatan dividen daripada sekuriti pelaburan.

Menteri Kewangan melalui Warta Kerajaan Malaysia P.U.(A) 95/2008 telah mengeluarkan perintah perlentahan segala harta, hak dan liabiliti BPM kepada Bank pada 1 April 2008 tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan hakmilik. Berdasarkan perintah di atas, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 25 Jun 2008 telah mengekalkan pengecualian cukai pendapatan Bank dari tahun taksiran 2002 sehingga tahun taksiran 2012 melainkan cukai ke atas pendapatan dividen dan memberi pelanjutan kebenaran membawa ke hadapan eluan modal dan kerugian terkumpul pada tempoh pengecualian tersebut.

Cukai diperoleh daripada amaun cukai yang ditentukan dengan menggunakan kadar cukai yang digunakan kepada keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat seperti mana perbezaan dibawah:

	2010 RM	2009 RM
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	376,783,962	182,017,487
Cukai pada kadar berkanun 25% (2009: 25%)	94,195,991	45,504,372
Kesan cukai ke atas:		
Belanja tidak dibenarkan untuk percayaan	15,040,900	5,149,500
Pendapatan yang tidak dikenakan cukai	(122,267,303)	(63,618,148)
Cukai aset tertunda tidak diiktirafkan	13,402,500	15,669,000
Kurangan/(Lebihan) peruntukan yang dibuat pada tahun lepas	245,380	(1,973,647)
Belanja cukai	617,468	731,077

Sepertimana yang dinyatakan dalam Nota 3, kesan cukai ke atas perbezaan sementara, kerugian cukai belum guna dan kredit cukai belum guna yang boleh memberi kesan ke atas kenaikan aset cukai tertunda diambilkira supaya keuntungan bercukai di masa hadapan dapat diguna untuk ditolak dengan perbezaan sementara, kerugian cukai belum guna dan kredit cukai belum guna. Pada 31 Disember 2010, anggaran perbezaan sementara yang belum diambilkira di dalam penyata kewangan atas sebab ketidaktentuan realisasinya adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Perbezaan sementara disebabkan oleh:		
Hartanah, loji dan peralatan	(75,023,000)	(49,176,000)
Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	241,315,000	158,796,000
Sekuriti pelaburan	9,938,000	11,380,000
Aset-aset lain	11,956,000	13,576,000
188,186,000	134,576,000	

13. ZAKAT

	2010 RM	2009 RM
Zakat semasa	1,857,128	2,900,000
Lebihan peruntukan zakat pada tahun lepas	(1,575,934)	(20,437)
Zakat	281,194	2,879,563

Ini merupakan bayaran zakat yang akan dibayar oleh Bank mengikut prinsip Syariah dan diluluskan oleh Majlis Syariah.

14. TUNAI DI TANGAN DAN BANK

	2010 RM	2009 RM
Wang tunai di tangan	55,765,758	58,813,253
Wang tunai di bank	77,617,667	66,951,830
133,383,425	125,765,083	

15. SIMPANAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	2010 RM	2009 RM
Bank-bank berlesen	1,404,139,329	992,549,329
Institusi-institusi kewangan lain	1,218,778,281	523,499,549
2,622,917,610	1,516,048,878	

16. SEKURITI PELABURAN

	2010 RM	2009 RM
Sekuriti Hutang		
Tersedia Untuk Dijual – pada nilai saksama		
Bon Korporat	1,253,838,660	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	402,708,000	-
	1,656,546,660	-
Dipegang Sehingga Matang – pada kos pelunasan		
Bon Korporat	226,056,688	-
Kertas Komersil	214,215,770	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	20,215,078	-
	460,487,536	-
2,117,034,196	-	
Sekuriti Ekuiti		
Tersedia Untuk Dijual – pada nilai saksama		
Saham Disebut Harga di Malaysia	586,593,878	-
Saham Tidak Disebut Harga di Malaysia	1,188,934	-
	587,782,812	-
2,704,817,008	-	
Peruntukan Kerugian Penjejasan		
Saham Disebut Harga di Malaysia	(8,749,000)	-
Saham Tidak Disebut Harga di Malaysia	(1,188,934)	-
	(9,937,934)	-
Baki bersih		
Struktur kematangan pelaburan dipegang sehingga matang adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh enam bulan	314,215,770	-
Enam bulan hingga satu tahun	25,049,965	-
Satu tahun hingga tiga tahun	59,944,369	-
Tiga tahun hingga lima tahun	25,432,418	-
Lebih daripada lima tahun	35,845,014	-
	460,487,536	-

Nilai pasaran bagi pelaburan dipegang sehingga matang adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Nilai Pasaran		
Bon Korporat	226,912,260	-
Kertas Komersil	214,215,770	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	20,420,000	-
	-	-

	2010 RM	2009 RM
Nilai Pasaran		
Bon Korporat	226,912,260	-
Kertas Komersil	214,215,770	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	20,420,000	-
	-	-

	2010 RM	2009 RM
Sekuriti Hutang		
Tersedia Untuk Dijual – atas kos		
Bon Korporat	-	1,130,000,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	135,000,000
	-	1,265,000,000
Dipegang Sehingga Matang – atas kos		
Bon Korporat	-	315,000,000
Kertas Komersil	-	177,000,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	10,000,000
	-	502,000,000
	-	1,767,000,000

	2010 RM	2009 RM
Sekuriti Ekuiti		
Tersedia Untuk Dijual – atas kos		
Saham Disebut Harga di Malaysia	-	89,390,565
Saham Tidak Disebut Harga di Malaysia	-	1,188,934
	-	90,579,499
Jumlah sebelum pelunasan dan peruntukan	-	1,857,579,499
Premium bersih belum dilunaskan	-	10,773,937
Peruntukan kerugian penjejasan		
Saham Disebut Harga di Malaysia	-	(10,192,160)
Saham Tidak Disebut Harga di Malaysia	-	(1,188,934)
	-	(11,381,094)

	2010 RM	2009 RM
Baki bersih	-	1,856,972,342
	-	1,856,972,342

Struktur kematangan instrumen pasaran wang adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Matang dalam tempoh enam bulan	-	332,000,000
Enam bulan hingga satu tahun	-	150,000,000
Satu tahun hingga tiga tahun	-	485,000,000
Tiga tahun hingga lima tahun	-	635,000,000
Lebih daripada lima tahun	-	165,000,000
	-	1,767,000,000

Nilai pasaran bagi sekuriti pelaburan adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Nilai pasaran		
Bon Korporat	-	1,475,178,320
Kertas Komersil	-	177,000,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	150,442,252
Saham Disebut Harga di Malaysia	-	608,943,232
	-	-

	Bon Korporat RM	Saham Disebut Harga RM	Saham Tidak Disebut Harga RM	Jumlah RM
Peruntukan kerugian penjejasan				
Pada 1 Januari 2009	10,000,000	10,991,045	1,188,934	22,179,979
Peruntukan tahun semasa	2,583,446	-	-	2,583,446
Peruntukan yang tidak diperlukan	-	(798,885)	-	(798,885)
Dipindahkan ke lain-lain belum terima	(12,583,446)	-	-	(12,583,446)
	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2009	-	10,192,160	1,188,934	11,381,094
Kesan penerimaan pakai FRS 139	-	(1,443,160)	-	(1,443,160)
	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2010	-	8,749,000	1,188,934	9,937,934

Pelaburan Sekuriti Tidak Disebut Harga

MTV II kini dalam proses pembubaran.

17. PINJAMAN, PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN

	2010 RM	2009 RM
Pada kos pelunasan:		
Pembiayaan (SPI) (Nota 50(f))	3,840,861,793	3,581,440,569
Pinjaman Wawasan Tani	629,828,279	966,364,611
Pinjaman Projek dan Jentera	498,417,625	503,049,937
Modal Usahawan Tani (“MUST”)	182,427,712	196,760,148
Pinjaman Niagatani	142,950,458	126,913,698
Tabung Untuk Makanan (“3F”)	86,635,845	133,748,680
Pinjaman Pendidikan Insani	72,198,822	76,294,599
Skim Kredit Padi	19,207,946	19,077,450
Pinjaman MAP dan MPPB	7,635,658	9,895,522
Tabung Industri Kecil dan Sederhana (“TIKS”)	3,664,562	8,599,353
Pinjaman Kontrak Tani	3,117,902	3,827,879
Skim Pinjaman Khas Pertanian (“SPKP”)	2,415,735	3,082,555
Pendahuluan Khas melalui Simpanan Tetap Masa	1,164,701	1,117,797
Skim Tembakau	968,289	1,094,515
Tabung Pembangunan Asean-Jepun (“AJDF”)	827,590	1,224,244
Kemudahan Pemfaktoran	193,148	113,511
Pinjaman Mengenang Budi	3,133	2,983
Skim Kredit Mikro	531	459,319
Pendahuluan kepada peminjam	-	432,188
Pinjaman Hobitani	-	6,742
Lain-lain pinjaman	2,286,443	2,373,986
	5,494,806,172	5,635,880,286
Pinjaman dan pendahuluan kepada kakitangan	73,273,489	71,521,505
	5,568,079,661	5,707,401,791
Tolak:		
Kerugian penjejasan individu	(522,129,554)	-
Kerugian penjejasan kolektif	(241,315,007)	-
Peruntukan hutang ragu dan lapuk khusus	-	(237,737,905)
Peruntukan hutang ragu dan lapuk am	-	(158,794,549)
Faedah/Keuntungan tergantung	-	(35,760,713)
	4,804,635,100	5,275,108,624
Baki bersih		
Struktur kematangan pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan adalah seperti berikut:		
Matang dalam tempoh enam bulan	490,072,347	269,284,862
Enam bulan hingga satu tahun	72,331,866	74,115,408
Satu tahun hingga tiga tahun	457,661,944	458,435,202
Tiga tahun hingga lima tahun	890,617,398	768,065,544
Lebih daripada lima tahun	3,657,396,106	4,137,500,775
	5,568,079,661	5,707,401,791

Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar mengikut sektor adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Asas tani	2,998,111,875	2,626,842,140
Perkhidmatan sokongan	2,569,967,786	3,080,559,651
	5,568,079,661	5,707,401,791

Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar diklasifikasikan seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Tidak tertunggak dan juga tidak terjejas	3,909,114,100	4,039,455,411
Tertunggak tetapi tidak terjejas	426,787,172	986,177,822
Terjejas	1,232,178,389	-
<i>Substandard</i> (tertunggak antara 3 hingga 9 bulan)	-	265,362,370
Ragu (tertunggak antara 9 hingga 12 bulan)	-	143,734,591
Lapuk (tertunggak lebih daripada 12 bulan)	-	272,671,597
	5,568,079,661	5,707,401,791

Pinjaman tertunggak tetapi tidak terjejas adalah pinjaman di mana peminjam gagal membuat bayaran pokok atau faedah pada tarikh tuntutan dan termasuk pinjaman tertunggak satu hari atau lebih selepas tarikh tuntutan tetapi tidak melebihi tiga (3) bulan.

Pergerakan dalam pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar yang terjejas adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Pada awal tahun	681,768,558	345,531,659
Penambahan pada tahun semasa	884,149,264	1,010,345,957
Pengkelasan semula sebagai pinjaman tidak terjejas pada tahun semasa	(327,094,968)	(674,109,058)
Jumlah dihapuskan	(6,644,465)	-
	1,232,178,389	681,768,558
Pada akhir tahun		
Peratusan pinjaman terjejas kasar daripada pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar	22.13%	11.94%

Pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar yang terjejas mengikut sektor adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Asas tani	934,735,638	488,241,269
Perkhidmatan sokongan	297,442,751	193,527,289
	1,232,178,389	681,768,558

Pergerakan dalam peruntukan penjejasan ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Peruntukan penjejasan individu		
Pada awal tahun	-	-
Dinyatakan dahulu	437,425,216	-
Kesan penerimaan pakai FRS 139	437,425,216	-
Dinyatakan semula	173,687,459	-
Peruntukan pada tahun	(88,983,121)	-
Jumlah dimasuk selepas pemungutan semula dan pembalikan peruntukan	84,704,338	-
Peruntukan bersih pada tahun	522,129,554	-
Pada akhir tahun	522,129,554	-
Peruntukan penjejasan kolektif		
Pada awal tahun	-	-
Dinyatakan dahulu	181,351,936	-
Kesan penerimaan pakai FRS 139	181,351,936	-
Dinyatakan semula	55,080,103	-
Peruntukan pada tahun	3,099,242	-
Peruntukan diselaraskan dalam:	1,869,461	-
Dana Kementerian Belia dan Sukan ("DKBS") (Nota 31)	(85,735)	-
Skim Usahawan Tani Komersil Siswazah ("SUTKS") (Nota 43)	(85,735)	-
Dana Khas Sektor Perikanan Terengganu ("DKSP") (Nota 44)	(85,735)	-
Pada akhir tahun	241,315,007	-
Peratusan peruntukan penjejasan kolektif daripada pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar ditolak peruntukan khusus dan faedah/keuntungan tergantung	4.85%	-

	2010 RM	2009 RM
Peruntukan khusus		
Pada awal tahun	-	118,257,178
Peruntukan pada tahun	-	236,298,361
Jumlah dimasuk selepas pemungutan semula dan pembalikan peruntukan	-	(113,621,738)
Peruntukan bersih pada tahun	-	122,676,623
Peruntukan diselaraskan dalam:	-	1,999,370
Skim Usahawan Tani Komersil Siswazah ("SUTKS") (Nota 43)	-	(5,195,266)
Jumlah dihapuskira	-	-
Pada akhir tahun	237,737,905	237,737,905
Peruntukan am		
Pada awal tahun	-	91,792,120
Peruntukan pada tahun	-	67,002,429
Pada akhir tahun	158,794,549	158,794,549
Peratusan peruntukan am daripada pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar ditolak peruntukan khusus dan faedah/keuntungan tergantung	3.00%	3.00%
Faedah/Keuntungan tergantung		
Pada awal tahun	-	12,683,942
Keuntungan tergantung Perbankan Islam	-	11,372,777
Faedah tergantung pada tahun	-	37,301,157
Jumlah dimasuk selepas pemungutan semula	-	(25,260,937)
Jumlah dihapuskira	-	(336,226)
Pada akhir tahun	35,760,713	35,760,713

18. ASET-ASET LAIN

	2010 RM	2009 RM
Lain-lain belum terima	38,433,771	67,293,491
Faedah dan pendapatan belum terima	31,936,412	23,292,966
Tanah dihalang tebus	8,387,217	8,203,992
Projek Ladang BPM – Sg Tasan	3,197,420	2,941,208
	81,954,820	101,731,657
Tolak: Peruntukan hutang ragu dan lapuk khusus	(11,956,044)	(13,576,054)
	69,998,776	88,155,603
Peruntukan hutang ragu dan lapuk khusus		
Pada awal tahun	13,576,054	1,051,008
Peruntukan pada tahun	-	382
Peruntukan tidak diperlukan (Nota 7(a))	(1,000,000)	-
Dipindahkan daripada sekuriti pelaburan	-	12,583,446
Dipindahkan ke pinjaman dan pendahuluan kepada kakitangan	(620,010)	(58,782)
	11,956,044	13,576,054
Pada akhir tahun		

Termasuk di dalam lain-lain belum terima pada tahun 2009 adalah sebanyak RM42 juta yang merupakan imbuhan kos *gapping* yang belum diterima daripada Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, Bank hanya menerima RM19.91 juta imbuhan kos *gapping* daripada Kerajaan Malaysia pada tahun semasa, dan baki RM22.09 juta telah dibuat pembalikan di dalam untung atau rugi seperti yang ditunjukkan dalam Nota 7(a).

19. PAJAKAN PRABAYAR

	2010 RM	2009 RM
Kos		
Pada awal tahun	7,696,033	8,632,477
Kesan penerimaan pakai FRS 117 (Nota 20)	-	(778,525)
Dinyatakan semula	7,696,033	7,853,952
Jualan	(176,400)	-
Dipindahkan ke bangunan atas tanah pajak (Nota 20)	(199,629)	-
Hapuskira	-	(157,919)
	7,320,004	7,696,033
Perlunasan terkumpul		
Pada awal tahun	1,542,495	1,503,024
Kesan penerimaan pakai FRS 117 (Nota 20)	-	(35,163)
Dinyatakan semula	1,542,495	1,467,861
Pelunasan pada tahun:		
Dinyatakan dahulu	-	75,399
Kesan penerimaan pakai FRS 117 (Nota 20)	-	(765)
Dinyatakan semula	76,767	74,634
Jualan	(70,415)	-
Dipindahkan ke bangunan atas tanah pajak (Nota 20)	(5,325)	-
Pada akhir tahun	1,543,522	1,542,495
Nilai buku bersih		
	5,776,482	6,153,538

Baki tahun yang belum luput untuk tanah-tanah pajakan ini adalah di antara 26 tahun ke 34 tahun (2009: 27 tahun ke 35 tahun).

20. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah milik bebas RM	Bangunan atas tanah milik bebas RM	Bangunan atas tanah milik bebas pajak RM	Bangunan dalam binaan tanah bebas RM	Bangunan dalam binaan tanah pajak RM	Kenderaan bermotor RM	Perabot dan kelengkapan RM	Peralatan dan mesin pejabat RM	Perkakasan komputer RM	Perisian komputer RM	Perisian dalam binaan RM	Ubahsuai pejabat yang disewa RM	Ubahsuai bangunan sendiri RM	Tanah pajak (>99 tahun) RM	Jumlah RM
KOS															
Pada 1 Januari 2009	2,855,087	11,476,005	62,568,374	2,853,150	3,964,084	23,277,090	26,641,750	35,519,019	63,436,951	52,486,979	19,498,217	14,388,050	40,481,067	778,525	360,224,348
Penambahan	155,000	-	-	750,000	8,537,937	92,392	4,803,484	6,907,839	4,308,371	206,195	20,127,033	5,486,913	6,688,750	-	58,063,914
Jualan	-	-	-	-	-	(1,552,051)	-	-	-	-	-	-	-	-	(1,552,051)
Hapuskira	-	-	-	-	-	(1,802,335)	(2,228,404)	(5,578,895)	(4,559,494)	(440,461)	-	(215,886)	(215,830)	-	(15,041,305)
Pengkelasan Semula	1,600,000	574,984	625,016	(3,000,000)	-	-	-	200,000	-	20,911,307	(20,911,307)	-	-	-	-
Pelarasan	-	-	129,458	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	129,458
Pada 31 Disember 2009	4,610,087	12,050,989	63,322,848	603,150	12,502,021	20,015,096	29,216,830	37,047,963	63,185,828	73,164,020	18,713,943	19,659,077	46,953,987	778,525	401,824,364
Penambahan	-	-	-	-	6,847,989	-	4,178,252	6,706,797	4,369,691	1,120,990	4,741,524	4,303,244	7,039,681	-	39,308,168
Jualan	(864,137)	(318,649)	(708,747)	-	-	(4,920,032)	-	-	-	-	-	-	-	-	(6,811,565)
Hapuskira	-	-	(172,459)	-	(665,900)	(1,193,657)	(1,596,735)	(1,965,221)	(6,989,867)	(299,149)	(1,116)	(496,103)	(578,323)	-	(13,958,530)
Pengkelasan Semula	-	-	603,150	(603,150)	-	-	-	-	15,367,793	2,867,538	(18,235,331)	-	-	-	-
Dipindahkan daripada pajakan prabayar	-	-	199,629	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	199,629
Pada 31 Disember 2010	3,745,950	11,732,340	63,244,421	-	18,684,110	13,901,407	31,798,347	41,789,539	75,933,445	76,853,399	5,219,020	23,466,218	53,415,345	778,525	420,562,066
SUSUTNILAI TERKUMPUL															
Pada 1 Januari 2009	-	2,051,451	14,618,193	-	-	15,917,022	16,180,200	17,860,078	42,459,918	47,699,467	-	8,942,733	20,655,101	35,163	186,419,326
Caj pada tahun	-	237,088	1,139,434	-	-	2,158,802	1,796,189	2,825,260	6,509,671	2,759,858	-	1,163,835	2,941,627	765	21,532,529
Jualan	-	-	-	-	-	(1,552,027)	-	-	-	-	-	-	-	-	(1,552,027)
Hapuskira	-	-	-	-	-	(1,801,951)	(2,203,978)	(5,568,831)	(3,426,380)	(438,586)	-	(215,947)	(113,139)	-	(13,768,812)
Pengkelasan Semula	-	521	(521)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelarasan	-	-	129,458	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	129,458
Pada 31 Disember 2009	-	2,289,060	15,886,564	-	-	14,721,846	15,772,411	15,116,507	45,543,209	50,020,739	-	9,890,621	23,483,589	35,928	192,760,474
Caj pada tahun	-	313,183	1,495,247	-	-	1,522,745	2,661,512	3,393,968	9,352,881	9,553,726	-	1,545,398	3,525,047	765	33,364,472
Jualan	-	(102,062)	(206,911)	-	-	(4,655,042)	-	-	-	-	-	-	-	-	(4,964,015)
Hapuskira	-	-	(34,918)	-	-	(939,673)	(1,553,955)	(631,623)	(6,981,385)	(263,029)	-	(496,079)	(568,783)	-	(11,469,445)
Dipindahkan daripada pajakan prabayar	-	-	5,325	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5,325
Pelarasan	-	281,121	(281,121)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2010	-	2,781,302	16,864,186	-	-	10,649,876	16,879,968	17,878,852	47,914,705	59,311,436	-	10,939,940	26,439,853	36,693	209,696,811
NILAI BUKU BERSIH															
Pada 31 Disember 2010	3,745,950	8,951,038	46,380,235	-	18,684,110	3,251,531	14,918,379	23,910,687	28,018,740	17,541,963	5,219,020	12,526,278	26,975,492	741,832	210,865,255
Pada 31 Disember 2009	4,610,087	9,761,929	47,436,284	603,150	12,502,021	5,293,250	13,444,419	21,931,456	17,642,619	23,143,281	18,713,943	9,768,456	23,470,398	742,597	209,063,890

Terdapat aset tetap dalam harta tanah, loji dan peralatan yang telah habis disusutnilai tetapi masih lagi digunakan, di mana nilai kos keseluruhan aset tetap tersebut bagi Bank adalah RM122,320,318 (2009: RM124,349,500).

Termasuk di dalam harta tanah, loji dan peralatan, terdapat sesetengah tanah dan bangunan pegang pajak jangka panjang Bank dengan nilai buku bersih sebanyak RM6,817,273 (2009: RM8,150,969), di mana bayaran pajakan antara tanah dan bangunan tidak dapat diasingkan. Oleh yang demikian, seperti yang dibenarkan di bawah FRS 117 Pajakan, tanah pegangan pajak ini dikelaskan sebagai harta tanah, loji dan peralatan.

21. DEPOSIT DAN SIMPANAN DARI PELANGGAN

	2010 RM	2009 RM
Pada kos pelunasan:		
Deposit tetap/khas	3,909,030,135	3,637,342,630
Deposit simpanan	1,405,910,067	1,389,895,468
Agro Perdana	1,098,234,790	907,557,307
Faedah/keuntungan terakru	39,578,646	32,625,871
	6,452,753,638	5,967,421,276

Struktur kematangan simpanan adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh enam bulan	5,255,556,179	5,196,357,302
Enam bulan hingga satu tahun	1,141,151,685	679,064,482
Satu tahun hingga tiga tahun	32,337,203	71,122,407
Tiga tahun hingga lima tahun	23,708,571	20,865,872
Lebih daripada lima tahun	-	11,213
	6,452,753,638	5,967,421,276

Jenis pelanggan yang menyumbang kepada sumber deposit adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Kerajaan	2,916,496,051	2,420,375,520
Individu	2,355,309,558	1,871,853,059
Perniagaan Perusahaan Tempatan	663,161,281	1,171,478,897
Lain lain Entiti Tempatan	412,217,166	336,272,675
Institusi Bukan Perbankan Tempatan	105,569,582	167,441,125
	6,452,753,638	5,967,421,276

22. LAIN LAIN LIABILITI

(a) Pelbagai sipiutang dan akruan

	2010 RM	2009 RM
Perbelanjaan terakru	48,280,863	140,920,846
Lain-lain belum bayar	58,825,099	42,909,588
Peruntukan zakat	1,956,078	2,950,166
	109,062,040	186,780,600

(b) Tabung Pampasan Kredit Padi

	RM
Pada 1 Januari 2009	1,892,566
Penambahan	263,759
Pengeluaran	(110,200)
	2,046,125
Pada 31 Disember 2009	243,070
Penambahan	(117,898)
Pengeluaran	
	2,171,297
Pada 31 Disember 2010	

Skim ini membantu Bank dalam menguruskan tanggungan pampasan kepada penanam padi. Dana di bawah skim ini dikutip semasa pengeluaran pinjaman padi sebagai faedah kematian penanam padi. Sejumlah pampasan akan dibayar kepada waris penanam padi yang meninggal dunia melalui skim ini.

23. PINJAMAN DARI OECF

	Pokok RM	Faedah RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	60,825,160	69,990	60,895,150
Faedah	-	2,008,147	2,008,147
Pembayaran semula	(12,165,032)	(2,022,145)	(14,187,177)
Pada 31 Disember 2009	48,660,128	55,992	48,716,120
Faedah	-	1,574,038	1,574,038
Pembayaran semula	(12,165,032)	(1,596,369)	(13,761,401)
Pada 31 Disember 2010	36,495,096	33,661	36,528,757

	2010 RM	2009 RM
Matang dalam tempoh satu tahun	13,761,401	13,761,401
Satu tahun hingga tiga tahun	22,767,356	34,954,719
	36,528,757	48,716,120

Pinjaman ini diperolehi dari Tabung Kerjasama Ekonomi Luar Negeri ("OECF") pada tahun 1988 pada kadar faedah 3.5% setahun untuk tempoh 25 tahun dan tempoh bayaran balik bermula pada tahun 1995. Tempoh matang pinjaman ini ialah pada tahun 2013.

Pinjaman ini diberi dalam nilai matawang Yen Jepun dan dinyatakan pada nilai tukaran kos sejarah. Pinjaman ini tidak ditukar pada kadar tukaran wang asing pada akhir tahun kerana Kementerian Kewangan akan menampung segala kerugian kadar pertukaran wang asing.

Pinjaman ini diwujudkan di bawah Tabung Pembangunan Asean-Jepun ("AJDF") dan tujuan dana tersebut adalah untuk menggalakkan pembangunan dalam sektor pertanian bagi negara-negara ahli di bawah Persatuan Negara-negara Asia Tenggara.

Pinjaman ini ditawarkan kepada peminjam pada kadar faedah 6.5% setahun dengan tempoh maksimum selama 15 tahun.

24. TABUNG UNTUK MAKANAN ("3F")

	Pokok RM	Faedah RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	638,990,331	-	638,990,331
Penambahan	300,200,000	-	300,200,000
Faedah	-	1,331,429	1,331,429
Pembayaran semula	(47,617,275)	(413,621)	(48,030,896)
Pada 31 Disember 2009	891,573,056	917,808	892,490,864
Penambahan	295,000,000	-	295,000,000
Faedah	-	2,060,185	2,060,185
Pembayaran semula	(34,788,813)	(309,724)	(35,098,537)
Pada 31 Disember 2010	1,151,784,243	2,668,269	1,154,452,512

Tabung ini ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi tujuan menggalakkan pelaburan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran projek pemakanan disalurkan kepada Bank sebagai pinjaman bertempoh 8 tahun dengan kadar faedah 1% setahun. Bank menerima dana ini dalam beberapa peringkat seperti berikut:

1. Peringkat pertama RM152.5 juta (1993 - 1996)
2. Peringkat kedua RM97.6 juta (1997)
3. Peringkat ketiga RM300.0 juta (1999)
4. Peringkat keempat RM201.6 juta (2001 - 2003)

Pada tahun 2001, kadar faedah dikurangkan dari 1% setahun kepada 0.25% setahun. Bayaran balik pinjaman dibuat apabila kutipan pinjaman diterima daripada peminjam dari semasa ke semasa. Selepas tempoh 8 tahun dari tarikh pengeluaran pinjaman pertama disalurkan kepada Bank, Bank di mestikan membayar balik sepenuhnya baki pinjaman yang ada.

Pada September 2006, Kerajaan telah bersetuju menyalurkan Bank dengan satu pinjaman baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK9") berjumlah RM300 juta untuk tempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar keuntungan 0.25% setahun. Tujuannya adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara dan mengurangkan import makanan.

Bank dibenar mengenakan pelanggaran kadar keuntungan 3.75% setahun bagi pembiayaan RM5 juta pertama dan kadar keuntungan 5% setahun bagi pembiayaan berikutnya untuk tempoh maksimum 10 tahun.

25. PERUNTUKAN MPPB

	Pokok RM	Faedah RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	25,000,000	-	25,000,000
Penambahan	25,000,000	-	25,000,000
Pada 31 Disember 2009	50,000,000	-	50,000,000
Penambahan	20,000,000	-	20,000,000
Faedah	-	135,685	135,685
Pada 31 Disember 2010	70,000,000	135,685	70,135,685

Skim Pembiayaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (“MPPB”)

Skim Pembiayaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) adalah bertujuan untuk mewujudkan usahawan bumiputera yang lestari di sektor pertanian. Dana pinjaman ini berjumlah RM12.4 juta diterima oleh Bank dari Kerajaan Malaysia pada tahun 1998. Dana pinjaman ini dikenakan kadar faedah oleh kerajaan sebanyak 1.5% setahun untuk tempoh pinjaman selama 12 tahun (4 tahun penangguhan). Berikutnya Bank menerima sejumlah RM22.7 juta (2002) dan RM10.0 juta (2005) masing-masing pada kadar faedah 1.25% setahun untuk tempoh 12 tahun (4 tahun penangguhan). Bank dibenar mengenakan kadar faedah sehingga 4% setahun kepada pelanggannya.

Pada tahun 2006, Kerajaan bersetuju menyalurkan Bank satu lagi pinjaman baru berjumlah RM100.0 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (“RMK9”) untuk tempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar faedah 0.25% setahun diakru mulai hari pertama selepas tamat tempoh penangguhan.

Objektif pinjaman ini adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera institusi peladang dan nelayan bagi memajukan perniagaan asas tani dalam aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran pada kadar faedah 3.75% setahun untuk tempoh maksimum 10 tahun.

26. TABUNG INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (“TIKS”)

	Pokok RM	Faedah RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	3,485,730	-	3,485,730
Faedah	-	43,372	43,372
Pembayaran semula	(1,022,570)	(43,372)	(1,065,942)
Pada 31 Disember 2009	2,463,160	-	2,463,160
Faedah	-	35,670	35,670
Pembayaran semula	(178,612)	(35,666)	(214,278)
Pada 31 Disember 2010	2,284,548	4	2,284,552

Tujuan Skim TIKS ialah untuk merangsang pelaburan baru dalam industri pembuatan, industri berasaskan pertanian dan perkhidmatan tertentu untuk menggalakkan industri berasaskan eksport, penggantian import serta pertumbuhan industri baru, (termasuk industri berteknologi tinggi) dan juga perkhidmatan yang dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi walaupun keluarannya adalah untuk pasaran tempatan. Dana pembiayaan disediakan Bank Negara Malaysia pada kadar faedah pinjaman yang tidak tetap. Bank dibenar mengenakan pelanggan kadar margin 2% di atas kos dana tersebut.

Dana ini diterima daripada BNM pada kadar faedah sebanyak 1.5% setahun untuk tempoh 5 tahun.

27. PINJAMAN TANAM SEMULA KELAPA SAWIT (“TASKS”)

	RM
Pada 31 Disember 2009 dan 31 Disember 2010	15,000,000

Pinjaman ini disalurkan kerajaan kepada Bank melalui Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi (KPPK) bagi tujuan membiayai pekebun kecil individu untuk tanaman semula kelapa sawit yang telah melebihi tahap ekonomi dan membantu petani meningkatkan hasil pendapatan dengan menghasilkan produk yang bermutu tinggi melalui penggunaan anak benih yang bermutu, amalan agronomik terkini, merapatkan jurang hasil di antara pekebun kecil dan ladang swasta dan memastikan industri kelapa sawit Malaysia terus lestari dan berdaya saing.

Pinjaman ini kepada Bank adalah tanpa kadar keuntungan untuk tempoh 20 tahun (5 tahun penangguhan). Sejumlah RM78.4 juta telah diterima oleh Bank pada tahun 2001.

Pada tahun 2006, Kerajaan telah melanjutkan tempoh kepada 20 tahun 6 bulan (5 tahun 6 bulan penangguhan) dari 20 tahun (5 tahun penangguhan).

Had pembiayaan adalah tidak melebihi RM6,000 bagi setiap hektar dan tidak melebihi tempoh 10 tahun dari pengeluaran pertama. Pinjaman ini dikeluarkan sebagai pembiayaan Al-Bai’ Bithaman Ajil (BBA). Bank dibenarkan mengenakan faedah kepada pelanggan pada kadar keuntungan tidak melebihi 4% setahun setiap 100 hektar.

Pada Oktober 2006, Kerajaan bersetuju menyalurkan Bank satu pinjaman baru berjumlah RM83.97 juta tanpa faedah untuk tempoh 20 tahun (5 tahun penangguhan). Tujuannya adalah untuk pembiayaan projek penanaman semula kelapa sawit pekebun kecil individu berasaskan nisbah 70% (pekebun kecil dengan keluasan tanah 10 ekar ke bawah) dan nisbah 30% (pekebun kecil dengan keluasan tanah melebihi 10 ekar).

28. SKIM KREDIT PADI

	Pokok RM	Faedah RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	35,000,000	-	35,000,000
Penambahan	35,000,000	-	35,000,000
	70,000,000	-	70,000,000
Pada 31 Disember 2009	35,000,000	-	35,000,000
Penambahan	-	190,342	190,342
	105,000,000	190,342	105,190,342
Pada 31 Disember 2010			

Pinjaman disediakan Kementerian Pertanian kepada Bank sejumlah RM20.6 juta dalam tahun 2001/2002 bagi tujuan membiayai Skim Kredit Padi di kawasan jelapang padi negara seperti MADA, KADA, Seberang Perak dan Sabak Bernam. Pinjaman adalah untuk tempoh 10 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar faedah 1.5% setahun diakru mulai hari pertama selepas tamat tempoh penangguhan. Bank mengenakan bayaran perkhidmatan tidak melebihi 4% semusim secara *upfront* kepada petani.

Pada Oktober 2006 Kerajaan bersetuju menyalurkan Bank tambahan pinjaman berjumlah RM150.0 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK9") untuk tempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar faedah 0.25% setahun diakru mulai hari pertama selepas tamat tempoh penangguhan.

Tujuannya untuk menyediakan modal pusingan pembiayaan mudah, cepat dan berkos rendah kepada pengusaha pengeluaran padi di kawasan yang diwartakan sebagai tanaman padi dua musim setahun. Setiap pengusaha layak diberi pembiayaan maksimum RM15,000 semusim. Bank mengenakan bayaran perkhidmatan tidak melebihi 4% semusim secara *upfront* kepada pengusaha.

29. SKIM LITS ("LOW INTENSITY TAPPING SYSTEMS")

	Pokok RM
Pada 1 Januari 2009	3,949,915
Pembayaran semula	(2,192,212)
	1,757,703
Pada 31 Disember 2009	(730,738)
Pembayaran semula	
	1,026,965
Pada 31 Disember 2010	

Lembaga Getah Malaysia di bawah agensi penyelidikannya iaitu Institut Penyelidikan Getah Asli Malaysia (RRIM) telah berjaya menghasilkan klon dan kaedah pengurusan tanaman getah yang dapat menghasilkan hasil yang baik, di samping dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh agar dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi pekebun kecil. Dana ini disalurkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) kepada Bank yang menerima peruntukan tabung pinjaman sejumlah RM46.1 juta dalam tahun 2001 tanpa dikenakan faedah. Pembiayaan ini adalah melalui Al-Bai' Bithaman Ajil (BBA) pada nisbah 30% pembiayaan dan 70% geran.

30. SKIM KREDIT PENGETUARAN MAKANAN ("SKPM")

	Pokok RM	Faedah RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	80,853,000	-	80,853,000
Penambahan	9,147,000	-	9,147,000
	90,000,000	-	90,000,000
Pada 31 Disember 2009	10,000,000	-	10,000,000
Penambahan	-	243,767	243,767
	100,000,000	243,767	100,243,767
Pada 31 Disember 2010			

Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 ("RMK8") telah menyediakan dana khusus bagi tujuan membiayai Skim Kredit Pengeluaran Makanan. Tujuan pembiayaan adalah untuk memastikan para pengusaha kecil dan sederhana dapat meningkatkan aktiviti pengeluaran makanan dalam negara di samping meningkatkan eksport dan mengurangkan import makanan.

Dana pinjaman ini disalurkan oleh Kerajaan kepada Bank dan sejumlah RM27.5 juta diterima dalam tahun 2003. Tempoh pinjaman adalah 15 tahun pada kadar faedah 0.5% setahun. Bank mengenakan kadar keuntungan 2.0% setahun kepada pelanggan bagi projek integrasi getah (G++) dan 3.75% setahun bagi projek-projek lain dibawah skim ini.

Pada Oktober 2006 Kerajaan bersetuju menyalurkan Bank satu lagi pinjaman baru berjumlah RM100.0 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMK9") untuk tempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar faedah 0.25% setahun diakru mulai hari pertama selepas tamat tempoh penangguhan.

Bank dibenar mengenakan kadar keuntungan 3.75% setahun dan tempoh bayaran balik 8 tahun kepada pengusaha-pengusaha yang mendapat pembiayaan di bawah skim ini.

31. DANA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN ("DKBS")

	RM
Pada 1 Januari 2009 and 31 Disember 2009	20,000,000
Peruntukan penjejasan kolektif (Nota 17)	(3,099,242)
	16,900,758
Pada 31 Disember 2010	

Dana ini disalurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada Bank secara berperingkat bertujuan untuk membantu membangunkan belia individu atau berkumpulan dalam projek pertanian atau perniagaan atas tani di bawah Skim Belia Tani.

Peringkat pertama sejumlah RM20.0 juta telah diterima oleh Bank pada Disember 2006. Kemudahan pembiayaan di bawah skim ini adalah dalam julat RM5,000 – RM50,000 pada kadar keuntungan 4% setahun untuk tempoh 7 tahun. Bayaran balik pembiayaan yang diterima akan dimasukkan ke tabung dana dan digunakan semula untuk pemberian pembiayaan.

32. SKIM PEMBIAYAAN BOT PERIKANAN (“SPBP”)

Pokok RM
140,000,000

Pada 31 Disember 2009 dan 31 Disember 2010

Kerajaan pada Disember 2006 telah bersetuju menyalurkan Bank dengan pinjaman berjumlah RM240.0 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (“RMK9”) pada kadar faedah 0.25% untuk tempoh 15 tahun (10 tahun penangguhan).

Tujuannya untuk memodenkan industri perikanan dengan kemudahan moden, menggalakkan industri penangkapan ikan laut dalam dan laut lepas di samping meningkatkan pendapatan pengusaha-pengusaha penangkapan laut.

Bank menawarkan pembiayaan maksimum RM10.0 juta pada kadar keuntungan 5.0% setahun dan tempoh bayaran balik 10 tahun kepada pengusaha-pengusaha yang mendapat pembiayaan dibawah skim ini.

33. SKIM USAHAWAN TANI KOMERSIL SISWAZAH (“SUTKS – PINJAMAN”)

Pokok RM
10,000,000

Pada 31 Disember 2009 dan 31 Disember 2010

Kerajaan bersetuju menyalurkan Bank dengan pinjaman sebanyak RM10.0 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (“RMK9”) pada kadar faedah 0.25% setahun untuk tempoh 10 tahun (5 tahun penangguhan).

Tujuannya untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah di negara ini melalui kerjaya dalam sektor pertanian.

Skim ini menawarkan kemudahan pembiayaan tidak melebihi RM100,000 setiap pinjaman pada kadar keuntungan 5% setahun untuk tempoh 6 tahun.

34. PEMBIAYAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (“PKS”)

Pokok RM	Faedah RM	Jumlah RM
70,000,000	-	70,000,000
15,000,000	-	15,000,000
85,000,000	-	85,000,000
15,000,000	-	15,000,000
-	230,377	230,377
100,000,000	230,377	100,230,377

Pada 1 Januari 2009
Penambahan

Pada 31 Disember 2009
Penambahan
Faedah

Pada 31 Disember 2010

Kerajaan telah bersetuju menyalurkan Bank dengan pinjaman ini berjumlah RM100.0 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (“RMK9”) untuk merangsang pelaburan bagi industri asas tani dalam sektor pemprosesan, pembuatan dan perkhidmatan (komoditi makanan dan komoditi bukan makanan). Pinjaman bertempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) pada kadar keuntungan 0.25% setahun.

Pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dalam sektor berkenaan yang layak mendapat pembiayaan ini dikenakan kadar keuntungan 3.75% setahun dan 10 tahun tempoh bayaran balik.

35. SKIM KREDIT PENGETAHUAN BUKAN MAKANAN (“SKPBM”)

Pokok RM	Faedah RM	Jumlah RM
30,000,000	-	30,000,000
-	12,534	12,534
30,000,000	12,534	30,012,534

Pada 1 Januari 2009 dan 31 Disember 2009
Faedah

Pada 31 Disember 2010

Kerajaan telah bersetuju menyalurkan Bank dengan pinjaman ini berjumlah RM30.0 juta pada kadar faedah 0.25% setahun untuk tempoh 15 tahun (3 tahun penangguhan) di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (“RMK9”) untuk meningkatkan aktiviti pertanian yang bercorak bukan makanan bagi aktiviti huluhan dan pengeluaran.

Skim ini menawarkan pembiayaan maksimum RM5.0 juta dan minimum RM10,000 pada kadar keuntungan 3.75% untuk tempoh bayaran balik tidak melebihi 10 tahun.

36. DANA ENTERPRIS MIKRO

	Pokok RM	Faedah RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	1,010,000	-	1,010,000
Penambahan	18,644,000	-	18,644,000
Faedah	-	179,785	179,785
Pembayaran semula	(2,356,463)	(179,785)	(2,536,248)
 Pada 31 Disember 2009	17,297,537	-	17,297,537
Penambahan	48,614,000	-	48,614,000
Faedah	-	590,735	590,735
Pembayaran semula	(2,223,814)	(604,493)	(2,828,307)
 Pada 31 Disember 2010	63,687,723	(13,758)	63,673,965

Dana ini telah dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) pada 4 November 2008 sebanyak RM200.0 juta. Tujuannya untuk meningkatkan akses pembiayaan mikro kepada mana-mana perniagaan mikro yang berdaya maju. Dana pinjaman ini ditawarkan kepada semua institusi kewangan yang menawarkan skim pinjaman mikro pada kadar konsesi. Kadar faedah bagi dana ini adalah 1.5% setahun untuk tempoh 5 tahun.

Skim ini menawarkan pinjaman bertempoh 5 tahun pada kadar faedah 14% setahun (1.16% sebulan) dikira atas baki bulanan. Pembiayaan maksimum bagi pinjaman ini adalah sehingga RM50,000.00.

37. MODAL SAHAM

	Nota	2010 RM	2009 RM
Dibenarkan: Saham biasa RM1 setiap satu		2,000,000,000	2,000,000,000
Diterbitkan dan dibayar penuh: Saham biasa RM1 setiap satu: Pada awal tahun		1,000,000,000	242,540,753
Pertukaran dari pinjaman Kerajaan Bolehtukar	39	-	757,459,247
 Pada akhir tahun		1,000,000,000	1,000,000,000

Pada tahun kewangan yang lepas, seperti diluluskan oleh Parlimen melalui resolusi bertarikh 2 Julai 2009, modal saham dibenarkan dan dibayar penuh Bank telah ditingkatkan daripada RM242,540,753 terdiri daripada 242,540,753 saham biasa RM1 setiap satu kepada RM1 bilion terdiri daripada 1 bilion saham biasa RM1 setiap satu melalui pemodalank pinjaman kerajaan boleh tukar berjumlah RM757,459,247 seperti dinyatakan dalam Nota 39.

Semua saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf *pari passu* dalam semua hal dengan saham-saham biasa Bank yang sedia ada.

38. RIZAB

	2010 RM	2009 RM
Rizab tidak boleh diagih: Rizab berkanun	349,810,136	161,867,486
Rizab penilaian semula pelaburan	539,617,569	-
 Rizab boleh agih: Pendapatan tertahan	139,495,948	161,867,485
 Total:	1,028,923,653	323,734,971

(a) Rizab berkanun

Rizab berkanun diperuntukkan sebagai mematuhi Para IV Obligasi dan Sumber Dana Seksyen 39 (1B)(i) Akta Institusi Kewangan Pembangunan, 2002 ("DFIA") mengenai rizab berkanun yang menyatakan bahawa Bank dikehendaki memperuntukkan rizab berkanun sekurang-kurangnya 50% daripada keuntungan bersih selepas cukai bagi tempoh semasa sebelum pengagihan sebarang dividen.

(b) Rizab penilaian semula pelaburan

Rizab penilaian semula pelaburan adalah berkaitan laba dan kerugian nilai saksama belum terealisasi pada pelaburan kewangan tersedia untuk dijual.

(c) Pendapatan tertahan

Menurut Akta Kewangan 2007, sistem pentaksiran cukai pendapatan syarikat setingkat telah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2008. Di bawah sistem ini, cukai ke atas pendapatan syarikat adalah mutakhir dan dividen yang diberi kepada pemegang saham adalah dikecualikan cukai. Tidak seperti sistem pentaksiran dividen penuh yang lalu, penerima dividen tidak lagi dibenarkan menuntut sebarang kredit cukai.

Syarikat yang mempunyai kredit cukai diberi pilihan tidak boleh batalkan untuk memilih sistem cukai pendapatan satu peringkat dan mengenepikan kredit cukai atau terus menggunakan kredit cukai di bawah akaun Seksyen 108 untuk memfranki pembayaran dividen tunai atas saham biasa bagi tempoh 6 tahun berakhir 31 Disember 2013 atau sehingga kredit cukai digunakan sepenuhnya, yang mana terdahulu. Dalam tempoh peralihan, sebarang cukai yang dibayar tidak akan dimasukkan ke dalam akaun Seksyen 108 dan sebarang kredit cukai yang digunakan akan mengurangkan baki kredit cukai. Semua syarikat akan menggunakan sistem baru pada 1 Januari 2014.

Sehingga 31 Disember 2010, Bank masih belum memilih opsyen tidak boleh batal untuk mengabaikan kredit cukai Seksyen 108. Oleh itu, tertakluk kepada persetujuan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan berdasarkan kadar cukai yang lazim terpakai kepada dividen, Bank mempunyai kredit cukai Seksyen 108 yang mencukupi untuk mengagihkan dividen daripada keseluruhan pendapatan tertahan pada 31 Disember 2010.

(d) Dividen

Dividen akhir sebanyak 3% ditolak cukai, berjumlah RM22.5 juta, yang dicadangkan dalam tahun kewangan yang lepas dan diuruskan di dalam laporan pengarah tahun sebelumnya telah dibayar pada 25 November 2010.

39. PINJAMAN DARI KERAJAAN

		Nota	2010 RM	2009 RM
Pada awal tahun			-	757,459,247
Penukaran ke modal saham	37		-	(757,459,247)
Pada akhir tahun			-	-

Pada 2 Julai 2009, Parlimen meluluskan resolusi menurut subseksyen 8(3)(a)(iv) Akta Acara Kewangan 1957 (Akta 61) dan meluluskan penukaran pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM757,459,247 kepada ekuiti Bank Pertanian Malaysia Berhad. Sehubungan dengan itu, Bank telah menyempurnakan penukaran pada tahun kewangan sebelumnya menyebabkan peningkatan modal saham berbayar Bank kepada RM1 bilion seperti yang dinyatakan dalam Nota 37.

40. GERAN KERAJAAN – BELANJA MODAL DAN PEMBANGUNAN

	Belanja Modal RM	Belanja Pembangunan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	82,151,479	1,492,268	83,643,747
Pelunasan pada tahun semasa (Nota 9)	(1,722,348)	-	(1,722,348)
Penggunaan pada tahun semasa	-	(1,439,874)	(1,439,874)
Pada 31 Disember 2009	80,429,131	52,394	80,481,525
Pelunasan pada tahun semasa (Nota 9)	(13,195,089)	-	(13,195,089)
Penerimaan pada tahun semasa	-	1,000,000	1,000,000
Penggunaan pada tahun semasa	-	(562,792)	(562,792)
Pada 31 Disember 2010	67,234,042	489,602	67,723,644

Belanja Modal

Geran belanja modal adalah untuk membayai perolehan harta tanah, loji dan peralatan. Geran belanja modal dilunaskan kepada untung atau rugi berdasarkan anggaran tempoh hayat bergunanya sesuatu aset yang diperolehi menggunakan geran ini.

Belanja Pembangunan

Geran belanja pembangunan adalah untuk membayai kursus-kursus latihan untuk kakitangan Bank dan perbelanjaan ini diiktiraf dalam untung atau rugi berdasarkan perbelanjaan sebenar yang ditanggung pada tahun semasa.

41. GERAN PELANCARAN

	Belanja Modal RM	Belanja Pembangunan RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2009	17,826,817	48,369,574	66,196,391
Pengkelasan semula dari lain-lain belum terima (Nota 19)	-	(15,883,425)	(15,883,425)
Penggunaan pada tahun semasa:			
Geran pentadbiran (Nota 9)	-	(7,808,361)	(7,808,361)
Belanja pembangunan (Nota 8 dan 9)	-	(6,459,027)	(6,459,027)
Pelunasan pada tahun semasa (Nota 9)	(2,421,633)	-	(2,421,633)
Pada 31 Disember 2009	15,405,184	18,218,761	33,623,945
Penggunaan pada tahun semasa:			
Belanja pembangunan (Nota 8 dan 9)	-	(2,928,736)	(2,928,736)
Pelunasan pada tahun semasa (Nota 9)	(2,468,167)	-	(2,468,167)
Pada 31 Disember 2010	12,937,017	15,290,025	28,227,042

Berdasarkan surat bertarikh 17 September 2007, Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan sebanyak RM100.0 juta dalam bentuk geran pelancaran kepada Bank bagi tujuan pengkorporatan Bank Pertanian Malaysia.

42. PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN ("PPRT")

	RM
Pada 31 Disember 2009 dan 31 Disember 2010	2,559,925

Program ini merupakan pembiayaan tanpa faedah daripada Kerajaan kepada rakyat miskin.

43. SKIM USAHAWAN TANI KOMERSIL SISWAZAH ("SUTKS")

	RM
Pada 1 Januari 2009	5,853,949
Peruntukan hutang rugu dan lapuk khusus (Nota 17)	(1,999,370)
Pada 31 Disember 2009	3,854,579
Peruntukan penjejasan kolektif (Nota 17)	(1,869,461)
Pada 31 Disember 2010	1,985,118

Program ini merupakan sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan. Sejumlah RM10.0 juta telah diperuntukkan kepada Bank, di mana RM9.0 juta adalah untuk membayai graduan yang telah berjaya menamatkan latihan yang ditetapkan di bawah syarat-syarat pinjaman. Baki RM1.0 juta lagi adalah untuk menampung kos pentadbiran, termasuk eluan peserta.

Objektif program ini adalah untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah dengan mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pertanian. Di bawah program ini, graduan yang berjaya akan diberikan pembiayaan daripada Bank untuk membangunkan projek-projek pertanian setelah tamat latihan sambil bekerja dengan peminjam Bank yang terpilih. Pembiayaan ini ditawarkan di bawah Al-Bai' Bithaman Ajil yang mengenakan kadar keuntungan 3% setahun.

44. DANA KHAS SEKTOR PERIKANAN TERENGGANU ("DKSP")

	RM
Pada 1 Januari 2009	5,471,653
Pendapatan DKSP	(1,186,645)
Pada 31 Disember 2009	4,285,008
Pendapatan DKSP	(1,032,603)
Peruntukan penjejasan kolektif (Nota 17)	85,735
Pada 31 Disember 2010	3,338,140

Di bawah Wang Ehsan Petroleum, Kerajaan memperuntukkan kepada negeri Terengganu geran RM30.0 juta untuk pembangunan sektor perikanan. RM20.0 juta telah disalurkan kepada Bank pada bulan Mac 2001 dan RM10.0 juta selebihnya pada November 2002 untuk membayai pelbagai projek perikanan di negeri Terengganu.

Objektif dana ini adalah untuk meningkatkan status sosio-ekonomi nelayan, penternak ikan dan usahawan akuakultur. Untuk memastikan program ini berjaya, Bank bekerjasama rapat dengan Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dalam mengenal pasti calon dan projek-projek yang sesuai untuk menerima faedah daripada dana.

Pembiayaan ini ditawarkan di bawah Al-Bai' Bithaman Ajil sehingga 100% daripada keseluruhan kos projek dan ianya merupakan pembiayaan tanpa faedah. Pembiayaan minimum ialah RM5,000 dan maksimum ialah RM50,000. Tempoh pembiayaan bergantung kepada jangkamasa projek dan tempoh bayaran baik tidak melebihi 10 tahun.

45. KOMITMEN DAN LUAR JANGKAAN

Dalam urusan perniagaan biasa, Bank membuat pelbagai komitmen dan menanggung liabiliti luar jangkaan yang tertentu dengan tindak balas undang-undang terhadap pelanggan. Tiada kerugian ketara dijangkakan berikutan dari transaksi-transaksi seperti ini. Komitmen dan luar jangkaan pada tarikh pelaporan ini adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Jaminan		
Surat jaminan telah dikeluarkan kepada pelanggan Bank	20,986,050	22,711,356
Tuntutan ganti rugi:		
Beberapa tindakan undang-undang terhadap Bank dengan tuntutan ganti rugi	1,965,999	3,174,275
Dana Pertanian Komersil (GLC)	33,770,324	8,075,907

Pihak pengurusan Bank berpendapat bahawa peruntukan ganti rugi tidak perlu dibuat dalam penyata kewangan untuk tindakan-tindakan di atas kerana kemungkinan keputusan tidak menyebelahi pihak Bank adalah rendah.

46. KOMITMEN MODAL

Komitmen modal tidak diperuntukkan pada akhir tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Diluluskan dan dikontrakkan:		
Belanja modal	3,465,181	13,615,410
Komitmen pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	309,544,024	328,703,949
	313,009,205	342,319,359
Diluluskan dan belum dikontrakkan:		
Belanja modal	3,968,936	243,905
Komitmen pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan	21,763,400	58,277,102
	25,732,336	58,521,007
	338,741,541	400,840,366

47. PEMBENTANGAN PIHAK BERKAITAN

Pembentangan pihak berkaitan dibuat mengikut keperluan FRS 124.

Pihak-pihak dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak yang satu lagi atau melaksanakan pengaruh besar terhadap pihak yang satu lagi dalam membuat keputusan kewangan atau operasi, atau mana-mana pihak mengawal kedua-duanya. Pihak berkaitan Bank adalah kakitangan pengurusan utama.

Kakitangan pengurusan utama ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Bank sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Bank termasuk Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif Bank dan ahli pengurusan kanan Bank yang tertentu.

Tiada pemberian pinjaman kepada pengarah-pengarah Bank. Pinjaman yang diberi kepada kakitangan pengurusan utama Bank adalah berdasarkan terma dan syarat-syarat yang serupa yang biasanya disediakan kepada kakitangan lain dalam Bank.

Tiada peruntukan telah diiktiraf berkenaan dengan pinjaman yang diberi kepada kakitangan pengurusan utama.

Imbuhan pengarah-pengarah dan ahli-ahli pengurusan kanan Bank pada tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Pengarah Eksekutif:		
Gaji dan emolumen	482,862	366,711
Caruman KWSP	70,170	40,496
Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif:		
Fi	101,299	293,786
Bekas Pengarah:		
Fi	125,200	8,857
Pengurusan Utama:		
Gaji dan emolumen	1,195,709	1,275,960
Caruman KWSP	121,768	138,186
	2,097,008	2,123,996

48. INSTRUMEN KEWANGAN

A. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Pengenalan dan gambaran keseluruhan

Bank terdedah kepada risiko-risiko instrumen kewangan seperti berikut:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran
- Risiko operasi

Nota ini memaparkan maklumat mengenai pendedahan Bank kepada setiap risiko di atas, objektif Bank, polisi dan proses untuk mengukur dan mengurus risiko, dan pengurusan modal Bank.

Rangka kerja pengurusan risiko

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi menubuh dan mengawas rangka kerja pengurusan risiko Bank. Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, yang bertanggungjawab untuk membangun dan memantau dasar-dasar pengurusan risiko di dalam bidang-bidang tertentu. Semua jawatankuasa Lembaga Pengarah mempunyai ahli eksekutif dan bukan eksekutif dan melapor berkala kepada Lembaga Pengarah dari masa ke semasa mengenai aktiviti-aktiviti mereka.

Dasar pengurusan risiko diwujudkan untuk mengenal pasti dan menganalisis risiko yang dihadapi oleh Bank, untuk menetapkan kawalan dan had risiko yang sesuai, dan memantau risiko dan mematuhi had yang ditentukan. Polisi pengurusan risiko dan sistem dikaji sentiasa semula untuk mencerminkan perubahan dalam keadaan pasaran, produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk memantau pematuhan terhadap dasar-dasar pengurusan risiko dan prosedur Bank, dan mengkaji semula kecukupan rangka kerja pengurusan risiko. Jawatankuasa Audit dibantu dalam fungsi ini oleh Audit Dalaman yang menjalankan kajian semula secara tetap dan *ad hoc*, prosedur dan kawalan pengurusan risiko.

(b) Risiko Kredit

Risiko kredit menerangkan tentang pendedahan kepada kerugian sebenar atau kos melepas akibat kemungkiran (atau kegagalan lain untuk melaksanakan) oleh sesuatu entiti ekonomi atau undang-undang (penghutang atau penanggung obligasi) yang menjalankan perniagaan dengan Bank. Risiko kredit adalah risiko kerugian akibat pihak-pihak yang berkenaan gagal memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit

Matlamat pengurusan risiko kredit adalah untuk mengoptimumkan kadar pulangan berdasarkan risiko Bank yang diselaraskan dengan mengekalkan pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima. Bank, melalui Bahagian Pengurusan Risiko ("RMD") menguruskan risiko kredit yang wujud dalam keseluruhan portfolio serta risiko kredit individu. Bank juga mengambil kira hubungan di antara risiko kredit dan risiko-risiko yang lain.

Bagi mewujudkan pengurusan risiko kredit yang efektif, garis panduan dan had pengurusan risiko diwujudkan untuk menyediakan rangka kerja bagi menguruskan pendedahan risiko harian Bank. Garis panduan dan had-had ini dapat memaparkan dengan tepat objektif polisi dan risiko keutamaan-keutamaan risiko Bank.

Bank telah mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit di mana terdapat tujuh modul utama risiko strategik yang menyediakan garis panduan, proses dan sistem yang komprehensif untuk mengurus risiko kredit dalam operasi pinjaman. Fokus adalah kepada:

- Kredit dan Polisi-Polisi Risiko Kredit
- Model Pemarkahan Kredit dan Pengadaran
- Pengekodan Sektor & Maklumat Sektor
- Proses Kredit
- Manual Operasi Kredit
- Model Pengurusan Kredit
- Program Sijil Latihan Dalaman

Penilaian risiko kredit

Risiko kredit adalah sebahagian daripada risiko yang ditanggung oleh mana-mana institusi kewangan. Risiko kredit boleh berlaku dalam pelbagai aktiviti dalam operasi Bank, seperti kemudahan pinjaman (di mana risiko kredit merupakan risiko terbesar dan paling ketara), pembelian ekuiti dan bon dan lain-lain sekuriti boleh dipasarkan, *mutual funds*, pinjaman kepada pasaran antara bank, kemudahan pembiayaan lain, urus niaga derivatif, dagangan instrumen kewangan dan aktiviti-aktiviti perbankan yang lain, sama ada ia ditadbir sebagai buku perbankan atau buku perdagangan.

Bank perlu mengenal pasti, menganalisa dan menguruskan risiko kredit yang wujud dalam semua produk dan aktivitiinya. Pengenalpastian ini dijana daripada penilaian berhemah atas ciri-ciri risiko kredit dan apa-apa potensi risiko produk/aktiviti tertentu. Risiko kredit adalah ditentukan sebahagian besarnya oleh empat parameter seperti yang ditakrifkan di bawah.

• Penentu risiko kredit

- Risiko peminjam yang disumbangkan oleh *Probability of Default* ("PD")
- Risiko fasiliti yang disumbang oleh *Loss Given Default* ("LGD")
- Pendedahan kredit sebenar disumbangkan oleh *Exposure at Default* ("EAD")
- Dimensi waktu yang ditentukan oleh risiko kematangan
- Kepelbagaiannya portfolio kredit yang ditentukan oleh risiko konsentrasi.

- **Probability of Default (“PD”)**

Kebarangkalian berlakunya kemungkirian adalah fungsi kestabilan operasi / pendapatan peminjam dan risiko yang wujud dalam struktur modal / pendapatannya. Peminjam yang mempunyai prestasi operasi / kestabilan pendapatan yang lebih rendah dan tanggungan kewangan yang lebih tinggi mempunyai kebarangkalian lebih besar untuk berlaku kemungkirian. PD dianggarkan dengan menganalisis dan mengaitkan pengalaman kerugian sebenar kepada gred kredit yang dijana daripada model risiko kredit berdasarkan penarafan dalam atau pendekatan penggredan atau mengikut penarafan awam luaran.

- **Loss Given Default (“LGD”)**

LGD adalah peratusan daripada jumlah yang akan rugi sekiranya berlaku kemungkirian atau, lebih tepat ditakrifkan sebagai peratusan baki hutang yang mungkin akan dapat dipulihkan oleh Bank daripada peminjam yang mungkir. Ia adalah fungsi jenis kemudahan, tempoh dan cagaran serta kos pentadbiran untuk memulihkan kemudahan yang terjejas.

- **Exposure at Default (“EAD”)**

EAD adalah jumlah kemudahan yang mungkin telah dikeluarkan atau belum dijelaskan ketika kemungkirian berlaku.

- **Expected Loss (“EL”)**

EL ditakrifkan sebagai hasil daripada PD, LGD dan EAD. Peruntukan penjejasan untuk jangkaan kerugian pinjaman (digarisikan oleh FRS 139) dikira di peringkat akaun individu dan di peringkat portfolio (secara kolektif bagi pinjaman-pinjaman yang mempunyai risiko kredit yang seragam). Pada masa ini, pengiraan dilakukan secara manual.

Pendedahan risiko kredit dalam sektor pinjaman

Pinjaman yang diberikan kepada pelanggan-pelanggan runcit, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta korporat. Pihak berkuasa meluluskan pinjaman dan pegawai-pegawai kredit mempunyai tanggungjawab untuk memastikan risiko kredit dinilai dengan betul dan semua maklumat penting kredit pelanggan dimasukkan di dalam permohonan pinjaman.

Pemberian kredit kepada pelanggan runcit dinilai berdasarkan kepada rekod bayaran balik dan rekod keupayaan semasa pelanggan melunaskan bayaran balik pinjaman. Pembayaran balik bagi pinjaman-pinjaman ini secara amnya dibuat melalui potongan Biro Angkasa.

Pemberian kredit kepada pelanggan-pelanggan PKS dan korporat pula dinilai berdasarkan faktor kewangan dan bukan kewangan, melalui penggunaan instrumen pemarkahan kredit dalam. Selain daripada itu, pegawai kredit akan mengenalpasti dan menilai risiko kredit dengan mengambil kira profil kewangan dan perniagaan mereka, keupayaan pengurusan, faktor-faktor industri dan ekonomi, cagaran dan sokongan kredit lain seperti jaminan bank. Penilaian bebas risiko kredit oleh RMD juga dijalankan kepada PKS dan pelanggan-pelanggan korporat.

Konsentrasi risiko kredit di dalam sektor pembiayaan

Konsentrasi risiko kredit dipantau mengikut sektor ekonomi. Analisis konsentrasi risiko kredit daripada pinjaman dan pendahuluan pada akhir tarikh pelaporan ditunjukkan di bawah:

	Pinjaman dan pendahuluan	
	2010 RM	2009 RM
Sektor:		
Sokongan	2,255,148,288	3,002,047,858
Tanaman	1,797,436,000	1,548,188,255
Ternakan	684,179,003	595,606,812
Perikanan	397,522,587	338,692,772
Perhutanan	118,974,286	110,274,673
Proses asas tan iain	241,546,008	41,069,916
	5,494,806,172	5,635,880,286

Kedudukan cagaran dalam sektor pembiayaan

Bank memegang cagaran bagi pinjaman dan pendahuluan yang diberikan kepada pelanggan-pelanggan di dalam bentuk kepentingan gadai janji ke atas harta, lain-lain sekuriti yang didaftarkan ke atas aset dan jaminan. Anggaran nilai saksama adalah berdasarkan kepada nilai cagaran pada masa pinjaman dibuat dan dinilai semula setiap dua tahun sekali atau apabila pinjaman terjejas.

Jenis-jenis cagaran utama yang dipegang oleh Bank untuk mengurangkan risiko kredit adalah seperti berikut:

- i) Pinjaman Projek - gadaian ke atas tanah, bangunan, loji dan jentera, bot penangkapan ikan, tuntutan hak milik ke atas kenderaan, deposit tetap masa dan sandaran ke atas saham dan sekuriti.
- ii) Pinjaman-pinjaman Runcit - gadaian ke atas tanah dan deposit tetap masa untuk jenis-jenis pinjaman tertentu.

Kualiti kredit pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan kasar

Pinjaman terjejas

Pecahan jumlah kasar pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan yang dinilai secara individu sebagai terjejas, mengikut sektor, bersama-sama dengan nilai saksama cagaran yang dipegang oleh Bank sebagai jaminan adalah seperti berikut:

	Jumlah Kasar Pinjaman Terjejas Individu RM	Peruntukan Penilaian Individu RM	Nilai Saksama Cagaran RM	
2010				RM
Sektor:				
Tanaman – jangka panjang	305,063,467	162,274,475	152,952,960	
Tanaman – jangka pendek	22,180,539	9,399,758	15,318,988	
Perikanan	79,558,089	64,799,821	15,654,289	
Nilai tambah	1,458,006	745,486	712,520	
Perhutanan	113,497,356	87,690,629	25,806,727	
Ternakan – selain ternakan ayam itik	75,538,954	51,123,052	24,953,162	
Ternakan – ternakan ayam itik	128,150,093	90,014,689	38,876,801	
Sokongan – ‘Supplimentary’	33,214,202	19,865,918	13,617,063	
Sokongan – Lain-lain	49,770,774	36,215,726	13,555,048	
	808,431,480	522,129,554	301,447,558	

Perbandingan tidak dibentangkan kerana FRS 139 hanya berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010.

Pecahan peruntukan bagi pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan terjejas secara individu dan secara kolektif adalah seperti berikut:

2010			RM
Aset pada kos pelunasan			
Peruntukan Penjejasan atas Dasar Individu:			
Tanaman			171,674,234
Perikanan			64,799,821
Nilai tambah			745,485
Perhutanan			87,690,629
Ternakan			141,137,741
Sokongan – ‘Supplimentary’			19,865,918
Sokongan – Lain-lain			36,215,726
			522,129,554
Peruntukan untuk penjejasan individu			
Peruntukan Penjejasan atas Dasar Kolektif:			
Tanaman			20,252,282
Perikanan			21,451,668
Nilai tambah			423,940
Perhutanan			12,492
Ternakan			18,323,081
Kredit Mikro – MUST			53,951,476
Kredit mikro – SKM			6
Sokongan – Ar Rahnu			486,734
Sokongan – ‘Supplimentary’			18,473,607
Sokongan – ‘Supplimentary’ (Bai Al-Innah)			82,650,196
Sokongan – ‘Supplimentary’ (Wawasan Tani)			4,573,399
Sokongan – Lain-lain			13,433,537
			234,032,418
Peruntukan Penjejasan Individu atas Dasar Kolektif:			
Tanaman			4,059,520
Perikanan			1,476,558
Ternakan			1,572,646
Sokongan – ‘Supplimentary’			173,865
			7,282,589
Peruntukan penjejasan kolektif			
Perbandingan tidak dibentangkan kerana FRS 139 hanya berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010			
			241,315,007

Risiko Kredit dalam Aktiviti-Aktiviti Pelaburan

Pendekatan pengurusan risiko kredit bagi aktiviti pelaburan secara keutamaannya ditentukan oleh Lembaga Jawatankuasa Pelaburan ("BIC") dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"). Bagi sesuatu sekuriti pelaburan, penetapan had kredit penerbit adalah dicadangkan melalui Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti ("ALCO") dan diluluskan oleh BIC serta disahkan oleh RMC. Di samping itu, dasar pelaburan Bank juga menetapkan gred pelaburan minimum bagi sekuriti hutang dan jenis-jenis transaksi yang dibenarkan.

Profil Pelaburan dan Tumpuan Portfolio

Jumlah portfolio pelaburan Bank telah mencatatkan nilai sebanyak RM5,317,796,684 juta bagi tahun 2010. Kebanyakan pelaburan yang terlibat adalah Penerbitan, Kertas Perdagangan ("CP"), Bon Korporat ("PDS"), Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS/GII") dan Ekuiti.

Profil portfolio adalah seperti berikut:

	RM	Komposisi (%)
Aset		
Deposit dengan Institusi Kewangan	2,622,917,610	49.32
Bon Korporat	1,479,895,348	27.83
Sekuriti Ekuiti	577,844,878	10.87
Sekuriti Kerajaan Malaysia	422,923,078	7.95
Kertas Komersil	214,215,770	4.03
Nilai Pembawa	5,317,796,684	100.00

Kualiti Kredit Pelaburan Kewangan

Jadual berikut membentangkan pendedahan Bank kepada risiko kredit instrumen kewangan - analisis sekuriti hutang oleh agensi-agensi penarafan kredit luar:

Pelaburan Kewangan Tersedia Untuk Dijual

	Penarafan	Pada Disember 2010				Pada Disember 2009			
		Instrumen		Bukan Pasaran Wang – Sekuriti Hutang		Instrumen		Bukan Pasaran Wang – Sekuriti Hutang	
		Instrumen Pasaran Wang	Penarafan Domestik	Jumlah	Penarafan Domestik	Jumlah	Penarafan Domestik	Jumlah	Penarafan Domestik
Penarafan PDS									
AAA	-	-	653,489,774	653,489,774	-	-	586,127,968	586,127,968	
AA+ hingga AA-	-	-	526,105,744	526,105,744	-	-	511,731,071	511,731,071	
A+ hingga A-	-	-	45,564,051	45,564,051	-	-	25,950,281	25,950,281	
BBB+ hingga BBB -	-	-	-	-	-	-	-	-	
Tanpa penarafan	-	-	28,679,091	28,679,091	-	-	15,000,000	15,000,000	
Penarafan CPI									
P1/M1	-	-	-	-	-	-	-	-	
JUMLAH	-	-	1,253,838,660	1,253,838,660	-	-	1,138,809,320	1,138,809,320	

Jadual berikut membentangkan pendedahan Bank kepada risiko kredit instrumen kewangan - sekuriti hutang yang dianalisis oleh agensi penarafan kredit luar:

Pelaburan Kewangan Dipegang Sehingga Matang

Penarafan	Pada Disember 2010				Pada Disember 2009			
	Instrumen Pasaran Wang		Instrumen Bukan Pasaran Wang – Sekuriti Hutang		Instrumen Pasaran Wang		Instrumen Bukan Pasaran Wang – Sekuriti Hutang	
	Penarafan Domestik	Jumlah	Penarafan Domestik	Jumlah	Penarafan Domestik	Jumlah	Penarafan Domestik	Jumlah
Penarafan PDS								
AAA	-	-	145,356,859	145,356,859	-	-	280,060,500	280,060,500
AA+ hingga AA-	-	-	34,854,815	34,854,815	-	-	34,724,626	34,724,626
A+ hingga A-	-	-	-	-	-	-	-	-
BBB+ hingga BBB -	-	-	-	-	-	-	-	-
Tanpa penarafan	-	-	45,845,014	45,845,014	-	-	-	-
Penarafan CPI								
P1/M1	214,215,770	214,215,770	-	-	176,186,452	176,186,452	-	-
JUMLAH	214,215,770	214,215,770	226,056,688	226,056,688	176,186,452	176,186,452	314,785,126	314,785,126

(c) Risiko Kecairan

Sifat Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah berkaitan dengan keupayaan untuk mengekalkan aset cair yang mencukupi untuk memenuhi komitmen kewangan dan obligasi semasa dan yang akan datang (yang dijangka atau tidak dijangka) apabila tiba masanya tanpa menanggung kerugian yang tidak boleh diterima.

Risiko kecairan mungkin timbul apabila terdapat ketidakseimbangan antara pembiayaan terhadap pinjaman mengikut masa *bucket* yang ditetapkan. Ketidakseimbangan boleh mengakibatkan kegagalan Bank untuk memenuhi obligasi yang disersetujui apabila tiba masanya. Oleh itu Bank perlu mengekalkan sebahagian aset cair dalam bentuk tunai dan setara tunai serta sekuriti boleh dipasarkan untuk memadankannya dengan *bucket* tempoh matang.

Pengurusan Risiko Kecairan

Risiko kecairan diuruskan melalui dasar-dasar yang diluluskan oleh Kumpulan Pengurusan Eksekutif ("EMT") dan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pengurusan Risiko akan menyelia ketidakpatuhan dasar-dasar tersebut.

Pengurusan Aset Liabiliti adalah bertanggungjawab untuk memantau pendedahan risiko kecairan manakala Perbendaharaan bertanggungjawab dalam menguruskan keperluan kecairan dan pematuhan setiap hari. Had setiap tempoh *bucket* dipantau setiap hari dan apa-apa berlaku kekurangan atau pertambahan yang ketara akan ditangani untuk mengurangkan pendedahan risiko kecairan oleh Bank.

